


Jilid I
Bil. 39



Hari Isnin
7hb April, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4173]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 4233]**
- Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan) [Ruangan 4239]**
- Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah [Ruangan 4268]**
- Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) [Ruangan 4279]**
- Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) [4280]**

UCAPAN TANGGUHAN:

- Pengundi-pengundi didaftarkan Sepanjang Tahun [Ruangan 4285]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 7hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUN (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).

- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN Oo GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDUN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Lubuk Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik.)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERKHIDMATAN AWAM

1. Tuan Richard Dampeng anak Laki (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menambah pengambilan kerja dalam perkhidmatan awam sebagai suatu langkah pembetulan jangka-pendek memandang kepada bertambahnya kadar pengangguran dalam negeri khususnya di kalangan belia.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pengangguran di kalangan belia telah bertambah sedikit pada masa ini disebabkan oleh inflasi dan kemerosotan ekonomi di negara ini bersabit dengan keadaan di seluruh dunia. Peluang-peluang pekerjaan adalah lebih rumit, terutamanya bagi belia-belia yang tiada tahu atau kurang kemahiran. Walau bagaimanapun, dalam hal ini Kerajaan telah mengadakan berbagai kemudahan latihan kepada belia-belia untuk memperolehi kemahiran dalam bidang-bidang pertukangan, pertanian dan sebagainya. Belia-belia adalah digalakkan supaya merebut peluang yang diadakan ini untuk membolehkan mereka diterima oleh pihak majikan yang berkehendakkan pekerja-pekerja yang terlatih di dalam bidang-bidang tersebut. Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun seboleh-bolehnya akan mengambil pekerja-pekerja bagi mengisi kekurangan kakitangan bagi memenuhi jawatan-jawatan yang telah diperuntukkan bagi mereka. Dalam pada itu, Kerajaan telah juga mengadakan projek-projek kecil jangka pendek di bawah rancangan pembangunan di mana peluang-peluang pekerjaan diberi kepada penganggur-penganggur tempatan. Di samping itu Kerajaan telah dan akan sentiasa berusaha untuk menarik pelaburan supaya pengusaha-pengusaha menubuhkan lebih banyak lagi industri-industri dengan mana peluang pekerjaan akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satu langkah yang Kerajaan sedang lancarkan bagi mengurangkan tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi sambil memberi peluang pekerjaan ialah rancangan buku hijau. Adalah diharapkan lebih ramai lagi rakyat di negeri ini, terutamanya belia-belia akan berusaha sendiri di dalam gerakan bumi jaya dan di samping itu mencari nafkah hidup mereka dan juga menambahkan pengeluaran makanan di negara ini.

PEMBUKAAN LADANG BERCUCUK TANAM

2. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Perdana Menteri iaitu memandangkan kepada keutamaan yang diberi kepada projek Buku Hijau, bolehkah beliau menimbangkan pembukaan ladang bercucuk tanam bagi penduduk-penduduk kawasan Ampang, Batu Arang dan Sungei Buloh. Jika ya, dapatkah beliau pastikan bahawa apabila permohonan tanah seperti ini dibuat oleh peladang-peladang keutamaan akan diberi untuk meluluskan permohonan-permohonan tersebut.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semasa membuat rancangan-rancangan bagi sebuah daerah berkaitan dengan rancangan Buku Hijau, Jawatankuasa Tindakan Daerah akan membuat pertimbangan tentang tanah-tanah yang ada di dalam daerahnya. Apabila permohonan tanah dibuat hal ini dapatlah ditimbangkan oleh mereka secara menyeluruh yakni menimbangkan juga dari segi rancangan-rancangan pembangunan daerah itu sendiri. Maka oleh yang demikian, keputusan mengenai segala permohonan tanah adalah wajar dibuat oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Kerajaan Negeri.

PEGAWAI-PEGAWAI DI PEJABAT- PEJABAT TANAH—MENYUSAHKAN ORANG RAMAI

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar bahawa setengah-setengah pegawai dan kakitangan pejabat-pejabat tanah dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sengaja menyusahkan orang ramai sehingga orang ramai terpaksa mengeluarkan perbelanjaan kenaikan turun naik ke pejabat

hanya untuk membuat permohonan, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar pegawai-pegawai di Pejabat Tanah dan juga di Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sengaja hendak menyusahkan orang ramai apabila membuat sesuatu permohonan kepada Kerajaan. Boleh jadi kesusahan seperti Ahli Yang Berhormat telah menyatakan itu timbul apabila terdapat ramai bilangan pemohon-pemohon yang datang ke pejabat tersebut pada hari yang sama, dan ini memanglah tidak dapat dilakukan kerana perkara seperti ini di luar dugaan. Ada kalanya pegawai-pegawai yang mereka ingin temui itu terpaksa keluar bagi menjalankan urusan-urusan rasmi seperti menghadiri mesyuarat dan sebagainya dan mereka itu terpaksa datang sekali lagi untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai ini. Kebanyakan daripada urusan-urusan mereka itu boleh diselesaikan dengan jalan pos sahaja, kerana pada masa ini Kerajaan telah pun menyediakan beberapa kemudahan dalam bidang perhubungan di mana perkhidmatan pos sekarang ini, termasuk di kawasan-kawasan luarbandar adalah memuaskan. Dalam pada itu pun, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahkan kakitangan di Jabatan-jabatannya untuk memproses permohonan-permohonan dengan lebih cepat lagi. Selain daripada menambahkan beberapa cawangan pejabat Kerajaan yang melayani permohonan-permohonan di beberapa tempat, ada juga pejabat-pejabat Kerajaan yang telah mengaturkan supaya orang ramai datang pada hari yang tertentu untuk memberi penjelasan berkenaan dengan sesuatu permohonan mereka. Dalam pada itu, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun menubuhkan Biro Pengaduan Awam semenjak tahun 1971 lagi. Sekiranya sesiapa mempunyai bukti di mana pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan atau Jabatan-jabatan atau badan-badan berkanun sengaja hendak menyusahkan orang ramai, hal ini hendaklah dilaporkan kepada Biro yang berkenaan dengan seberapa segera yang boleh untuk membolehkan pihak Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pernah berlaku dan mengikut laporan

baru-baru ini pun telah ada menurut suatu akhbar pernah seseorang itu datang ke Pejabat Tanah didapati pegawai-pegawai pejabat tidak ada untuk memberi layanan, dan orang-orang ini terpaksa balik dan menghabiskan wang kerana membayar tambang. Adakah tindakan ini diambil supaya perkara ini tidak berlaku lagi supaya sesuai dengan dasar Kerajaan kita yang mengadakan gerakan kerja cepat.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan dalam jawapan saya tadi, mungkin hari itu pegawai-pegawai yang berkenaan ada urusan yang lain. Rakyat yang hendak menemui hendaklah memberitahu pegawai-pegawai yang berkenaan terlebih dahulu yang mereka itu hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai itu. Kalau Ahli Yang Berhormat ini mengambil berat di atas perkara ini dan kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai dalil-dalil beliau bolehlah membuat pengaduan. Perkara yang dicakapnya itu saya tidak tahu kerana terlalu umum, beliau cuma bercakap "ada satu daerah".

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan permintaan-permintaan ini, maka di negeri Sarawak ada permintaan-permintaan juga, umpamanya, projek kecil luar bandar. Permintaan begitu sangat susah untuk orang-orang di sana, sebab kena melalui banyak Jabatan, umpamanya, Pejabat Daerah, Pejabat Residen. Wakil Rakyat yang dipilih dalam kawasan itu tidak ada kuasa memberi kebenaran kepada permintaan-permintaan mereka itu. Oleh hal yang demikian, bolehkah atau tidak Ahli Parlimen memberi arahan kepada Pejabat-pejabat Division atau District atau di tempat-tempat di Sarawak itu supaya Ahli Parlimen boleh memberi kelulusan untuk projek-projek yang kecil seperti permintaan membuat paip atau kerja raya yang kecil atau jambatan, bolehkah tidak

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu tidak bersangkutan dengan soalan yang asal. Apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap; Ahli yang bercakap itu kena duduk dahulu. Soalan Yang Berhormat tidak bersangkutan dengan soalan yang asal. Soalan yang asal ialah berkenaan dengan urusan dan pentadbiran di Pejabat Tanah. Yang Berhormat bercakap

berkenaan dengan permintaan membuat projek-projek D.O., projek Residen, projek negara, projek negeri—itu soalan lain. Bolehlah bawa soalan itu pada masa yang akan datang.

Tuan Jawan anak Empaling: Saya mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa soalan itu sedikit berlain, tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk memberi keterangan atas permintaan-permintaan itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, berpanduan kepada keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kementerian yang berkenaan akan menimbangkan untuk mengurangkan kesibukan kerja-kerja di Pejabat Tanah membenarkan attestation clause didalam borang pindah milik dan gadaian ditandatangani oleh peguam untuk Tanah-tanah Simpanan Melayu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan lain.

SYARIKAT PETROGAS

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang penubuhan syarikat "Petrogas" di Negri Sembilan oleh Kerajaan Negri Sembilan yang melibatkan wang sebanyak \$2,000 juta dan samada Kerajaan Pusat akan menyertai projek tersebut.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, permohonan daripada Petrogas baru diterima pada minggu yang lepas. Dari itu, saya tidaklah dapat menjawab bahagian kedua soalan ini.

KOMPLEKS PETRO-KIMA

5. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kompleks-kompleks petro-kimia yang telah dirancang dalam negara ini dan samada Petronas mempunyai bantahan kepada kompleks petro-kimia yang berharga bermillion ringgit yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negri Sembilan untuk Port Dickson.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini PETRONAS sedang memiliki dan mengkaji cara-cara penggunaan yang optimum bagi sumber petroliam di

negeri ini. Oleh yang demikian, bilangan kompleks-kompleks petro-kimia belum dapat ditentukan lagi.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan ini seperti mana saya sebutkan sebentar tadi, permohonan rasmi daripada Petrogas baru sahaja diterima pada minggu lepas. Dari itu, saya tidaklah dapat mengulas tentang perkara ini pada masa ini.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberi keterangan, apa sebab apabila Kerajaan Negeri mengumumkan hendak menubuhkan suatu kompleks petro-chemical di Port Dickson, Kementerian yang berkenaan menafikan atau tidak bersetuju untuk mendirikan kompleks itu.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, segala permintaan berkenaan dengan yang dikatakan itu hendaklah dibuat kepada Y.A.B. Perdana Menteri atau kepada PETRONAS, dan ia baru sahaja membuatnya.

LEMBAGA PEMBANGUNAN TANAH SARAWAK—PENDAKWAAN

6. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Biro Siasatan Negara akan meneruskan pendakwaan kesnya atas peristiwa yang melibatkan Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak yang telah dituduh dibekalkan dengan perkakas-perkakas telah dipakai (secondhand) dengan bayaran harga perkakas baru oleh pembekal tertentu di Miri, Sarawak. (Rujukan: "Sarawak Tribune" Sabtu, 29hb Jun, 1974 dan "Sarawak Tribune" 17hb Julai, 1974).

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, case ini masih lagi menunggu keputusan muktamat dan saya pun sudah menjawab soalan yang serupa empat hari yang lepas.

DAFTAR SEBAGAI PENGUNDI—MEWAJIBKAN

7. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau fikir mustahak bagi Kerajaan mewajibkan pendaftaran sebagai pengundi kepada semua warganegara

yang telah sampai umur mengundi terutama sekali apabila mengkajikan keadaan buta huruf di kawasan luar bandar, tidak seperti sekarang di mana tanggungjawab mendaftarkan nama terpulang kepada pengundi.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memandang negara ini, negara Malaysia, mengamalkan sistem demokrasi, maka adalah tidak wajar bagi Kerajaan mewajibkan pendaftaran pemilih kerana ini akan bertentangan dengan perinsip-perinsip demokrasi dimana setiap rakyat, antara lain, adalah bebas untuk memilih samada mendaftar atau sebagai pemilih atau tidak, dan setelah mereka mendaftar samada mahu mengundi atau tidak mengundi. Walaupun begitu, Kerajaan sentiasa menggalakkan setiap rakyat membuat permohonan pendaftaran sebagai pemilih. Dalam hal ini saya tidak nampak soal buta huruf menimbulkan apa-apa masalah sama sekali.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kawasan-kawasan di pendalaman mereka langsung tidak dapat mengambil peluang atau diberi peluang untuk mendaftarkan diri menjadi pengundi.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Patrick Anek Uren: Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, adakah beliau akan mengambil tindakan supaya Suruhanjaya Pilihanraya menyiasat dengan telitinya keadaan ini supaya tidak berlaku lagi iaitu ramai orang yang patut didaftarkan tetapi tidak dapat mendaftarkan diri.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi—saya tidak sedar! Tetapi sekiranya saya sedar berkenaan perkara ini, Ahli Yang Berhormat bolehlah menulis surat kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya perkara ini disedarkan, yakni ikhtiar dicari bagi mengatasinya.

KREDIT BANK

8. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa tekanan Kredit Bank sungguh menjejaskan pembangunan di semua bidang di Sarawak iaitu menerusi setengah-se-

tengah sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap meringankan sedikit tekanan itu; dan

- (b) samada beliau akan menimbang meringankan atau melonggarkan lagi tekanan bank untuk membolehkan pembangunan-pembangunan di bahagian swasta patut berjalan dengan sewajarnya yang mana akan mengadakan peluang pekerjaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, Kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah kewangan baru yang melibatkan bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat meminjam dan bank-bank saudagar pada 3hb Februari tahun ini untuk memastikan perluasan kewangan dalam tahun 1975 akan mencukupi untuk memajukan kegiatan ekonomi dalam negeri tetapi tidaklah sebegitu rupa hingga menambahkan kadar inflasi. Sistem kewangan dengan itu akan menjadi cukup cair untuk memenuhi berbagai permintaan kredit oleh sektor swasta tetapi tidaklah sebegitu cair sehingga menggalakkan penggunaan yang tidak perlu, spekulasi, sorokan dan yang tidak menggalakkan simpanan. Kredit akan dibahagikan secara saksama dan sejajar dengan matlamat dasar nasional. Mengenai perkara perkembangan pinjaman dan pendahuluan bank dalam tahun 1975, had pentadbiran telah dihapuskan. Walau bagaimanapun, bank-bank perdagangan dikehendaki terus mengarahkan pinjaman mereka setakat mana yang boleh, bagi tujuan-tujuan produktif, terutamanya untuk menambahkan keupayaan produktif dalam perusahaan perkilangan, termasuk pengeluaran makanan dan bagi pemilikan rumah oleh orang-orang perseorangan. Langkah-langkah ini dikuatkuasakan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

RANCANGAN JAMINAN KREDIT—PINJAMAN

9. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat terlampau banyak (red-tape) dalam proses permohonan pinjaman di bawah Sekim Jaminan Kredit, jika ya, samada beliau akan menentukan supaya perjalanan sekim ini diulang kaji

supaya peniaga-peniaga kecil yang benar-benar berkehendakkan kemudahan-kemudahan S.J.K. mendapat peluang-peluang yang lebih baik untuk mendapat pinjaman di bawah sekim ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada peraturan-peraturan yang dikenakan untuk mendapatkan pinjaman di bawah Rancangan Jaminan Kredit. Peraturan-peraturan itu diperbuat untuk menentukan samada projek itu adalah projek yang "viable" dan pinjaman itu boleh dibayar kembali. Tetapi kadang-kadang terdapat, kelulusan bagi permohonan-permohonan pinjaman adalah lambat daripada biasa. Ini ialah disebabkan bahawa maklumat-maklumat yang diberi oleh si pemohon itu adalah tidak lengkap untuk menentukan samada projek itu adalah projek yang "viable" atau tidak.

Pihak Perbadanan Pinjaman Kredit adalah sentiasa mengkaji peraturan-peraturan ini dan Rancangan Jaminan Kredit itu sendiri telah pun disemak semula pada bulan November 1973 di mana semua bentuk projek-projek kecil dalam bidang perniagaan, perindustrian dan pertanian boleh dibiayai di bawah Rancangan ini dengan mendapatkan pinjaman maksima sebanyak \$100,000 bagi seseorang peminjam atau satu-satu syarikat. Daripada \$100,000 ini pula, \$30,000 boleh diperolehi tanpa cagaran atau "security". Tujuannya ialah untuk menentukan supaya peniaga-peniaga kecil adalah diberi peluang-peluang yang baik untuk mendapatkan pinjaman di bawah Rancangan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Sekim Jaminan Kredit ini tidak begitu mendatangkan hasil kepada peniaga-peniaga kecil dengan sebab keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pinjaman \$30,000 ke bawah oleh peniaga-peniaga kecil tidak perlu mendapat jaminan ataupun cagaran, ini kurang dijalankan oleh pihak bank-bank. Setahu saya pihak bank memerlukan sekurang-kurangnya jaminan daripada dua orang iaitu orang yang bergaji \$500 ke atas, jika tidak permohonan mereka tidak akan diluluskan walaupun di bawah C.G.C. dan walaupun pinjaman itu lebih kurang \$3,000 sahaja.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun cagaran tidak dikehendaki jika sekiranya pinjaman itu ialah \$30,000 ke bawah, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat juga bahawa bank-bank perdagangan mesti juga tahu tentang latar-belakang si pemohon itu. Jika sekiranya mereka hendak mengadakan jaminan yang tersebut, barangkali itu ialah untuk memastikan bahawa si pemohon itu ialah seorang yang mampu membayar balik wang itu.

Tuan Patrick Anek Uren: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di bawah sekim ini pemohon-pemohon perlu memberi reference yang sesuai, kecuali daripada factor viability of the projects. Apakah criterion seseorang reference?

Tan Sri Chong Hong Nyan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini susah saya hendak memberikan jawapan kepada soalan itu oleh kerana criterion mestilah terpulang kepada bijaksana sesebuah bank perdagangan. Saya kata begitu oleh kerana apa yang saya menyatakan barangkali tidak sesuai dengan keadaan kes masing-masing.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan pinjaman di bawah C.G.C. yang banyak menimbulkan kerumitan, kesukahan dan kepayahan, khususnya kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra yang baru cuba hendak memasuki lapangan ini. Saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah pengkajian dibuat berkenaan dengan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh orang-orang yang berkenaan. Adakah kajian dibuat dan berapa banyakkah anak-anak bumiputra yang cuba hendak berniaga telah memperoleh keuntungan ataupun faedah daripada pinjaman di bawah C.G.C. ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah sebutkan tadi, Perbadanan Jaminan Kredit sentiasa mengkaji peraturan-peraturan dan rancangan-rancangan sekim ini. Dalam lapuran tahun ini yang mana saya telah lihat dari segi deraf, dan belum dikeluarkan lagi, nampaknya tambahan jumlah pinjaman telahpun meningkat jauh dari jumlah yang diluluskan dalam tahun 1973. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak tahu tentang butir-butir

berkenaan dengan lapuran ini, saya dengan sukacitanya akan menghantar satu salinan kepada Ahli Yang Berhormat dalam sedikit hari lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Sebagaimana saya sebutkan tadi berkaitan dengan cagaran bukan mengenai kertas-kerja ataupun rancangan itu sesuai atau tidak, tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh menimbangkan agar pinjaman \$10,000 ke bawah tak payah ada jaminan sekiranya projek itu sesuai dan menasabah sebab kes yang ada pada saya banyak benar orang yang memohon \$3,000; \$5,000 dan \$6,000 tidak dapat diberikan oleh bank sekiranya tidak ada penjamin. Bolehkah Menteri yang berkenaan menimbangkan kes semacam itu, hendaknya tak payah ada jaminan, biarlah Sekim Jaminan Kredit itu menjadi penjamin bagi pinjaman itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada dua criteria yang penting. Pertama, ialah projek itu mesti dianggap viable. Kedua, si pemohon itu sanggup atau berkemampuan untuk membayar balik pinjaman itu. Itulah criterion yang penting sekali dan samada patut mengadakan cagaran ataupun tidak, jika pinjaman itu di bawah \$10,000 atau \$5,000 saya akan menimbangkan dan berunding dengan Perbendaharaan tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan jelaskan kepada Dewan ini bahawa tiap-tiap permohonan di bawah Sekim C.G.C. ini boleh dikaji dengan teliti oleh apa-apa bank juga dan selepas kajian dengan teliti itu bank itu boleh memberi keputusan. Saya bertanya dalam hal ini oleh sebab saya berpendapat ada seorang yang ingin mendapat pinjaman \$5,000 untuk menambah modalnya di dalam perniagaan kayu-kayan dan apabila beliau membuat permohonan maka dipapati jawapan dari bank itu bahawa perusahaan kayu-kayannya tidak sesuai sekarang, oleh sebab itu tidak boleh meminjam wang kepada bank tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi criterion yang penting ialah viability dan kemampuan dan jika sekiranya sesebuah bank perdagangan berkata bahawa satu-satu projek dalam masa ini tidak viable, umpamanya

perdagangan dan perusahaan kayu-kayan, setakat ini, itu terpulanglah kepada bank perdagangan yang berkenaan.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman di bawah Sekim C.G.C. ini pada pandangan saya tidak dijalankan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil. Saya sendiri telah menerima pengaduan daripada orang-orang yang berkenaan; orang yang hendak meminjam \$15,000 dengan penjaminnya ada, securitynya ada. Jawapannya tidak boleh diberi lebih daripada \$7,000 dan kalau sekiranya Timbalan Menteri yang berkenaan berkehendakan bukti-bukti berkenaan dengan perkara ini khususnya mengenai bumiputra, barangkali tak terlarat dan tak terdaya Menteri hendak membaca repot-repot dan aduan-aduannya. Oleh sebab itu, saya minta dan bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah Kementeriannya bercadang hendak menyemak dan meneliti tiap-tiap bank yang ada dalam negeri ini khususnya bank-bank asing di dalam cara-cara menjalankan rancangan C.G.C. ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil perhatian atas teguran-teguran Ahli Yang Berhormat itu dan seperti yang saya sebutkan tadi Perbadanan Jaminan Kredit sentiasa mengkaji masalah yang dihadapi oleh Perbadanan ini. Sukacita saya hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Perbadanan ini baharu sahaja ditubuhkan. Perbadanan ini menjalankan perniagaan, baharu dua tahun sahaja dan jikalau ada kesulitan-kesulitan yang timbul patutlah kita memberi peluang kepada Perbadanan ini untuk mengkaji dan memperbaiki lagi pentadbiran Perbadanan ini.

SEWA RUMAH DI BANDARAYA

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengkaji masalah kenaikan sewa rumah yang tidak berpatutan di Bandaraya dengan tujuan mengadakan kawalan sewa rumah supaya melindungi kepentingan penyewa-penyewa rumah, memandangkan perkara ini telah dibangkitkan di dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada mengambil sebarang langkah-langkah untuk mengkaji masalah kenaikan sewa rumah yang tidak berpatutan di kawasan Bandaraya demi kepentingan penyewa-penyewa rumah.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum Akta Kawalan Sewa, 1966 dibuat dengan tujuan hendak menghapuskan kawalan dengan secara berperingkat-peringkat ke atas sewa-sewa rumah dan Akta tersebut telah berjalan hampir 9 tahun. Adalah difikirkan proses ini akan mengambil masa yang panjang mungkin 10 hingga 20 tahun lagi. Malangnya sementara itu inflasi telah timbul di negara kita dan ini mengakibatkan berbagai-bagai masalah pada ekonomi dan kesetabilan negara. Kerajaan berharap bahawa keadaan inflasi mungkin dapat diatasi mungkin dalam 1-2 tahun lagi dan sewa rumah akan jatuh semula.

Walaupun demikian Kerajaan sedang melaksanakan Rancangan-rancangan Rumah Murah untuk menolong mengatasi masalah ini. Begitu juga Dewan Bandaraya bercadang hendak membina 30,000 yunit dalam tempoh lima tahun akan datang. Sementara itu saya berasa sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi syur-syur yang bernas untuk membantu usaha-usaha Kementerian saya hendak menghadapi masalah ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini samada Kerajaan akan memperluaskan kuasa Akta Kawalan Sewa untuk mencegah kenaikan sewa terhadap rumah-rumah yang dibina selepas tahun 1948?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kerajaan tidak ada apa-apa rancangan untuk mengkaji perkara itu.

PEMOGOKAN PEKERJA-PEKERJA L.L.N.

11. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab pemogokan dilakukan oleh pekerja-pekerja L.L.N. baru-baru ini;
- (b) solusi-solusi untuk menyelesaikan kerumitan pekerja-pekerja L.L.N.; dan

(c) jumlah orang yang didakwa atau ditahan akibat pemogokan tersebut.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, pemogokan ini telah dilancarkan oleh sebilangan besar pekerja-pekerja Bahagian Pekerja-pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar (I.M.G.) dalam Lembaga Letrik Negara dan sungguhpun mereka itu adalah ahli-ahli Kesatuan Pekerja-pekerja Lembaga L.L.N. tetapi pihak Kesatuan itu sendiri tidak sekali-sekali menyokong tindakan tersebut. Oleh kerana tindakan itu dilancarkan dengan tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, ianya adalah dianggap sebagai pemogokan yang haram.

(a) Sebab-sebab pemogokan dilakukan oleh pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara baru-baru ini adalah bersangkutan dengan:

(i) Kelambatan keluarnya Laporan Suruhanjaya Harun;

(ii) Kesilapan menaip yang telah berlaku di dalam peningkatan sekumpulan pekerja-pekerja Bahagian Pekerja-pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar (I.M.G.) di dalam Kategori D19.

(b) Pada masa ini Badan Pengurusan Lembaga Letrik Negara telah bersetuju membincangkan segala kepincangan-kepincangan (anomalies) yang terdapat di dalam tanggagaji Harun itu dengan pihak Kesatuan Pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara, dan sekiranya didapati perkara-perkara yang mempunyai alasan yang menasabah, maka rujukan akan dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan selanjutnya. Sementara itu, pihak Kesatuan telah dinasihatkan supaya mengemukakan segala tuntutan baru, sekira ada kepada Suruhanjaya Ibrahim Ali yang baru ditubuhkan itu.

(c) 16 orang telah ditangkap dan didakwa ke mahkamah. Mereka diberi jaminan sehingga bicara.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar baru-baru ini kesatuan yang mewakili buruh kadar (I.M.G.) telah memberi notis kepada

L.L.N. bahawa kesatuan itu akan bertindak mogok sekiranya masalah-masalah yang menghadapi pekerja-pekerjanya tidak diselesaikan oleh pihak L.L.N. Oleh sebab itu, bolehkah pihak L.L.N. mencepatkan kajian dan menyelesaikan masalah-masalah antara pihak L.L.N. dan pihak pekerja?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah bersangkut soalan ini dengan soalan yang asal? Saya rasa tak bersangkut.

Dr Tan Chee Khoo: Ada bersangkut. Oleh sebab itu pada pendapat pekerja-pekerja buruh kasar (IMG) yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan masalah yang menghadapi pekerja-pekerja belum diselesaikan oleh pihak L.L.N., oleh sebab itu mereka hendak mogok.

Tuan Yang di-Pertua: Tak bersangkut. Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi akan sebab-sebabnya.

LADANG-LADANG GETAH/KELAPA SAWIT—TANAM SEMULA

12. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pekerja-pekerja ladang getah telah kehilangan pekerjaan mereka akibat ladang-ladang getah ditanam semula dengan kelapa sawit, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk memberikan pekerja-pekerja ini pekerjaan-pekerjaan lain.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tetapi ladang-ladang getah yang hendak ditanam semula dengan kelapa sawit itu adalah berlaku berperingkat-peringkat. Apabila kehilangan pekerjaan telah berlaku di tiap-tiap peringkat, Kementerian saya telah mengambil inisiatif dengan majikan-majikan yang berkenaan untuk mendapatkan pekerjaan yang lain samada di ladang-ladang getah tersebut yang mana hendak ditanam semula dengan kelapa sawit atau di ladang-ladang getah di lain-lain tempat yang dipunyai oleh majikan yang berkenaan. Di samping itu juga Kementerian saya telah cuba mendapatkan pekerjaan yang lain di ladang-ladang yang berdekatan. Walau bagaimanapun penoreh-penoreh getah ada-

lah dikehendaki di lain-lain tempat di negara ini jika pekerja-pekerja itu sanggup menukar tempat kerja mereka.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika benar Kementerian yang berkenaan sedar bahawa penukaran syarat tanaman itu akan melibatkan pekerja-pekerja terbuang kerja mengapa maka pihak-pihak yang berkenaan membenarkan pertukaran syarat tersebut dengan tidak diberikan syarat yang ketat supaya pekerja-pekerja ini dapat kerja seterusnya?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi tanaman semula dari getah kepada kelapa sawit berlaku berperingkat-peringkat dan apabila ladang itu ditukar seperti ini pekerja-pekerja yang dikehendaki adalah sangat kurang. Walau bagaimanapun, majikan memberi kerja-kerja lain di dalam ladang-ladang itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan tidak mengerti sepenuhnya soalan saya tadi. Tiap-tiap satu ladang tidak akan dapat menukarkan syarat tanamannya tanpa kebenaran pihak-pihak yang berkenaan, misalnya daripada getah tidak boleh ditanam kepada kelapa sawit tanpa kebenaran. Jadi, kalau benar-benar sedar mengapa dibenarkan pertukaran tanaman itu dengan tidak diberi syarat yang ketat supaya pekerja-pekerja ini dapat terus bekerja, itu soalan saya. Dan juga lagi satu perkara, kalau benar bahawa sebagaimana yang dikatakan oleh beliau ada pekerja-pekerja yang telah diberi kerja di tempat-tempat yang lain, saya hendak tahu berapa bilangan pekerja-pekerja itu dan di mana pekerja-pekerja itu diberi kerja?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tak bersangkut dengan soalan asal, Ahli Yang Berhormat. Soalan asal mengatakan buruh-buruh tak dapat kerja bila ditanam semula dengan kelapa sawit. Masalahnya mengapa ditanam dan dibenarkan tanaman kelapa sawit bukanlah tanggungan Kementerian ini, itu adalah tugas Pejabat Tanah, jadi tak bersangkut langsung atas soalan itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa ada sangkutannya kerana ini ialah pertukaran jenis tanaman yang ditanam di ladang itu.

Saya mengetahui bahawa sebelum perkara ini dapat ditukarkan, pihak-pihak yang berkenaan telah dirojak oleh pihak Kementerian Buruh, pihak Pejabat Tanah dan sebagainya dan bersandarkan kepada komen-komen daripada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaanlah barulah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan itu tak bersangkutan dengan soalan asal ini. Soalan itu bagus, tetapi kalau hendak bertanya buat di lain kali sahaja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua.

NILAI EKONOMI MELAYU

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan sejauh manakah Kerajaan dapat menggunakan kesempatan terhadap nilai-nilai ekonomi orang-orang bukan Melayu dan mengintegrasikannya dengan nilai-nilai tradisi Melayu untuk mengujudkan suatu kelompok antara kaum yang kuat bekerja dalam menjalankan pekerjaan yang sama seperti tujuan mengadakan rancangan-rancangan tanah FELDA, dll.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah terlalu umum kerana pada praktiknya nilai-nilai ekonomi tidak dapat disamakan dengan nilai-nilai tradisi, lebih-lebih lagi bila kita mengaitkan FELDA sebagai satu contoh apa yang dinamakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai integrasi.

Tujuan utama terhadap penubuhan rancangan-rancangan tanah ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk-penduduk luar bandar melalui perlaksanaan usaha-usaha pertanian dan ekonomi yang bercorak moden. Di samping itu, usaha-usaha juga diambil untuk memelihara nilai-nilai tradisi kebudayaan Malaysia yang berteraskan kepada Kebudayaan Melayu. Dengan cara sedemikian, Kerajaan berharap dapat mengembangkan perimbangan kemasyarakatan yang menghargai nilai-nilai ke- rohanian dan kebendaan yang sebaik-baiknya.

ISTILAH BAHASA MALAYSIA-INDONESIA

14. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor minta Menteri Pelajaran menyatakan samada usaha-usaha bagi menyelaraskan istilah-istilah bahasa antara Malaysia-Indonesia telah dijalankan, dan jika ya, nyatakan kemajuannya setakat ini, dan jika tidak, apakah pandangan Kementerian bersabit dengan perbezaan berbagai istilah antara kedua negara terutama di bidang ilmu pengetahuan.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha bagi menyelaraskan istilah-istilah dalam bidang ilmu pengetahuan antara bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia telah pun dijalankan, terutama sekali selepas diisytiharkan pemakaian sistem ejaan baharu pada tahun 1972. Pada akhir tahun 1972, Menteri Pelajaran telah melantik sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Jawatankuasa ini telah mengadakan perundingan dengan Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia dan hasil daripada perundingan tersebut ialah terbentuknya Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia pada 25hb Disember, 1972.

Majlis ini berfungsi dan bertindak sebagai satu badan bersama yang akan mengadakan pertemuan-pertemuan untuk memikirkan, menelaah dan memperbincangkan hal-hal bersama dalam bidang tatabahasa, tataistilah, ejaan dan hal-hal lain yang berhubungan dengan soal bahasa pada umumnya di kedua negara Malaysia dan Indonesia. Hasilnya diserahkan kepada Kerajaan untuk diperimbang dan diputuskan.

Sehingga kini, Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia telah mengadakan persidangan sebanyak lima kali secara bergilir-gilir di Malaysia dan di Indonesia. Di dalam persidangan-persidangan yang telah diadakan itu perhatian Majlis ini ditumpukan kepada masalah dan usaha bagi menyelaraskan istilah-istilah ilmu pengetahuan Bahasa Malaysia dan Indonesia. Kemajuan yang telah dicapai sehingga awal tahun 1975 ini amat menggalakkan. Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia telah sepakat dan menyiapkan rumusan-rumusan penting "Pedoman Umum Pembentukan Istilah" dan "Pedoman Umum Ejaan" yang lebih lengkap.

Dengan adanya Pedoman Umum Pembentukan Istilah yang sama, kemasukan istilah-istilah baru ilmu pengetahuan dalam kedua-dua bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia akan lebih selaras dan memberi menafaat kepada perkembangan kedua-dua bahasa. Sebahagian besar daripada istilah-istilah ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi yang berbeza selama ini mungkin mudah dapat diselaraskan secara bersistem dengan adanya Pedoman Umum Pembentukan Istilah tersebut. Dewan Bahasa dan Pustaka serta pusat-pusat pengajian tinggi telah mula mempraktikkan sebahagian daripada istilah-istilah Bahasa Malaysia yang telah diselaraskan dengan bahasa Indonesia. Sekarang ini persiapan sedang dibuat supaya hasil-hasil kerja Majlis ini dapat diteliti dan diputuskan. Dijangka pengisytiharan pemakaianya secara rasmi akan diumumkan oleh kedua buah negara dalam tahun ini.

BAYARAN HOSPITAL BERSALIN

15. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menaikkan kadar bayaran dalam hospital-hospital bersalin Kerajaan kepada pesakit-pesakit yang bukan warganegara memandangkan harga alat-alat perubatan bersalin yang mahal dan keadaan ekonomi negara sekarang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang hendak menaikkan bayaran hospital bersalin bagi pesakit-pesakit yang bukan warganegara.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ini bererti, Kerajaan memberi layanan yang lebih baik kepada orang-orang yang bukan warganegara sendiri padahal pembayaran cukai adalah terdiri daripada rakyat kita.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkait dengan berbagai-bagai warganegara di rantau kawasan kita ini. Misalnya, di negeri Sabah, kita adalah memberi rawatan perubatan kepada orang-orang yang bukan warganegara kita, umpamanya orang-orang yang datang daripada pulau-pulau daripada Philipines, khususnya di Hospital Kudat dan Hospital Tawau. Kebanyakan pesakit-pesakit daripada negeri asing itu datang untuk mendapat

perubatan, kita berikan juga oleh kerana sebagai sikap berperper kemanusiaan dan di sebelah sini kita ada berkaitan dengan negeri Thai, orang-orang kita di Kelantan masuk ke negeri Thai untuk rawatan perubatan dan juga orang-orang Thai masuk ke Kelantan untuk meminta rawatan perubatan. Jadi dengan tujuan ini dasar Kerajaan kita ini ialah untuk memberi rawatan perubatan kepada orang-orang kita, khasnya dan juga kepada orang-orang asing jika mereka melawat ke negeri kita ini atau bersalin di hospital kita memberi juga apa-apa rawatan perubatan yang boleh. Pada fikiran kita ini sebuah negara yang akan berhubung dengan negara-negara yang lain. Oleh kerana itu tidaklah ada dasar Kerajaan kita ini untuk menaikkan bayaran hospital bersalin kepada orang-orang yang bukan warganegara kita.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan bercadang menaikkan kadar bayaran bukan untuk Kelas I sahaja, bukan untuk Hospital-hospital Bersalin, tetapi untuk Hospital Umum juga oleh sebab kes-kes kepada tiap-tiap pesakit perlu dinaikkan dan pada pendapat saya, kadar bayaran untuk Kelas I terlampau rendah, dan oleh sebab itu adakah Menteri yang berkenaan bercadang menaikkan kadar bayaran untuk Kelas I sahaja.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengkaji bagaimanakah bayaran-bayaran di Kelas I, Kelas II dan Kelas III. Kajian ini belum mendapat apa-apa hasil pada masa ini. Kementerian ini belum ada cadangan untuk menaikkan bayaran Kelas I sungguhpun bayaran Kelas I di Hospital Kerajaan ialah \$25 hingga \$35. Tetapi jika dibandingkan dengan bayaran-bayaran hospital swasta, Kelas I bayarannya adalah paling tinggi sekali jika dibandingkan dengan bayaran dengan Hospital Kerajaan. Akan tetapi, bilangan katil di hospital-hospital Kerajaan, Kelas I cuma ada 4 peratus sahaja. Itu satu bilangan kecil sahaja tidak seperti Kelas III, Kelas III katil ada 88 peratus. Jadi pada pendapat Kementerian ini belum ada apa-apa keputusan dibuat sekarang.

Tuan Jaafar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru sebentar tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan dengan sebab memandangkan daripada segi per kemanusiaan dan walaupun menerangkan di atas kedudukan

bagaimana sambutan pihak Thailand, Sabah dan Sarawak, tetapi tidak pula menyentuh bagaimana pula sambutan daripada pihak Kerajaan Singapura terhadap rakyat Malaysia yang ingin bersalin di Singapura. Sedangkan saya sebagai wakil di Semenanjung Malaysia yang duduk di dalam bandar Johor Bahru mengetahui sangat-sangat perkara ini bahawa ada terdapat sebilangan besar daripada rakyat-rakyat yang datangnya daripada jiran tetangga kita telah banyak bersalin di Hospital Kerajaan di Johor Bahru, manakala harga dikenakan tidak begitu tinggi. Apakah rakyat Malaysia yang berkhidmat dan bekerja di Singapura apabila hendak bersalin, ada kadang-kalanya bukan sahaja dikenakan dengan bayaran yang begitu tinggi, bahkan ada kadang-kala tidak diterima langsung dalam masaalah ini. Oleh yang demikian, saya ingin tahu adakah Menteri yang berkenaan sedar di atas perkara-perkara yang berlaku ini terhadap orang-orang yang bukan warganegara Malaysia yang telah bersalin di Hospital Kerajaan di Johor Bahru dengan begitu banyak, dan apakah tindakan-tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan di dalam hal ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat terima apa-apa laporan dengan butir-butirnya hingga sekarang ini. Jikalau kita dapat satu laporan dengan butir-butir yang teliti berbanding dengan banyaknya orang-orang yang bukan warganegara, khususnya daripada Singapura bersalin di Hospital Bersalin di Johor Bahru, barangkali kita boleh ambil perhatian. Dan apabila orang-orang daripada Singapura itu datang untuk bersalin di Hospital Bersalin Johor, itu satu bukti bahawa Malaysia kita ini adalah lebih maju daripada Singapura dan oleh kerana itulah mereka itu datang ke negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Melainkan ada bukti-bukti Yang Berhormat, kita tidak boleh bincangkan apa-apa perkara urusan hal ehwal negeri-negeri orang lain, terutama sekali negeri-negeri tetangga dan negeri-negeri sahabat. Peraturan tidak meluluskan.

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan ataupun Kerajaan seluruhnya sebab dalam negara kita ini kita ada memakai undang-

undang *jus soli*, orang-orang yang dilahirkan di sini berhak menjadi rakyat negeri ini, maka apakah akibat yang akan timbul kelak jika dengan sebab kelahiran itu bertambah rakyat daripada luar?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau tidak salah saya dalam Perlembagaan kita yang telah dipinda pada masa yang lalu, anak-anak yang dilahirkan di negeri kita yang ibu bapanya bukan warganegara kita, anak itu tidak boleh menjadi warganegara Malaysia.

PEKERJA-PEKERJA DIBERHENTIKAN KERJA AKIBAT KEMELESETAN

16. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja akibat kemelesetan perniagaan dalam tahun 1975 dengan menyebutkan jenis perusahaan yang terlibat;
- (b) samada terdapat firma-firma atau industri-industri yang memberhentikan pekerja-pekerjanya dengan alasan kemelesetan perniagaan, sedangkan setelah diberhentikan pekerja-pekerjanya diambil pula pekerja-pekerja baru untuk mengurangkan pembayaran gaji; jika ya, sebutkan jenis firma-firma dan industri-industri yang terlibat; dan
- (c) samada pemberhentian kerja ini akan berterusan dalam negara kita dan nyatakan rancangan Kerajaan untuk menjamin bahawa kejadian pemberhentian pekerja secara beramai-ramai tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tahun 1975, iaitu hingga 20hb Mac, 1975 jumlah pemberhentian pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia ialah 2,309. Pecahan mengikut industri ialah seperti berikut:

Letronik	...	...	1103
Papan lapis (veneer)	...	...	287
Papan lapis	...	...	325
Lain-lain industri	...	...	604

Pemberhentian pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak terutamanya ialah dari perindustrian kayu-balak. Angka-angka yang berkaitan bagi tahun 1975 tidak diperolehi, tetapi jumlah pemberhentian dalam tahun 1974 terhadap perindustrian ini ialah seperti berikut:

Sabah	...	...	...	3920
Sarawak	...	...	...	6078

- (b) Kementerian saya tidak pasti akan sebarang peristiwa yang berlaku di mana perusahaan-perusahaan telah memberhentikan pekerja-pekerjanya dengan alasan kemelesetan perniagaan dan selepas itu mengambil pekerja-pekerja dengan kadar bayaran gaji yang lebih rendah.
- (c) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Dewan sedia mengetahui pemberhentian pekerja-pekerja ujud di seluruh dunia disebabkan keadaan-keadaan ekonomi yang tidak stabil. Di beberapa buah negara lain pemberhentian pekerja-pekerja berlaku lebih banyak dari angka yang berlaku di Malaysia. Pemberhentian pekerja-pekerja akan terus berlaku sekiranya keadaan ekonomi dunia berterusan dalam keadaan muram. Objektif Kerajaan ialah supaya majikan-majikan tidak melakukan pemberhentian pekerja-pekerja dengan tujuan mengatasi kesulitan yang mereka hadapi sekarang. Pemberhentian hendaklah dilakukan hanya sebagai langkah yang terakhir dan itu pun setelah tidak ada jalan lain untuk menjauhinya. Sehingga ini Kerajaan telah menubuhkan satu badan petugas untuk meneliti kemungkinan berlakunya pemberhentian pekerja-pekerja di mana-mana tempat kerja atau perusahaan dan mengesyorkan cara-cara meringankan kedudukan itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar bahawa Kerajaan pada keseluruhannya telah mengambil berbagai-bagai langkah bagi menstabilkan keadaan ekonomi negara

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 63 adalah diberi di bawah ini).

KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN

17. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa kejadian kebocoran kertas-kertas peperiksaan sebagaimana yang berlaku di Perak tahun lepas berhubung dengan Kertas Peperiksaan Bahasa Malaysia bagi tahun 1974 tidak akan berlaku lagi di masa hadapan sebab kejadian seperti ini menyebabkan kesusahan yang tidak sepatutnya diterima terhadap mereka yang mengambil peperiksaan yang terpaksa mengambil peperiksaan tersebut dua kali.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Saya boleh memberi pengakuan di sini bahawa akibat berlakunya kejadian kebocoran kertas-kertas soalan pada tahun 1974 itu maka aspek keselamatan dalam pengelolaan peperiksaan di Kementerian saya telah dikaji semula secara yang menyeluruh dengan tujuan supaya langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk memastikan kejadian kebocoran itu tidak akan berulang lagi pada masa hadapan. Hasil kajian semula tersebut maka peraturan-peraturan yang sedia diamal mengenai keselamatan peperiksaan telah dan sedang diperketatkan lagi serta beberapa peraturan baru mengenainya ditokokkan di peringkat Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran. Di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri juga pentadbiran Bahagian Peperiksaannya telah dan sedang diperkemaskan dengan sewajarnya. Selain dari itu tindakan juga telah diambil untuk berunding dengan Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge dan pencetak-pencetak yang berkenaan di luar negeri untuk meminta badan-badan tersebut memperketatkan lagi langkah-langkah keselamatan berhubung dengan pengelolaan peperiksaan.

MEL UDARA DARI SEMENANJUNG MALAYSIA KE SABAH/SARAWAK

18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah peraturan-peraturan yang disediakan oleh perkhidmatan pos bagi mel-mel melalui laut pergi balik Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Mulai daripada 1hb April, 1972, semua mel-mel kecuali bungkusan

biasa, adalah dihantar dengan udara dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak. Sebelum 1hb April, 1972, hanya mel-mel kelas satu sahaja, iaitu benda-benda pos surat (letter post items) di mana bayaran-bayaran pos sewajarnya telah dibayar, dihantar dengan udara. Mulai daripada 1hb April, 1972, hanya bungkusan-bungkusan biasa sahaja dihantar melalui laut. Ianya dihantarkan melalui semua kapal-kapal yang terdapat dari pelabuhan-pelabuhan Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya serta juga melalui Singapura. Terdapat lebih kurang 4 pelayaran ke Kuching tiap-tiap bulan.

KEGELISAHAN PELAJAR-PELAJAR

19. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Penyelidikan ke atas sebab-sebabnya berlaku kegelisahan pelajar akan siap, samada beliau sedar bahawa kegelisahan pelajar ini adalah masalaah dunia dan tindakan-tindakan seperti menahan para pelajar dan pensyarah tidak akan dapat menyelesaikan kegelisahan penuntut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Satu Jawatan-kuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dibentuk bagi mengkaji masalaah kegelisahan pelajar-pelajar dan membuat perakuan-perakuan tentang cara-cara mengatasinya. Penyelidikan tentang sebab-sebabnya berlaku kegelisahan pelajar-pelajar akan mengambil masa yang panjang dan tidaklah diketahui bilakah ia akan siap.

Kerajaan yakin bahawa tindakan-tindakan tegas yang diambil termasuk tahanan ke atas pemimpin-pemimpin pelajar dan pensyarah-pensyarah dalam tunjuk-tunjuk perasaan baru-baru ini akan memberikan kesan yang diharapkan.

MENAJA (SPONSOR) PELAJAR-PELAJAR PERSENDIRIAN DI LUAR NEGERI

20. Tuan Jaafar bin Hamzah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada apa-apa peraturan di mana penuntut-penuntut yang bercadang hendak belajar di luar negeri dengan perbelanjaan sendiri mesti mendapatkan kebenaran Kementerian; jika

tidak, nyatakan apakah cara yang perlu dibuat bagi mendapatkan sesuatu kebenaran dari Kementerian.

Dr Mahathir bin Mohamad: Pada masa ini Kementerian Pelajaran menaja (sponsor) pelajar-pelajar persendirian ke empat buah negara sahaja, iaitu United Kingdom, Indonesia, Pakistan dan Bangladesh. Pelajar-pelajar yang bercadang hendak belajar dengan perbelanjaan sendiri di negara-negara itu hendaklah mendapat tajaan atau sokongan dari Kementerian Pelajaran. Tajaan ini perlu diperolehi terlebih dahulu untuk seseorang pelajar persendirian itu sebelum Sijil Kebenaran masuk (Entry Certificate) atau visa akan dikeluarkan oleh Kedutaan atau Suruhanjaya Tinggi asing yang berkenaan untuk masuk ke negaranya sebagai penuntut. Kelulusan tajaan ini dikelola oleh Seksi Biasiswa dan Taja di Kementerian saya.

Seseorang pelajar itu boleh mendapat tempat belajar sama ada dengan menulis sendiri atau melalui Kementerian Pelajaran. Untuk tajaan ini seseorang pelajar hendaklah mengisi satu set Borang Tempat (bagi mereka yang belum lagi mendapat tempat belajar) atau Borang Anjur (bagi mereka yang telah pun mendapat tempat belajar).

Borang-borang itu kemudiannya akan di hantar kepada Pengarah, Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di negara-negara yang berkaitan, untuk menguruskan tempat di institusi-institusi pelajaran. Setelah Kementerian Pelajaran berpuashati bahawa seseorang pelajar itu adalah seorang pelajar 'bona fide' yang

- (i) ianya seorang warganegara Malaysia,
- (ii) mampu membiayai perbelanjaan pelajarannya dengan membekalkan satu Surat Akuan Bank,
- (iii) cukup sihat dan tidak mengidap sesuatu penyakit yang berjangkit atau merbahaya,
- (iv) telah mendapat tempat belajar di institusi di seberang laut,

maka suatu Sijil Sokongan (Certificate of Recommendation) akan dikeluarkan kepada pelajar itu untuk membolehkannya mendapat visa dari perwakilan asing yang berkenaan di Kuala Lumpur.

Biasanya kerja memproses permohonan oleh Kementerian Pelajaran memakan masa selama empat minggu atau lebih. Oleh yang demikian saya suka mengambil peluang di sini menasihati pelajar-pelajar persendirian yang bercadang hendak pergi menuntut di empat buah negara yang dimaksudkan tadi supaya mereka membuat permohonan untuk tajaan ini awal-awal sebelum kursus mereka bermula supaya permohonan mereka tidak lewat diluluskan. Sering juga Kementerian saya dituduh melambatkan permohonan-permohonan ini tetapi setelah diselidiki selalunya didapati bahawa kelewatan itu disebabkan oleh pemohon-pemohon itu sendiri yang telah tidak mematuhi arahan-arahan Kementerian saya dan mengembalikan borang-borang permohonan mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

Berkenaan dengan pelajar-pelajar yang berhajat hendak menuntut di negara-negara selain daripada United Kingdom, Indonesia, Pakistan dan Bangladesh, mereka hendaklah membuat permohonan dengan perwakilan asing yang berkenaan di Kuala Lumpur dan mereka tidak perlu memohon menerusi Kementerian Pelajaran.

GURU-GURU UGAMA DI SEKOLAH RENDAH

21. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa gaji guru-guru agama kategori B1 di Sekolah-sekolah Rendah telah dinaikkan kepada Kategori C2 tanpa kelulusan SPM/MCE; jika ya, nyatakan samada beliau akan menaikkan gaji guru-guru Kategori B1 yang lain di sekolah-sekolah rendah kepada Kategori C2.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya sedar. Guru-guru agama Kategori B1 di Sekolah-sekolah Rendah telah ditempatkan kepada Kategori C2 sebagai satu "concession". Saya tidak bercadang untuk menempatkan guru-guru Kategori B1 yang lain di Sekolah-sekolah Rendah kepada Kategori C2.

MAJLIS PENASIHAT PELAJARAN UGAMA ISLAM

22. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis

Penasihat Pelajaran Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pelajaran baru-baru ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Majlis Penasihat Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam setakat ini telah mengadakan beberapa kali mesyuarat dan telah membincang dan menentukan perkara-perkara yang akan dikaji oleh Majlis ini iaitu di antaranya: matlamat, konsep dan tujuan pendidikan agama, bentuk pendidikan agama, kurikulum-kurikulum pelajaran agama, peperiksaan, latihan guru-guru agama dan lain-lain.

MERINYU KEMATIAN (INSPECTOR OF DEATHS)

23. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau akan menimbang menambah bilangan Merinyu-merinyu Kematian (Inspector of Deaths) di dalam Wilayah Persekutuan oleh kerana bilangannya amat kurang pada masa ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak bercadang untuk menambah bilangan Merinyu-merinyu Kematian (Inspector of Deaths) di Wilayah Persekutuan pada masa ini. Ini adalah kerana didapati bahawa dua orang Merinyu Kematian yang ada sekarang, mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan pengesahan kematian di sekitar Wilayah Persekutuan.

Pada pukul ratanya, Merinyu-merinyu Kematian memeriksa lapan kematian sehari di Wilayah Persekutuan. Kematian-kematian yang berlaku di rumah-rumah sakit dan di klinik-klinik adalah diperiksa dan disahkan oleh doktor-doktor di rumah-rumah sakit dan klinik-klinik berkenaan.

Jika didapati bahawa kadar kematian bertambah di Wilayah Persekutuan pada masa akan datang, pihak Dewan Bandaraya akan menimbangkan untuk menambah bilangan Merinyu Kematian yang ada.

PENUNTUT-PENUNTUT SARAWAK DI UNIVERSITI/INSTITUT

24. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) apakah peratus penuntut-penuntut Sarawak yang mengambil pelajaran di:

- (i) berbagai Universiti di Semenanjung Malaysia; dan
 (ii) maktab-maktab MARA di seluruh Malaysia berbanding dengan bilangan pengambilan pe-

- nuntut keseluruhannya di tiap-tiap tempat; dan
 (b) apakah kadar dan peratus kelulusan penuntut-penuntut ini bagi tiga tahun yang lepas.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (i) Peratus penuntut-penuntut Sarawak di universiti-universiti tempatan dan Institut Teknologi MARA bagi tahun pengajian 1974-75 ialah seperti berikut:

Bil.	Institusi	Peratus penuntut-penuntut Sarawak
1.	Universiti Malaya	4.1%
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	0.5%
3.	Universiti Sains Malaysia	2.4%
4.	Universiti Pertanian Malaysia	5 %
5.	Institut Teknologi Kebangsaan	1 %
6.	Institut Teknologi MARA Shah Alam	1.2%
7.	Institut Teknologi MARA Sarawak	64.9%
8.	Institut Teknologi MARA Sabah	13.6%

- (ii) Peratus kelulusan penuntut-penuntut Sarawak di universiti-universiti tempatan dan Institut Teknologi MARA bagi tiga tahun yang lepas ialah:

Bil.	Institusi	% Kelulusan penuntut-penuntut Sarawak mengikut tahun pengajian		
		1972/73	1973/74	1974/75
1.	Universiti Malaya	87.5%	90.2%	Belum diketahui
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	100%	100%	"
3.	Universiti Sains Malaysia	100%	88.3%	"
4.	Universiti Pertanian Malaysia	57.1%	83.3%	"
5.	Institut Teknologi Kebangsaan	100%	100%	"
6.	Institut Teknologi MARA Shah Alam	41.2%	33.3%	32.4%
7.	Institut Teknologi MARA Sarawak	Belum ditubuh	84.8%	86.1%
8.	Institut Teknologi MARA Sabah	"	100%	76%

BUKU-BUKU TEKS—SEKIM PINJAMAN

25. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Rancangan Pinjaman Buku-buku Teks telah diperluaskan ke Sarawak dan adakah Rancangan ini akan melibatkan mereka yang di sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan sekolah-sekolah rendah Bantuan Kerajaan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Sekim Pinjaman Buku-buku Teks yang dilancarkan mulai awal tahun 1975 telah juga diperluaskan ke Sarawak. Bantuan itu juga melibatkan murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan dan sekolah-sekolah rendah dan menengah Bantuan Kerajaan di negeri tersebut.

TANDA HARGA/GRED BARANG

26. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang kesusahan yang dikenakan ke atas penjual-penjual barang runcit akibat daripada perlunya mereka menanda lebih daripada 80 jenis barang-barang yang menunjukkan gred, mutu dan harga; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kesulitan mereka.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa Peraturan-peraturan bagi mewajibkan tanda harga dan

gred itu bukanlah perkara baru. Ianya telah dimulakan sejak 13hb Jun, 1967. Tetapi pada masa itu Peraturan ini hanya dikenakan ke atas 4 jenis barang sahaja iaitu beras, gula, tepung gandum dan minyak masak. Setelah mendapat sokongan daripada pengguna-pengguna dan juga pekedai-pekedai runcit sendiri maka beberapa jenis barang lagi telah ditambah pula pada tahun 1969 menjadikan 54 jenis barang yang diwajibkan tanda harga dan gred. Pada tahun 1972 beberapa jenis barang lagi telah ditambah untuk dikenakan tanda harga dan gred yang menjadikan 84 jenis. Pada masa itu pekedai-pekedai runcit tidak mempunyai apa-apa kesulitan bahkan ianya memudahkan pekedai-pekedai itu sendiri bagi menjual barang-barang mereka dengan cepat dan teratur kerana tiap-tiap barang yang dijual di kedainya ada mempunyai tanda harga, gred dan sebagainya dan tidaklah perlu bagi pekedai-pekedai itu merujuk kepada buku-buku atau rekod untuk mengetahui harga dan gred bagi tiap-tiap barang itu kerana ianya telahpun ditanda di atas tiap-tiap barang itu.

Pada bulan November 1974, sedikit perubahan telah dibuat di atas Peraturan ini dengan menambahkan satu syarat lagi iaitu kualiti. Tambahan ini tidaklah menyusahkan pekedai-pekedai runcit kerana kebanyakan daripada barang-barang yang dijual di kedai-kedai itu telahpun mempunyai gred dan kualiti yang telah ditandakan oleh pengilang-pengilang. Ini ialah kerana satu Peraturan yang sama telahpun dikenakan ke atas pengilang-pengilang supaya menunjukkan maklumat-maklumat yang perlu seperti harga, timbangan kualiti, jenis barang dan gred bagi tiap-tiap barang sebelum barang itu dijual kepada pemborong atau peruncit. Ini juga bererti pihak peruncit hanya bertanggungjawab untuk meletakkan tanda harga sahaja kerana maklumat-maklumat lain itu telahpun disediakan oleh pengilang-pengilang bagi tiap-tiap jenis barang itu.

Walau bagaimanapun ada di antara barang-barang yang dijual oleh peruncit-peruncit itu barang-barang yang tidak dikeluarkan oleh pengilang-pengilang seperti bawang, ubi kentang, lada kering dan telur. Perkara ini telahpun dikemukakan oleh Persatuan Pekedai-pekedai Runcit kepada Kementerian ini dan satu jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk mengkaji samada barang-barang seperti itu perlu digredkan atau tidak. Keputusannya barang-barang

yang tidak ditetapkan mempunyai gred atau mutu, maka Kementerian akan menetapkan-nya. Oleh itu apa yang perlu ditunjukkan ialah harga bagi tiap-tiap kati atau satu yunit barang itu. Dengan ini Kementerian saya tidaklah fikir bahawa Peraturan-peraturan itu akan menyusahkan pekedai-pekedai runcit bahkan sebaliknya menyenangkan mereka kerana mereka dapat menjual barang itu dengan cepat, teratur dan tidak payah menanya taukeh-taukeh kedai itu sendiri tentang harga dan gred di kedai itu terutama sekali di kedai yang besar seperti supermarket dan sebagainya.

PELANCUNGAN KE SARAWAK

27. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk menggalakkan pelancungan secara besar-besaran di Negeri Sarawak memandangkan hakikat iaitu Negeri Sarawak mempunyai penarikan-penarikan kebudayaan tradisional yang asli.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sedar bahawa Sarawak sedia mempunyai potensi pelancungan yang besar dan bagi maksud ini, Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah dan akan seterusnya menjalankan segala usaha menggalakannya bagi menjadikan Sarawak sebagai satu destinasi pelancungan.

Segala tarikan Negeri Sarawak, dari segi sejarah dan juga pemandangannya yang indah, telahpun ditentukan (identified) di dalam program pembangunan pelancungan yang telahpun disediakan bagi meliputi kesemua aspek penggalakan dan pembangunan pelancungan di seluruh Malaysia. Program ini akan dibentangkan kepada Kerajaan tidak lama lagi dan oleh yang demikian maka tidaklah dapat bagi saya untuk menghuraikan segala syor-syor yang telah dibuat meliputi Negeri Sarawak.

Saya inginlah menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa penggalakan dan pembangunan pelancungan di Sarawak akan dipesatkan lagi sebaik-baik sahaja kesemua program pembangunan pelancungan itu diterima dan diluluskan oleh Kerajaan.

LETRIK—BEKALAN SYARIKAT K.E.D.

28. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada pembekalan letrik ke kawasan-kawasan Parit yang telah tergendala bertahun-tahun lamanya itu disebabkan kekurangan kebel, meter dan pesawat letrik yang didapati dari K.E.D. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh beliau untuk mengatasi masalah ini oleh kerana penduduk-penduduk di kawasan Parit sudah lama menderita dengan ketiadaan bekalan letrik.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Bekalan letrik di kawasan Parit adalah di dalam kawasan pentadbiran Syarikat K.E.D. Banyak di antara projek yang telah diluluskan untuk tahun 1973 dan 1974 telah tidak dapat diteruskan disebabkan oleh kesulitan kewangan disamping kekurangan kebel, meter dan pesawat letrik yang dihadapi oleh pihak Syarikat K.E.D. Kesulitan ini telah dikemukakan kepada Kementerian saya dan langkah-langkah sedang diambil untuk membolehkan Lembaga Letrik Negara mengambil alih Syarikat itu. Dengan pengambilalihan dalam tahun 1976, adalah diharapkan kawasan-kawasan, termasuk kawasan Parit, yang pada masa sekarang di dalam kawasan K.E.D. akan diadakan bekalan letrik seberapa cepat yang boleh mengikut keutamaan yang akan ditentu oleh Jawatan kuasa Tindakan Negeri Perak.

STESYEN TV DI BALING

29. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan sebab-sebab yang engendalakan kerja pembinaan stesyen pemancar radio/telivisyen yang dirancang di satu tempat di kawasan Baling walhal segala peruntukan dan alat-alat untuk rancangan tersebut telahpun dilulus dan siap untuk digunakan.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Walaupun peruntukan membina sebuah pemancar stesyen TV di Baling telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua akan tetapi kerja pembinaan stesyen ini telah ter-

gendala disebabkan kawasan tersebut terletak dalam kawasan keselamatan. Bagaimanapun kajian ukur jalan (road survey) kearah tapak tersebut sudah pun siap dan kerja-kerja berhubung dengan "road design" sedang dijalankan.

BAJA KEPADA PETANI LUAR BANDAR—BANTUAN

30. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa bantuan baja kepada petani-petani luar bandar itu didapati tidak mencukupi dan adakah satu-satu langkah Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tidak sedar. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu saya di mana bantuan baja ini tidak mencukupi, saya sedia menyiasatnya.

WAD KELAS DUA/TIGA—LAYANAN

31. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa layanan yang diberi kepada pesakit-pesakit dan kebersihan wad-wad Kelas dua dan tiga dalam hospital-hospital adalah tidak memuaskan dan jika sedar; apakah tindakan beliau bercadang hendak ambil atau sedang ambil terutama sekali berkaitan dengan kebersihan kerana kedua-dua faktor iaitu layanan dan kebersihan adalah penting kepada pesakit-pesakit.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak, saya tidak sedar bahawa perkhidmatan yang diberi kepada pesakit-pesakit dan kebersihan di dalam wad-wad Kelas 2 dan 3 pada amnya tidak memuaskan. Mungkin ada kejadian-kejadian terpencil yang menyebabkan ada datangnya aduan tetapi ini adalah terkecuali dan bukanlah kesemua sekali. Kebersihan wad-wad telah banyak bertambah baik dengan jalan kakitangan membuat rayuan secara am dan perseorangan kepada pesakit-pesakit dan pelawat-pelawat, menggunakan poster-poster, mengadakan lebih banyak tong-tong sampah, menghadkan bilangan pelawat-pelawat ke dalam wad dan menghantarkan lebih ramai kakitangan membuat kerja pembersihan, menyapu, mengelap lantai dan mencuci habuk-habuk.

MATAPELAJARAN/KEKURANGAN BUKU TEKS/GURU-GURU

32. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa mata-pelajaran-matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dan di Sabah adalah berlainan dan di Sabah mutu pelajaran adalah lebih rendah; kiranya benar, bilakah dapat perkara ini disamakan dan nyatakan rancangannya untuk melaksanakan perkara ini;
- (b) samada beliau sedar bahawa setelah sekolah-sekolah dibuka baru-baru ini didapati berlaku kekurangan buku teks di Sabah; jika sedar, apakah jaminan supaya perkara ini tidak berlaku lagi memandangkan bahawa Kerajaan telahpun berjanji bahawa perkara kekurangan buku tidak akan berlaku; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa di Sabah kekurangan guru-guru sangat menjadi-jadi, jika sedar, apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Adalah tidak benar bahawa mata-pelajaran-matapelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dan di Sabah itu berlainan kerana kurikulum dan sukatan pelajaran yang digunakan itu adalah sama. Bagaimanapun saya menarik perhatian bahawa di Sabah, sistem pelajaran "comprehensive" belum lagi dikuatkuasa dengan sepenuhnya. Oleh itu beberapa matapelajaran pilihan atau elective seperti Seni Perusahaan Sains Pertanian dan Perdagangan adalah terhad pengajarannya kepada sekolah-sekolah yang besar dan mempunyai kelengkapan dan guru-guru yang mencukupi sahaja. Soal tinggi rendah mutu pelajaran tidak timbul kerana ini adalah pertimbangan nisbi atau relative. Bermacam-macam rancangan telah dan sedang dibuat untuk memperbaiki matapelajaran di Negeri Sabah termasuk memperbaiki latihan perguruan, kursus, rancangan khutub-khanah, rancangan Sains dan Hisab, Rancangan Radio & TV dan sebagainya.

(b) Pembahagian dan bekalan buku-buku teks di sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan dan juga di sekolah bantuan telah berjalan dengan amat baik sekali dan pihak sekolah telah menerima lebih awal daripada yang pernah dialami pada tahun-tahun yang sudah. Memang ada kejadian di mana buku-buku teks lambat diperolehi. Walau bagaimanapun pada masa ini hampir semua buku teks telahpun di-edarkan.

(c) Kekurangan guru-guru sebenarnya bukan hanya berlaku di Sabah akan tetapi di seluruh Malaysia. Kekurangan ini adalah sebenarnya kekurangan guru-guru terlatih. Walau bagaimanapun masalah kekurangan guru-guru ini akan diatasi dengan melantik guru-guru sementara atau guru-guru sambilan. Sementara itu usaha sedang dijalankan bagi melatih lebih ramai lagi guru-guru untuk berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran.

HARGA BARANG KEPERLUAN

33. Tuan Sibat anak Tagong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jika ada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan supaya kesukaran yang dihadapi oleh rakyat boleh diringankan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan dan langkah-langkah ini telah sering dijelaskan di dalam dan di luar Dewan ini.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah menambahkan bekalan barang-barang keperluan dalam pasaran tempatan dan juga bagi mengurangkan tekanan kenaikan harga. Ini termasuk menghapuskan buat sementara beberapa cukai dan kawalan impot, mengurangkan dan juga menghapuskan beberapa cukai eksais. Selain daripada itu Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan tegas untuk menyekat perbuatan mencari keuntungan yang berlebihan dari biasa dan juga menyekat perbuatan menyorok beberapa jenis barang

keperluan. Berikutan dengan inilah Kementerian saya telah mengadakan kempen anti-sorok yang mana pada masa ini terus dikuatkuasakan. Langkah tersebut ialah untuk menjamin supaya pengguna-pengguna dapat membeli barang-barang tersebut seperti pada masa-masa yang lalu.

Menguatkuasakan peraturan tanda harga ke atas 84 jenis barang ke atas pekedai Peruncit yang mana dengannya pengguna-pengguna dapat memilih dan mengkaji serta membeli di kedai-kedai yang menunjukkan harganya yang paling rendah. Peraturan Tanda Harga ini dengan secara tidak langsung boleh mengelakkan pekedai-pekedai daripada menjual barang-barang mereka dengan harga yang tidak berpatutan kerana mereka mengetahui bahawa pekedai-pekedai lain juga terpaksa menunjukkan harga barang-barang itu dengan harga yang berpatutan. Dengan ini pengguna-pengguna mempunyai panduan untuk memilih dan membeli barang daripada kedai-kedai yang lebih murah.

Satu Peraturan baru telah juga dibuat supaya pengilang-pengilang, pengimpot-pengimpot meletakkan tanda harga di kilang bagi tiap-tiap barang keluaran mereka dengan tujuan supaya pekedai-pekedai runcit tidak dapat mengambil keuntungan yang berlebihan kerana pengguna-pengguna sendiri tahu berapakah harga yang sebenarnya bagi barang itu di peringkat Pengilang, Pemborong dan Pengimpot.

Kerajaan juga sedang bergiat menggalakkan pengeluaran berbagai jenis barang makanan utama untuk membaiki keadaan bekalan supaya kita tidak terlalu bergantung kepada impot. Kilang-kilang tempatan terutama sekali kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan binaan diberi galakan dan bantuan untuk menambahkan daya pengeluaran supaya mereka dapat memenuhi kehendak dalam negeri yang kian meningkat.

Selain daripada langkah-langkah yang telah dinyatakan Kerajaan telah juga mengambil langkah-langkah kewangan dan sentiasa mengikuti dengan teliti segala perkembangan dan berusaha untuk mengatasi masalah kenaikan harga itu.

HOSPITAL DAERAH JULAU

34. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada apa-apa rancangan untuk membina sebuah Hospital Daerah di Julau yang mempunyai penduduk seramai lebih kurang 20,000 orang; dan
- (b) apakah tindakan, jika ada, yang telah diambil untuk memenuhi kekosongan-kekosongan Pakar-pakar, Pegawai-pegawai Perubatan, Pengajar Juru-rawat-Pengajar Jururawat, Ketua Juru-rawat-Ketua Jururawat di Jabatan Perubatan Sarawak.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Daerah Julau adalah diberi kemudahan-kemudahan perkhidmatan kesihatan seperti berikut:
 - (i) Static Dispensary Julau;
 - (ii) Static Dispensary Ng. Entabai;
 - (iii) Sub-Dispensary Ng. Wuak;
 - (iv) Health Sub-Centre, Pakan; dan
 - (v) Sub-Health Centre, Ng. Entabai.

Sebagai tambahan kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti di atas, ada juga terdapat sebuah Klinik Kesihatan Ibu-ibu Mengandung dan Kanak-kanak di Julau, Pakan, Ng. Entabai dan sebuah Klinik Kesihatan Ibu Mengandung dan Anak-anak Bergerak di Ng. Wauk yang diselenggarakan oleh majlis-majlis tempatan.

Sebuah Dispensari Bergerak akan ditempatkan di Julau untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan-kumpulan penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil yang mendapati susah hendak menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh dispensari tetap di Julau.

Julau juga telah dimasukkan ke dalam rancangan Perkhidmatan Doktor di Udara dan yang demikian akan mendapat perkhidmatan-perkhidmatan seorang doktor yang lebih kerap.

Kementerian Kesihatan pada masa ini tidak ada mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital di Julau, Peruntukan mengadakan hospital akan

dibuat di atas dasar perancangan dalam had peruntukan kewangan dan juga punca-punca tenaga manusia. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi Kementerian saya untuk memperluaskan lagi perkhidmatan-perkhidmatan hospital di atas suatu asas terutama di dalam kawasan-kawasan di mana keperluan-nya adalah besar dan di mana perkhidmatan-perkhidmatan itu boleh dijalankan dengan ekonomik. Keperluan-keperluan perubatan dan kesihatan bagi daerah Julau akan ditimbang bersama dengan keperluan-keperluan tiap-tiap daerah yang lain di Negeri Sarawak. Dengan ini perkembangan-perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di dalam negeri itu akan dibuat di atas suatu asas kadar yang sama.

Saya suka untuk memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian saya adalah menyedari sepenuhnya tentang tidak cukupnya kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di Negeri Sarawak dan memberi keutamaan di atas peruntukan-peruntukan kemudahan-kemudahan seumpama ini kepada kawasan-kawasan yang sangat memerlukannya khususnya di mana tidak ada langsung kemudahan-kemudahan seperti ini.

- (b) Mengenai soalan 1(b) jawapannya adalah sama seperti jawapan yang telah diberikan kepada wakil Sarawak, Yang Berhormat, Tuan Ting Ling Kiew pada 1hb April, 1975.

PERKHIDMATAN PERKAPALAN

35. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan di antara Semenanjung Malaysia dengan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi memperbaiki hubungan perniagaan di antara Negeri-negeri di Malaysia, dan jika tidak, kenapa.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Kementerian ini telah menyiapkan satu Rang Undang-undang Merchant Shipping Act 1972 yang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi. Akta ini antara lainnya menghasilkan perkhidmatan per-

kapalan di perairan Malaysia kepada syarikat-syarikat yang didaftar di Malaysia sahaja dan yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Selain dari itu Akta ini juga akan memberi kuasa kepada Menteri Perhubungan untuk mengadakan peraturan dan menetapkan perkhidmatan yang cukup serta tambangnya jika perlu.

Untuk membuktikan usaha ini Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia telah dinasihatkan supaya menambah perkhidmatan perkapalan ke Sabah dan Sarawak. Perbadanan ini telahpun menempah empat buah kapal coastal bagi perkhidmatan ini. Kapal-kapal ini dijangka siap awal tahun 1976.

TAR DI JALAN SEMANGGANG-SIBU

36. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah kerja manaruh tar di jalan besar Semanggang-Sibu akan siap.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Adalah agak sukar untuk menentukan dengan tepatnya bilakah pengasfalan jalan antara Semanggang-Sibu dapat disiapkan.

Sehingga kini, sepanjang 11 batu jalan dari sebelah Sibu dan 17 batu dari sebelah Sarikei jalan Binatang/Sarikei telah pun diasfal. Cadangan-cadangan untuk kerja-kerja pengasfalan selanjutnya telah dimasukkan untuk dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Perlaksanaannya akan bergantung kepada faktor-faktor samada lalu-lintas di jalan itu memerlukan dan keadaan kewangan yang mencukupi.

PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH RENDAH

37. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pengambilan pentadbiran Guru-guru Ugama Kerajaan di sekolah-sekolah rendah bantuan penuh akan dikuatkuasakan dan apakah halangan-halangan yang menyebabkan kelewatan perlaksanaan pengambilan alih itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Cadangan penyerahan urusan pentadbiran pelajaran Ugama Islam sekolah-sekolah rendah daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri kepada Kementerian Pelajaran telah dilaksanakan mulai

pada 1hb Julai, 1974 tetapi pelaksanaan penyerahan itu belum berjalan dengan sepenuhnya. Adalah dijangka bahawa pelaksanaan sepenuhnya mungkin dapat dicapai pada tahun 1976. Hal ini ialah kerana ada beberapa perkara yang belum dapat diselesaikan di antara pihak-pihak guru-guru Ugama Kerajaan Negeri dengan pihak Kerajaan Negeri masing-masing.

SUSU PEKAT/CAIR—BEKALAN

38. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar akan kekurangan susu pekat dan susu cair di Sarawak, dan perbekalannya, jika ada, tidak tetap beberapa bulan yang lampau;
- (b) samada beliau akan membatalkan buat sementara, tarif yang tinggi yang dikenakan ke atas susu pekat dan susu cair untuk meringankan keadaan di Sarawak hingga ke suatu masa apabila kilang-kilang di Semenanjung Malaysia yang menikmati taraf perintis dapat menepati permintaan;
- (c) samada beliau akan memberitahu Dewan dan kemudian daripada itu mengeluarkan senarai rasmi dan kemaskini mengenai daerah-daerah dan berbagai-bagai projek yang telah diberi atau akan diberi taraf perintis dalam Bahagian Ketiga Sarawak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

- (a) Saya sedar bahawa bekalan susu pekat dan susu cair di Sarawak baru-baru ini telah tidak tetap. Keadaan ini berlaku kerana pengguna-pengguna di Sarawak mementingkan satu cap susu sahaja walaupun cap-cap lain boleh didapati dari pembekal-pembekal tempatan. Pengeluaran susu cap yang terkenal di Sarawak ini telah menghadapi kenaikan kos pengeluaran dan tidak dapat membekalkan susu pekat dengan harga 85 sen satu tin. Permohonan untuk menaikkan harga telah dikaji oleh Kementerian ini dan setelah kenaikan harga diluluskan keadaan bekalan telah pulih semula.
- (b) Perkara ini telahpun mendapat perhatian Kementerian saya dan Kerajaan sedang menimbangkannya.

- (c) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah memberi kelulusan taraf perintis pada dasarnya kepada 5 projek perusahaan di Bahagian Ketiga Sarawak daripada jumlah 16 projek yang telah diluluskan di kawasan tersebut. Kelima-lima projek ini telah ditempatkan di daerah Sibu dan akan mengeluarkan "paper pulp, timber mouldings and furniture parts, hardware, food beverages, starch products and animal feeds".

Memang sudah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada perkara penaburan perusahaan-perusahaan di semua kawasan termasuklah kawasan-kawasan yang kurang maju. Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa baru-baru ini Kerajaan telah mengisytiharkan galakan penempatan yang bertujuan untuk memberikan galakan tambahan kepada syarikat-syarikat untuk menarik mereka mendirikan projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju. Untuk tujuan ini, seluruh negeri Sarawak telahpun diisytiharkan sebagai kawasan galakan penempatan dan seharusnya menikmati galakan ini dengan sepenuhnya. Saya berasa yakin bahawa dengan adanya galakan ini lebih banyak lagi projek-projek perindustrian akan ditempatkan di Sarawak.

SENAPANG PATAH BAGI YUNIT RELA

39. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa banyak yunit-yunit pertubuhan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang telah ditubuhkan setahun dahulu belum lagi dilengkapi dengan senapang patah, dan jika ya, mengapa; dan
- (b) adakah beliau bercadang hendak memberi percuma peluru-peluru penabur kepada ahli-ahli pertubuhan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan juga adakah permit membeli/mendapat peluru-peluru ini yang dikenakan \$2 itu akan dikecualikan bagi ahli-ahli RELA.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Saya sedar memang banyak yunit-yunit RELA belum lagi dilengkapi dengan senapang patah. Pada dasarnya senapang-senapang patah itu hanya diberi kepada yunit-yunit setelah di rundingkan dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri berkenaan.
- (b) Peluru-peluru "buck shot" memang diberi percuma oleh kerana jenis ini digunakan untuk menjalankan tugas. Tetapi peluru penabur tidak diberi dengan percuma oleh kerana ianya tidak sesuai digunakan untuk menjalankan tugas mereka. Mengenai pengecualian permit membeli peluru pula, Kementerian ini masih merundingkan hal ini dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri oleh kerana bayaran permit sebanyak \$2 itu termasuk di bawah hasil Kerajaan Negeri.

SEKOLAH MENENGAH NYOLONG, SARIKEI

40. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mendirikan sebuah Sekolah Menengah Kerajaan di Sungai Nyolong, Sarikei untuk menampung keperluan tahun 1976.

Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah difikirkan tidak perlu pada masa ini untuk membina sebuah sekolah menengah baru di kawasan Nyolong, Sarikei, oleh kerana murid-murid dari sekolah rendah dari kawasan itu masih boleh ditempatkan di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan dalam Daerah Sarikei.

Jika perlu mengikut keadaan, cadangan Aduh Yang Berhormat itu akan diambil ingatan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga kelak.

FELDA—RANCANGAN TANAH

41. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) bilangan kawasan-kawasan yang telah dibuka oleh FELDA di Kelantan;
- (b) nama-nama projek yang telah dibuka; dan

(c) bilangan peneroka-peneroka.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):

- (a) FELDA pada masa sekarang sedang membuka Projek Kemahang di Kelantan sebagai rancangan-rancangan tanah berperingkat-peringkat.
- (b) Pertama meliputi kawasan seluas 10,200 ekar telahpun dibuka, yang mana 5,500 ekar telahpun ditanam dengan kelapa sawit. Peringkat kedua meliputi kawasan seluas 2,000 ekar sedang di dalam proses pembukaan.
- (c) Jumlah peneroka belia di Projek Kemahang pada masa sekarang ialah 100.

LETRIK DI BANDAR MELAKA—GANGGUAN

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar adanya kegendalaan pembekalan letrik di Bandar Melaka dan langkah-langkah yang akan diambil oleh L.L.N. untuk menjamin pembekalan letrik dengan tidak ada kegendalaan selalu oleh kerana kegendalaan pembekalan letrik selalu akan menyebabkan kesusahan besar kepada penghuni-penghuni di Melaka dan juga perniagaan dan akan menghalang penubuhan industri-industri.

Tuan Haji Mohamed bin Yaccob: Baru-baru ini ada berlaku beberapa gangguan bekalan letrik di Bandar Melaka. Gangguan ini disebabkan oleh kerosakan kebel L.L.N. yang biasanya ditanam di tepi-tepi jalanraya. Punca kerosakan ke atas kebel-kebel ini ialah "accidental damage" yang dilakukan oleh pihak-pihak kontraktor-kontraktor yang menggali dan menanam paip air atau kebel talikom atau juga kebel untuk L.L.N.

Untuk mengelakkan terjadinya "accidental damage" ini, pihak Lembaga sentiasa bekerjasama dengan pihak jabatan lain dan kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja untuk memberitahu supaya seorang kakitangan Lembaga dapat ditugaskan untuk mengawas semasa kerja yang dijalankan berdekatan dengan kebel-kebel Lembaga Letrik Negara.

Juga dengan adanya tambahan bekalan letrik ke Bandar Melaka, pihak Lembaga sentiasa membuat rancangan ke hadapan untuk mengadakan bekalan letrik yang bukan sahaja mencukupi bahkan juga selamat daripada gangguan-gangguan yang tidak diingini.

RUMAH-RUMAH KEDAI DI DAERAH GEDONG, SARAWAK

43. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kerajaan bercadang membina rumah-rumah kedai di Daerah Gedong, Sarawak, jika ya, nyatakan bila kerja akan dimulakan dan samada 50% daripada rumah-rumah kedai ini akan di-untukkan kepada Bumiputra.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Saya ingin memaklumkan bahawa sehingga sekarang Kerajaan Negeri Sarawak belum lagi ada rancangan untuk membina rumah-rumah kedai di Daerah Gedong, Sarawak.

Walau bagaimanapun, saya ingin menasihatkan ahli Yang Berhormat supaya berhubung dengan Kerajaan Negeri Sarawak jika beliau berkehendakkan satu rancangan bagi membina rumah-rumah kedai di Daerah Gedong dan selepas itu jika Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju, permohonan tertentu bagi wang pinjaman Persekutuan bolehlah dikesemukakan ke Kementerian saya untuk pertimbangan.

PERINDASTRIAN—PERSEIMBANGAN DALAM PERTUMBUHAN

44. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebab bagi perbezaan yang besar antara negeri-negeri dalam Malaysia dalam membawa perusahaan ke pekan-pekan kecil di kawasan-kawasan luarbandar;
- (b) bilangan projek-projek perusahaan yang ditubuhkan di kawasan-kawasan luarbandar dalam tahun 1971, 1972, 1973 dan 1974 dengan memberikan angka mengikut negeri; dan
- (c) bilangan projek-projek perusahaan yang akan ditubuhkan dalam tahun 1975.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

- (a) Adalah menjadi dasar Kerajaan menyebarkan aktiviti-aktiviti perindustrian ke seluruh negara bagi mencapai suatu perseimbangan dalam pertumbuhan perindustrian. Dasar ini telah giat dilancarkan dan menyebabkan peratus projek-projek perindustrian yang telah diluluskan di kawasan-kawasan luarbandar bertambah daripada 43.1% dalam tahun 1971 kepada 63.2% dalam tahun 1974.

Sementara penyebaran perindustrian pada keseluruhannya telah mencapai kejayaan besar, penyebaran perusahaan ke kawasan luarbandar berbeza dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Setengah-setengah negeri seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Johor, berjaya membawa banyak projek-projek perindustrian ke kawasan luarbandar mereka berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh kemudahan yang dialami daripada penempatan geografia yang lebih sesuai hasil dari perhubungan dengan pasaran luar negeri. Tambahan pula, setengah-setengah negeri mempunyai kemudahan infrastruktur yang lebih sesuai seperti pengangkutan, talikom dan penawaran tenaga yang sangat diperlukan bagi aktiviti-aktiviti perindustrian.

- (b) Jumlah projek-projek perindustrian yang diberi kelulusan untuk ditubuhkan di kawasan luarbandar dalam tahun-tahun 1971, 1972, 1973 dan 1974 mengikut negeri, adalah seperti berikut:

Negeri	1971	1972	1973	1974	Jumlah
Johor	18	18	22	53	111
Kedah	3	9	11	25	48
Kelantan ..	2	2	5	3	12
Melaka	7	11	26	24	68
N. Sembilan	6	1	2	12	21
Pahang	3	6	8	11	28
P. Pinang ..	16	32	28	27	103
Perak	10	14	27	41	92
Perlis	2	1	4	3	10
Sabah	6	8	15	9	38
Sarawak	10	15	19	23	67
Selangor ..	36	49	82	54	221
Trengganu ..	1	5	6	3	15

- (c) Mengikut rekod Bahagian Susulan Projek, L.K.P.P. sebanyak 149 projek-projek perindustrian dijangka akan ditubuhkan dalam tahun 1975. Pecahan

projek-projek ini mengikut perusahaan adalah seperti berikut:

Perusahaan makan	26
Kain dan barang-barang kain	23
Kertas dan barang-barang kertas	2
Kayu dan barang-barang kayu	12
Kimia dan barang-barang kimia	18
Barang-barang bukan logam	5
Barang-barang logam asas ...	8
Barang-barang letrik dan elektronik	47
Pelbagai	8
JUMLAH ...	149

PEJABAT POS BARU BATU PAHAT

45. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar meminta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah sebuah Pejabat Pos yang baru dapat diadakan bagi menggantikan Pejabat Pos yang ada sekarang yang tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang di Daerah Batu Pahat.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pembinaan sebuah Pejabat Pos baru untuk Batu Pahat bagi menggantikan Pejabat Pos yang ada sekarang ini akan dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jika peruntukan dapat diperolehi ianya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

TEKSI—LESEN YANG DIKELUARKAN

46. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan dalam masa lima tahun yang telah lalu; dan
- adakah Kementerian sedar bahawa kampung-kampung baru memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan teksi yang lebih baik, dan jika ya, adakah Kementerian yang berkenaan akan mengeluarkan lebih banyak lagi lesen-lesen teksi kepada pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukannya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- Jumlah lesen teksi yang dikeluarkan dalam masa lima tahun yang lalu ialah 2,415.
- Perkhidmatan teksi perlu di bandar-bandar dan juga di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru. Kementerian ini sentiasa menimbangkan syor-syor untuk mengeluarkan lebih banyak lagi lesen-lesen teksi dan kereta sewa tidak kira samada di bandar-bandar ataupun di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru yang disokong oleh Lembaga Penasihat Angka Matlamat negeri masing-masing dan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan menelitikan kelayakan setiap pemohon-pemohon.

KESIHATAN SETINGGAN

47. Tuan Ngan Siong Hing minta Kesihatan menyatakan samada Kementerian sedar bahawa kawasan-kawasan setinggian dalam negeri ini merupakan masalah kesihatan; jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan setinggian adalah bebas dari bencana kesihatan seperti demam denggi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian Kesihatan sedar sepenuhnya ke atas masalah kesihatan setinggian dalam negeri ini. Berkenaan Demam Denggi, langkah-langkah sedang dibuat di kawasan-kawasan yang dalam merbahaya di negara ini. Ada beberapa kawasan setinggian yang diberi keutamaan dalam Kawalan Demam Denggi.

PERSIDANGAN MAJLIS ANGLICAN GEREJA ASIA TENGGARA

48. Tuan Leo Moggie minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa permohonan yang dihantar oleh Majlis Anglican Gereja-gereja Asia Tenggara (Anglican Council of Churches of South-East Asia) untuk mendapatkan permit bagi mengadakan persidangan Majlis lima tahun yang akan datang di Malaysia yang bertempat di Kuching telah ditolak, dan jika ya, apakah sebab-sebab permohonan itu ditolak.

Perdana Menteri: Memang benar permohonan bagi mengadakan Persidangan Majlis Anglican Gereja-gereja Asia Tenggara

(Anglican Council of Churches of South-East Asia) di Kuching telah ditolak oleh Kerajaan. Permohonan ini ditolak selepas dikaji secara mendalam aspek-aspek keagamaan di Negara Malaysia di mana Islam adalah Ugama Rasmi.

BUKU-BUKU TEKS

49. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar iaitu terdapat kekurangan buku-buku teks di sekolah-sekolah di seluruh tanahair. Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Sebenarnya saya suka memaklumkan bahawa tidak ada kekurangan buku-buku teks yang sebenarnya pada tahun ini. Apa yang berlaku ialah kelambatan buku-buku teks tersebut sampai kepada murid-murid. Kementerian Pelajaran menyedari kelambatan ini, walau bagaimanapun hingga ke masa ini hampir semua buku-buku teks telah dapat dihantarkan kepada murid-murid.

Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji dan memastikan supaya kelambatan seperti yang berlaku pada tahun ini tidak akan berlaku lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

PELAJAR-PELAJAR MEMBAHARUI PASPOT ANTARABANGSA MALAYSIA DI TAIPEI

50. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebilangan besar daripada pelajar-pelajar kita di Taipei telah menyerahkan paspot-pasport antarabangsa mereka di Pejabat MAS di situ untuk melanjutkan tempoh paspot-pasport tersebut, tetapi mereka terpaksa menunggu sehingga enam bulan sebelum tempoh paspot-pasport mereka itu dilanjutkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar bahawa pelajar-pelajar kita di Taipei membuat permohonan membaharui Paspot-pasport Antarabangsa Malaysia melalui Pejabat MAS di negeri itu. Ini adalah disebabkan penutupan Pejabat Konsulat kita di Taipei apabila ujudnya perhubungan diplomatik di antara negeri ini dengan Kerajaan Republik Rakyat China.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa pemohon-pemohon yang membaharui paspot Malaysia terpaksa menunggu sehingga 6 bulan tidaklah benar. Mengikut rekod Jabatan Imigresen masa yang telah diambil untuk memproses pembaharuan paspot mereka itu mengambil masa antara 10 hari hingga 2½ bulan sahaja bergantung kepada samada lengkap atau tidak keterangan-keterangan dan dokumen-dokumen yang diberi. Setakat ini dari jumlah 120 permohonan pembaharuan paspot yang dibuat hanya dua permohonan yang telah mengambil masa lebih dari 5 bulan. Ini pula adalah disebabkan pemohon tidak menghantar bukti-bukti kewarganegaraan dan hanya berdiam diri sungguhpun beberapa peringatan telah dihantar kepada mereka.

HOSPITAL BESAR—ADUAN

51. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan banyak aduan-aduan orang ramai mengenai layanan yang kasar di Hospital Besar, Kuala Lumpur, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau untuk menjamin supaya kakitangan hospital itu memberi perkhidmatan yang lebih lemah-lembut dengan semangat persaudaraan supaya orang ramai akan mempunyai pandangan yang lebih baik terhadap Hospital Besar itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Di mana-mana hospital di dunia ini, sedikit sebanyak pengaduan dari pesakit-pesakit adalah dijangkakan. Ini bukanlah disebabkan oleh kekasaran kakitangan-kakitangan terhadap pesakit-pesakit ataupun pesakit-pesakit telah tidak diberi perhatian dan layanan yang seharusnya, tetapi kerana mereka yang sakit menuntut layanan yang berlebihan. Ini saya dapati berlaku terutama di Kuala Lumpur. Mereka mengharapkan perhatian dari kakitangan 24 jam sehari, mereka berharap diberi perhatian dengan serta-merta atas perkara yang kecil-kecil dan mereka menyusahkan kakitangan dengan mengertak bahawa mereka akan diadukan ke pihak tertinggi dan akhbar-akhbar jika kakitangan-kakitangan tidak melayani ragam dan keinginan mereka.

Sebahagian dari orang ramai yang datang ke Bahagian Pesakit Luar seolah-olah tidak menggunakan akal fikiran dan tidak bertimbangrasa. Mereka tidak sabar untuk menunggu selama setengah atau satu jam

untuk menemui doktor sungguhpun mereka tidak berapa sakit. Mereka secara kasar masuk dan memotong barisan (cut queue) tanpa menimbangkan keadaan pesakit-pesakit lain yang telah menunggu lebih lama. Mereka inilah yang selalunya membuat pengaduan terhadap hospital. Dalam hal ini saya ingin menyatakan bahawa masa menunggu selama satu jam itu adalah berpatutan dan adalah lebih baik jika dibandingkan dengan hospital-hospital lain di negeri-negeri yang maju, di mana pesakit-pesakit mungkin menunggu sehingga tiga jam atau kadangkala diberi tarikh dan masa untuk berjumpa doktor dalam masa satu atau dua minggu jika mereka mengidap penyakit yang kurang terok. Tetapi pesakit-pesakit kita menuntut diberi perhatian yang serta-merta ke atas keadaan yang sama.

Perkara lain di mana kami menerima pengaduan ialah dari pelawat-pelawat yang datang ke wad-wad. Bagi sebuah hospital untuk berjalan dengan teratur, satu peraturan waktu melawat mestilah diadakan. Walau bagaimanapun orang ramai tidak menghormati hal ini. Mereka datang ikut sesuka hati, mereka bertengkar dengan pengawal-pengawal dan kakitangan yang menjaga wad-wad jika tidak dibenarkan masuk di luar waktu melawat. Sebaliknya mereka harus sedar bahawa kakitangan dan pengawal-pengawal itu adalah semata-mata menjalankan tugas mereka.

Satu perkara lagi di mana kami menerima pengaduan ialah mengenai makanan dalam hospital. Dalam satu institusi yang besar seperti Hospital Besar, Kuala Lumpur di mana terdapat lebih dari 2,000 orang pesakit, adalah mustahil untuk menyediakan hidangan yang memenuhi selera setiap orang. Sedangkan restoran yang besar sekali pun tidak sanggup berbuat demikian. Tujuan kami ialah untuk menyediakan hidangan yang memuaskan segolongan besar pesakit-pesakit, menentukan yang makanan itu masih panas semasa dihidangkan dan pesakit itu di beri makanan yang cukup berzat. Yang nyata bahawa apabila seseorang itu jatuh sakit, ia tidak mempunyai selera dan inilah perkara yang harus diingatkan apabila menerima sebarang pengaduan tentang makanan yang dihidangkan.

Dalam sesuatu organisasi, terutamanya dalam organisasi yang besar seperti Hospital Besar, Kuala Lumpur, tentulah dalam

bilangan pesakit yang ramai terdapat satu atau dua orang yang merupakan biri-biri berbulu hitam (black sheep). Ini pada pendapat saya tidaklah menjadi punca alasan banyaknya pengaduan-pengaduan yang telah dibuat oleh orang ramai terhadap layanan kasar di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun pentadbiran hospital ini akan sentiasa berwaspada terhadap perbuatan nakal yang jarang dilakukan oleh kakitangan dan mereka yang nakal ini akan dihukum. Walaupun sememangnya menjadi tanggungjawab kami untuk mengurangkan pengaduan-pengaduan tetapi suatu perkara yang telah lama terbukti ialah selagi ada pesakit selagi itulah terdapat pengaduan.

Berhadapan dengan keadaan dan hal-hal begini, kakitangan hospital telah dapat menjalankan perkhidmatan yang cemerlang terhadap orang ramai. Mereka layak diberi pujian dan bukan dikeji. Sebenarnya kami telah menerima banyak surat-surat pujian dari pesakit-pesakit yang berterimakasih kepada kami. Ini tentu meninggikan "morale" kakitangan hospital. Saya akhiri dengan menyatakan bahawa banyak pengaduan yang dibuat oleh orang ramai tentang layanan kasar di Hospital Besar, Kuala Lumpur adalah tidak berpatutan dan tidak menasabah. Adalah dikesalkan bahawa kakitangan hospital tidak ada mempunyai saluran di mana mereka boleh membuat aduan tentang layanan buruk oleh ramai terhadap mereka.

PENJAJA—LESEN JUALAN

52. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa penjualan ubat di tepi-tepi jalan, kaki-kaki lima dan di tempat-tempat keramaian adalah berleluasa dengan tiada tegahan langsung dari pihak yang berkuasa sungguhpun telah ada undang-undang mencegah perbuatan ini, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap perbuatan ini. Semenjak undang-undang ini diluluskan adakah pernah Kerajaan mencegah atau menangkap orang-orang yang menjual ubat seperti ini atau adakah pernah Kerajaan memberi kebenaran untuk menjual ubat-ubat sebegini selain daripada yang diberi

kepada kedai-kedai yang ditentukan. Adakah penjualan ubat sebegini akan mendatangkan bahaya kepada pembeli-pembeli yang hanya mendengar syarahan-syarahan mereka, kiranya ada, adakah Kerajaan bercadang hendak menggalakkan orang ramai menghindar diri daripada membeli ubat-ubat yang sebegini untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Tan Sri Lee Siok Yew: Seseorang yang menjual barang-barang di tepi-tepi jalan, kaki-kaki lima dan di tempat-tempat keramaian harus memperolehi suatu lesen penjaja yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, misalnya Dewan Bandaraya atau Lembaga Bandaran di kawasan itu. Pihak itulah yang menguatkuasakan undang-undang lesen.

Berkenaan dengan penjualan ubat-ubat, penjaja-penjaja itu tidak dikeluarkan dengan lesen-lesen oleh Kementerian saya. Ramai di antara penjaja-penjaja itu menjual ubat-ubat tidak beracun seperti “minyak angin” dan “minyak sapu”.

Orang ramai digesa jangan mendengar tuntutan-tuntutan yang di kemukakan oleh penjaja-penjaja itu dan pergi ke Hospital-hospital dan Pusat-pusat Kesihatan untuk rawatan jika mereka jatuh sakit.

Jika timbulnya sebab-sebab bagi menganggap bahawa penjaja-penjaja itu menjual ubat racun dan juga membuat tuntutan untuk mengubati dan memulihkan penyakit-penyakit teruk, maka tindakan boleh diambil terhadap mereka di bawah Ordinan Racun, 1952. Ordinan itu mengawal perkara penjualan ubat beracun di kedai-kedai berlesen sahaja.

SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DI WESTON

53. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Haji O. K. K. Asneh minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah sekolah-sekolah menengah akan didirikan di Labuan, Beaufort, Weston, Membakut, Gadong dan Kota Klias memandangkan bilangan murid-murid yang bertambah dan tempat-tempat ini telah disokong untuk diberi keutamaan dalam membina sekolah-sekolah oleh Jawatankuasa Pelajaran Tempatan dan Jabatan Pelajaran Sabah telah diberitahu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Pembinaan sebuah sekolah menengah Kerajaan di Weston dan juga di Membakut telah pun diluluskan dalam kajian semula Rancangan Malaysia Kedua. Kerja permulaan atas pelan-pelan tapak dan pelan bangunan telah pun siap dan kerja menyediakan tapak sekolah di kedua-dua sekolah dijangka akan bermula dalam satu atau dua bulan lagi. Pembinaan bangunan-bangunan sekolah dijangka akan bermula pada penghujung tahun ini dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 1977.

Berkenaan dengan mengadakan sekolah menengah di Labuan, Beaufort, Gadong dan Kota Klias, cadangan-cadangan tersebut akan dipertimbangkan bagi dimasukkan di dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga.

BUMIPUTRA DALAM SEKTOR EKONOMI NEGARA—PENYERTAAN

54. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada pihak Kementerian ada membuat rancangan untuk penyertaan bumiputra secara besar-besaran di kalangan industri-industri besar di negara itu, jika ada sebutkan jenis-jenis industrinya; dan
- (b) setakat manakah kemajuan yang telah dicapai oleh “Bahagian Penyertaan Bumiputra” yang telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

- (a) Di dalam usaha untuk menganjurkan penubuhan usaha-usaha, Kementerian telah berpanduan kepada Dasar Ekonomi Baru dan Dasar ini menekan kepada penyertaan bumiputra di dalam sektor-sektor ekonomi negara.

Kementerian telah berusaha untuk menggalakkan lebih ramai lagi Bumiputra untuk menyertai projek-projek perindustrian dengan cara mengcamkan projek-projek perindustrian yang boleh diusahakan dengan majunya. Kajian-kajian “prefeasibiliti” dan “feasibiliti” telah dibuat ke atas projek-projek itu dan lapuran-lapurannya telah disebar-kan kepada Bumiputra dan Bumiputra

perseorangan. Sementara pihak-pihak Bumiputra itu menimbangkan projek-projek itu permohonan-permohonan dari pengusaha-pengusaha lain tiada ditimbangkan. Kementerian juga membantu Bumiputra untuk mengusahakan projek-projek perindustrian dengan cara memberikan galakan-galakan cukai.

Dalam pada itu, Kementerian juga telah melaksanakan dasar untuk merekabkan 30% daripada ikuiti di dalam semua projek-projek perindustrian, samada kecil atau besar, untuk diambil oleh Bumiputra. Peruntukan modal saham itu akan dibuat oleh penganjur projek itu sebagai syarat kelulusan yang diberi kepadanya. Bagi projek-projek yang dianjurkan oleh Bumiputra pula kebanyakan daripada iquitinya telah direkabkan untuk diperuntukkan kepada Bumiputra. Dari tahun 1971 hingga 1974 \$593.5 juta modal ikuiti telah direkabkan untuk dipegang oleh Bumiputra di dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan. Daripada jumlah ini \$212.5 juta adalah ikuiti yang direkabkan di dalam projek-projek perindustrian yang dianjurkan oleh Bumiputra.

Kementerian ini tidak menentukan perusahaan-perusahaan tertentu untuk dilaksanakan oleh Bumiputra sahaja oleh kerana langkah sebegini cuma akan menyempitkan bidang-bidang penyertaan Bumiputra. Oleh yang demikian, dasar Kementerian ialah untuk membanyakkan.

- (b) Soalan ini terlalu umum dan adalah sukar untuk diberi jawapan yang tepat. Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah hanya ditubuhkan pada bulan September, 1974 yang lalu. Walau bagaimanapun sejak tertubuhnya Bahagian ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dapat memberi perhatian khusus dan pengawasan yang lebih rapi terhadap perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan juga resolusi-resolusi seminar-seminar yang bersangkutan-paut dengan penglibatan Bumiputra dalam bidang-bidang perdagangan dan perindustrian. Bahagian ini juga telah dapat mengujudkan hubungan baik dengan firma-

firma untuk memesatkan penyertaan Bumiputra dalam bidang-bidang tertentu dan juga mencungkil masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha Bumiputra yang berkecimpung dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Hasil dari usaha-usaha ini bilangan Bumiputra yang telah dapat merebut peluang-peluang dalam bidang perdagangan dan perindustrian lebih-lebih lagi dalam bidang pengedaran barang-barang telah bertambah kalau hendak dibandingkan dari masa-masa yang telah lalu.

DISPENSARI BERGERAK DI KAWASAN SETINGGAN

55. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Kementerian merancangkan pembekalan perubatan di kawasan-kawasan setingan, mengaturkan lawatan-lawatan oleh pegawai-pegawai Kesihatan ke situ ataupun mengadakan kelinik-klinik bergerak, dan jika ada, di manakah tempat-tempatnya rancangan seperti itu telah dijalankan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya mengadakan Dispensari Bergerak yang melawat kawasan-kawasan setingan di beberapa bahagian Wilayah Persekutuan seminggu sekali. Kawasan-kawasan yang dilawati ialah:

1. Kg. Paya
2. Pantai Halt
3. Kg. Kemaseh
4. Kg. Air Panas Setapak
5. Kg. Bohol Baru
6. Rumah Buruh J.K.R., Batu 6½, Puchong
7. Kg. Kuchai
8. Kg. Tun Razak
9. Kg. Damansara Lama
10. Kg. Chempaka
11. Taman Asokan
12. Kg. Kuyow
13. Kg. Sentosa
14. Kg. Muniandy
15. Kg. Jaya
16. Kg. Medan

17. Kg. Ghandhi
18. Kg. Pinang Tunggal
19. Kg. Tun Ismail
20. Kawasan Sekolah Kebangsaan Setapak
21. Pantai Dalam
22. Sekolah Kebangsaan Sentul Pasar
23. Masjid Pantai
24. Ampang Jaya
25. Kg. Pasir Dalam Segambut
26. Kg. Pasir Segambut.

Poliklinik-poliklinik juga ada didapati di Kg. Pandan, Ampang, Setapak, Jalan Bangsar, Gombak Setia. Lain-lain Poliklinik yang dalam pembinaan ialah di Jinjang, Jalan Pudu, dan sedang dalam tender ialah di Cheras Baru, Petaling Bahagia dan Dato Keramat. Poliklinik-poliklinik ini juga dilawati oleh penduduk dari kawasan-kawasan setingan.

Selain dari ini, Dewan Bandaraya juga mengadakan kelinik-klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak di Jalan Hale, Jalan Shaw, Jalan Maxwell, Jalan Cheras dan Jalan Berhala. Klinik-klinik ini memberi perkhidmatan kepada ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun, termasuk mereka dari kawasan-kawasan setingan.

LETRIK DI LUAR BANDAR—K.E.D.

56. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada Kerajaan bercadang meminta Syarikat K.E.D. membekalkan letrik ke kawasan-kawasan luarbandar.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Syarikat K.E.D. memang sudah terlibat di dalam pelaksanaan projek-projek bekalan letrik ke kawasan luarbandar semenjak tahun 1956 tetapi pada tahun 1974, pihak K.E.D. telah menghentikan pelaksanaan projek-projek bekalan letrik disebabkan kekurangan kewangan. Maka dengan demikian, Kerajaan telah mengarahkan Lembaga Letrik Negara mengendalikan semua projek-projek tersebut dengan perbelanjaan cara biasa iaitu 1/3 L.L.N., 1/3 Kerajaan Negeri dan 1/3 Kerajaan Pusat.

PENCEMARAN ALAM OLEH KILANG GETAH MARDEC

57. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar tentang pencemaran alam sekitar oleh kilang-kilang memproses getah MARDEC yang ditempatkan berhampiran dengan kawasan perumahan seperti kilang getah di Batu 26 $\frac{3}{4}$, Jalan Bahau, Kuala Pilah; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memberhentikan kekotoran alam sekitar kepada penghuni-penghuni di tempat tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Saya memang sedar tentang pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh kilang-kilang memproses getah MARDEC yang ditempatkan berhampiran dengan kawasan perumahan. Dalam hal ini, MARDEC telahpun mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Satu daripada langkah tersebut ialah menyalurkan air kotor dari kilang memproses getah itu ke dalam dua peringkat kolam untuk dibersihkan. Air ini dibiarkan selama 2 minggu di dalam kolam-kolam ini sebelum ianya dialirkan ke dalam sungai. Pada peringkat ini air ini adalah dianggap tidak berbahaya lagi. Kilang memproses getah MARDEC yang terdapat di Batu 26 $\frac{3}{4}$, Jalan Bahau itu adalah menggunakan cara ini untuk membuang keluarannya yang tidak berguna itu.

Mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh MARDEC dalam memberhentikan kekotoran alam sekitar ini, perkara yang perlu saya maklumkan ialah untuk mendapat kerjasama dan persefahaman dari penduduk tempatan, terutamanya mengenai cadangan MARDEC bagi memperbaiki keadaan tersebut. Misalnya sebagaimana yang telah dicadangkan oleh MARDEC bagi kawasan kilang di Batu 26 $\frac{3}{4}$, Jalan Bahau itu, iaitu mengenai air "sub-soil" daripada kilang itu, MARDEC telah mencadangkan supaya membuat longkang-longkang agar air daripada bawah tanah itu dapat dibuang.

KELAS TINGKATAN VI RENDAH

58. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan S.P.M. dan

M.C.E. dan yang mempunyai lapuran sekolah yang baik diberi tempat secara provisional dalam kelas-kelas S.T.P./H.S.C. daripada membuang masa menunggu selama tiga bulan untuk keputusan S.P.M./M.C.E.

Dr Mahathir bin Mohamad: Pada awal penggal pertama persekolahan tahun ini Kementerian Pelajaran telah menempatkan sebilangan murid-murid di kelas-kelas Tingkatan VI Rendah secara sementara. Murid-murid ini dipilih berdasarkan kepada ramalan keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M., 1974 yang diberi oleh guru-guru besar masing-masing. Oleh kerana masalah-masalah yang terlibat dalam projek serupa ini adalah terlalu rumit dan banyak maka penempatan secara sementara ini adalah melibatkan hampir keseluruhannya murid-murid dari sekolah-sekolah berasrama penuh sahaja dan terhad kepada mereka yang diramalkan akan mendapat keputusan yang terbaik.

COTTAGE/FAMILYSCALE INDUSTRIES

59. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Dewan Bandaraya bercadang menggalakkan "cottage-industries" atau "family-scale industries" di Wilayah Persekutuan; jika ya, adakah Dewan Bandaraya bercadang membuat peruntukan khas untuk tujuan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Ong Kee Hui: Tanggungjawab menggalakkan perusahaan-perusahaan sama ada "cottage" atau "family-scale industries" atau sebaliknya adalah tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan bukan Dewan Bandaraya. Dewan Bandaraya akan memberi segala kemudahan untuk perusahaan-perusahaan di atas, di Wilayah Persekutuan.

PERSATUAN SAUDAGAR-SAUDAGAR MINYAK—MEMORANDUM

60. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Syarikat Ariffin dan Ooi telah mengirim suatu Memorandum pada 14hb Februari, 1975 kepada Ketua Setiausaha Negara, Bahagian Petroliaam tentang pertengkaran antara Persatuan Saudagar-saudagar Minyak seperti Shell, Mobil, Esso,

B.P. dan Caltex. Jika sedar apakah tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Petroliaam, Jabatan Perdana Menteri untuk menyelesaikan pertikaian itu.

Perdana Menteri: Sebenarnya memorandum yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum lagi diterima oleh Bahagian Petroliaam, Jabatan Perdana Menteri. Apa yang telah diterima hanyalah surat bertarikh 14hb Februari, 1975 yang menyatakan bahawa suatu memorandum akan dihantar kebahagian tersebut.

BANTUAN PINJAMAN WANG DARI NEGARA ARAB

61. Tuan Oh Keng Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) syarat-syarat yang dikenakan ke atas pinjaman wang sebanyak \$400 juta dari Negara-negara Arab baru-baru ini selepas lawatan beliau ke Telok Parsi; dan
- (b) nyatakan samada pinjaman-pinjaman tersebut akan dibelanjakan untuk projek-projek yang tertentu; jika ya, nyatakan projek-projek tersebut.

Perdana Menteri:

- (a) Syarat-syarat pinjaman ini akan dirundingkan di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Negara-negara Arab yang telah bersetuju memberi bantuan pinjaman wang itu. Di sini saya ingin menegaskan bahawa syarat-syarat yang akan dikenakan adalah lebih baik daripada syarat-syarat pinjaman yang kita telah perolehi samada dari Bank Dunia ataupun dari Bank Pembangunan Asia. Ini adalah kerana negara-negara tersebut terutamanya Kerajaan Arab Saudi dan juga Kuwait memang benar-benar ingin membantu usaha-usaha kita dalam menjalankan rancangan-rancangan pembangunan.
- (b) Pinjaman wang ini adalah untuk projek-projek tertentu seperti rancangan pembangunan tanah yang akan dijalankan oleh FELDA, projek-projek dalam bidang pelajaran seperti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan, Institute Teknologi Kebangsaan dan juga bantuan bagi pembinaan Pelabuhan di Kuantan. Selain daripada projek-projek

ini Negara-negara tersebut ingin juga bekerjasama dengan kita dalam mengusahakan beberapa projek usaha bersama, iaitu projek-projek "joint-venture" dalam bidang perusahaan simin, perikanan dan juga perusahaan kayu-kayan.

MENTERI BESAR SELANGOR— TUDUHAN RASUAH

62. Tuan Chiang Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan samada penyiasatan di atas tuduhan rasuah sebanyak \$60 juta yang melibatkan Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris telah selesai atau belum. Jika ya, nyatakan samada tindakan mahkamah akan diambil atas Datuk Harun Idris. Jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Siasatan masih lagi berjalan dan belum selesai.

FARDU HAJI—MENUNAIKAN

63. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa orang yang telah menunaikan fardu haji tidak akan dilayan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk menunaikan fardu haji pada tahun-tahun berikutnya.

Perdana Menteri: Tidak benar.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER- UBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb April, 1975).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyambung ucapannya yang telah dibuat pada hari Jumaat.

3.35 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung berkenaan dengan kekurangan doktor-doktor dan perlunya men-

cepatkan lagi penubuhan fakulti-fakulti perubatan dalam negara ini, sebagaimana dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban; saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan ini akan bersetuju dengan saya bahawa sebagai sebuah negara yang muda dan sedang membangun, dalam masa-masa yang singkat sahaja, iaitu semenjak kita merdeka telah mencapai kemajuan dengan menubuhkan dua buah Fakulti Perubatan di Universiti-universiti di negara kita ini. Pada masa ini, kedua-dua fakulti tersebut boleh melatih 240 orang pelajar perubatan. Angka ini akan bertambah kepada 260 orang pada tahun 1976 dan akan diteruskan dengan kedudukan ini.

Bersama-sama dengan ini adalah dianggarkan daripada 200 orang pelajar Malaysia sedang belajar di universiti-universiti luar negeri yang menunjukkan tambahan doktor-doktor pada tiap-tiap tahun menjadi kira-kira 338 pada tahun ini dan kira-kira 380 atau lebih pada tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar sungguh pun kita mempunyai tenaga yang berkebolehan, pakar-pakar dan boleh menubuhkan sebuah lagi fakulti perubatan, tidak kurang juga perlu bagi kita bersabar dan menimbangkan cadangan untuk menubuhkan Fakulti Perubatan yang Ketiga dalam kontek keutamaan Pembangunan Negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan doktor-doktor dalam perkhidmatan di Kementerian saya telah bertambah baik dalam masa empat tahun yang lalu. Sebagai sebuah negara demokrasi, kita tidak boleh menahan perletakan jawatan doktor-doktor yang terus berlaku. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan bahawa perkhidmatan kesihatan kita terus bertambah kuat dan baik daripada segi bilangan dan mutu. Sungguhpun demikian, saya akui di sini bahawa kita kehilangan sedikit doktor-doktor dan pakar-pakar yang berpengalaman dalam perkhidmatan kita. Saya telah berusaha dengan sedaya-upaya untuk mengadakan lebih banyak jawatan-jawatan tertinggi dan lebih banyak hadiah-hadiah pelajaran untuk doktor-doktor. Pada masa empat tahun yang lalu, bilangan jawatan-jawatan tertinggi untuk pakar-pakar telah bertambah daripada 112 dalam tahun 1971 kepada 151 dalam tahun 1974. Dalam tahun ini jawatan tertinggi itu akan bertambah lagi.

Sebahagian besar biasiswa dan hadiah pelajaran telah juga boleh didapati, tetapi malangnya doktor-doktor masih lagi enggan untuk menerima hadiah-hadiah ini di sebalik syarat-syarat untuk hadiah-hadiah itu telah dilonggarkan. Syarat-syarat untuk cuti tanpa gaji untuk membolehkan doktor-doktor kita melanjutkan pengajian ijazah lanjutan dan latihan untuk mereka sendiri telah juga dilonggarkan. Kita telah memulakan kursus latihan pakar ijazah lanjutan, seperti ilmu Urat Saraf, Kesihatan Awam, Perubatan Umum, Pembedahan, Obstetric, Gynaecology, dan Anaesthesia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa kita akan dapat merapatkan jurang ini dan dapat mengekalkan lebih banyak lagi doktor-doktor yang kanan dan berpengalaman dalam perkhidmatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Seremban bahawa yayasan-yayasan yang lain mesti diwakili oleh Majlis Perubatan, saya ragu-ragu perkara ini kurang sesuai sedikit untuk yayasan-yayasan bukan perubatan diwakili dalam Majlis Perubatan. Pada pendapat saya perwakilan ini sekarang adalah adil dan cukup daripada semua bidang pengamal perubatan yang berdaftar dalam negara.

Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Hitam telah mencadangkan bahawa sebuah Jawatan Pengawas (watch-dog) hendaklah dibentuk oleh Majlis Perubatan bagi mengambil tindakan disiplin ke atas doktor-doktor. Ahli Yang Berhormat itu haruslah sedar bahawa Bahagian IV Akta Perubatan, 1971 telah diberikan kuasa mengambil tindakan disiplin ke atas semua mereka yang berdaftar di bawah akta ini. Oleh itu, Majlis Perubatan telah melantik sebuah jawatankuasa yang dikenali dengan Jawatankuasa Penyiasatan Disiplin untuk menyiasat ke atas aduan-aduan atau laporan-laporan berkenaan disiplin. Saya suka menegaskan di sini, Majlis ini akan menyiasat aduan daripada sesiapa sahaja. Ini bermakna tidak kira aduan itu datang daripada doktor-doktor atau pihak kumpulan doktor sahaja. Adalah menasabah bagi kita meletakkan satu undang-undang mengamanatkan atau mengenyipkan ke atas doktor yang melakukan "sesuatu yang tidak disukai daripada segi iktisas". Bagaimanapun, saya difahamkan bahawa Majlis Perubatan dalam mesyuaratnya baru-baru

ini telah menerima satu kertas sebagai panduan kepada pengamal-pengamal Perubatan. Kertas ini tidak lama lagi boleh didapati oleh semua pengamal-pengamal dan adalah sama dengan Tatacara-tatatertib (Code of Ethics) Persatuan Perubatan Malaysia kepada semua ahlinya. Saya suka menggesa semua pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar supaya mematuhi Tatacara ini dalam amalan mereka setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Akta Perubatan (Pindaan), 1975 ini untuk meminda Akta Perubatan, 1971 dibaca pada kali yang keduanya dan diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 2—

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit tentang Fasal 2 Seksyen 3 (1) 1 (e) "tiga orang Pengamal berdaftar penuh dari antara ahli-ahli Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan yang akan dinamakan oleh Majlis Universiti Kebangsaan dan dilantik oleh Menteri;"

Tuan Pengerusi, seperti Menteri yang berkenaan sedia maklum, asal Akta Perubatan itu pada mulanya apabila Akta itu diluluskan, kita cuma ada satu Fakulti Perubatan. Pada masa itu ada 3 orang ahli-ahli atau doktor dilantik oleh Menteri Kesihatan daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya untuk menjadi anggota Majlis Perubatan Malaysia. Keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia, ialah berjumlah 18 orang seperti berikut:

9 orang yang dilantik oleh doktor-doktor di Semenanjung Malaysia.

3 orang yang dilantik oleh doktor-doktor di Sabah dan Sarawak.

3 orang daripada ex-officio.

Ini mengikut satu Suruhanjaya yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. Pada masa itu keanggotaan ini sesuai, tetapi kita tidak sedar bahawa Kerajaan atau Universiti Kebangsaan akan menubuhkan satu Fakulti Perubatan. Sekarang ini telah bertambah 3 anggota daripada Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan. Ini bermakna, keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia ialah dinaikkan daripada 18 kepada 21. Kalau sekiranya Kerajaan akan membuka atau membentuk suatu Fakulti Perubatan lagi umpamanya di Universiti Sains Malaysia maka akan bertambah lagi 3 ahli daripada Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia. Ini bermakna ahli-ahli daripada tiga Fakulti Perubatan ini berjumlah 9 orang. Tetapi prinsip yang diikuti oleh beberapa Majlis Perubatan di seluruh dunia ialah doktor-doktor di Majlis Perubatan mana-manapun perlu, yang sesuai dipilih oleh doktor-doktor bukan dilantik oleh sesiapa walaupun, orang itu Menteri Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya mengkaji perkara ini oleh sebab memandangkan tentang bertambahnya bilangan Fakulti Perubatan, maka saya bukan menyatakan kita tidak payah menambah Fakulti Perubatan, tetapi wakil daripada Fakulti Perubatan boleh menjadi lebih daripada wakil yang dipilih oleh doktor itu di tanah air kita. Oleh sebab itu, saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan perlu sekarang dikurangkan keanggotaan Majlis Perubatan daripada Fakulti-fakulti Perubatan daripada 3 kepada 1, ini bermakna kita boleh menjaga wakil-wakil Fakulti Perubatan tidak boleh lebih daripada wakil yang dipilih oleh doktor-doktor. Selain daripada itu, seperti Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri sedia maklum, beliau telah dapat cadangan daripada Majlis Perubatan Malaysia tentang keanggotaan Persatuan Doktor-doktor Malaysia.

Tuan Pengerusi: Saya telah membenarkan Ahli Yang Berhormat bercakap panjang tadi hingga sampai satu pengesyoran yang kena tepat fasal yang ditujukan tadi yang mana akhirnya, Yang Berhormat minta pertimbangan supaya dikurangkan daripada 3 kepada 1. Tetapi nampaknya ini hendak melarat ke lain, yang sepatutnya perkara-perkara prinsip ini dibawa ke dalam perbahasan

pada bacaan kali yang kedua. Barangkali Yang Berhormat tidak bercakap pada hari Jumaat?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, perkara ini ada kena-mengena dengan keanggotaan Majlis Perubatan.

Tuan Pengerusi: Apa Yang Berhormat bawa itu tadi adalah perkara prinsip. Berapa proportion, yang dilantik atau dinominated oleh Kerajaan atau Menteri, berapa yang dipilih oleh Medical Council. Itu semua adalah perkara prinsip. Yang boleh dibawa ke dalam Jawatankuasa ini ialah apa yang dicadang untuk dipinda iaitu Fasal 3 (1) 1 (e) ini. Yang sebenarnya Yang Berhormat sudah bercakap tadi daripada 3 kepada 1. Itu cukuplah.

Dr Tan Chee Khoon: Saya mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya kurangkan keanggotaan Fakulti Perubatan daripada 3 kepada 1 dan beri perwakilan kepada wakil-wakil seperti persatuan Doktor-doktor Malaysia.

Tuan Pengerusi: Cadangan ini tidak boleh diterima, sebab berkehendakkan sekurang-kurangnya dua hari notis. Tetapi ini tidak ada notis. (kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan) Yang Berhormat Menteri hendak jawab juga? Silakan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat ini, saya rasa tidak boleh diterima oleh kerana Universiti Kebangsaan sudahpun mempunyai Fakulti Perubatan. Jadi keahlian Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan ini, maka pindaan ini adalah perlu dijalankan. Jika sekiranya pada masa yang akan datang, sekiranya kita mampu mengadakan sebuah lagi Fakulti Perubatan maka Rang Undang-undang ini boleh dipinda dengan keadaan yang sesuai. Dengan itu cadangan Yang Berhormat itu saya rasa tidak boleh diterima.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kemajuan Petroliam, 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian harus masih ingat lagi bahawa dengan adanya Akta Kemajuan Petroliam, 1974 pemunyaan mengenai petroliam dan hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan untuk keistimewaan-keistimewaan eksklusif untuk mencari, mengeksploit, mendapatkan dan memperolehi petroliam adalah diletak hak pada Petroliam Nasional Berhad atau dengan secara ringkasnya PETRONAS. Di bawah Akta itu, PETRONAS juga diberi hak eksklusif bagi menjalankan perniagaan memproses atau menapis petroliam atau mengilang keluaran-keluaran kimia-petrol daripada petroliam. Perniagaan seumpama itu hanya boleh dijalankan oleh orang-orang lain dengan kebenaran Perdana Menteri.

Semenjak diperbadankan PETRONAS tujuh bulan dahulu, PETRONAS telah menjalankan siasatan atas semua perniagaan yang berkaitan dengan petroliam yang dijalankan di negara ini. Adalah didapati bahawa untuk mencapai objektif negara supaya memperolehi faedah yang maksima dari petroliam untuk rakyat jelata maka didapati mustahak dipinda Akta Kemajuan Petroliam, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mencadangkan tiga pindaan yang mustahak:

Pertamanya, untuk memberi hak eksklusif kepada PETRONAS bagi menjalankan perniagaan memasar atau mengedar petroliam dan barang-barang keluaran kimia-petrol;

Keduanya, menghendaki syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan yang tersebut dalam seksyen 6 (1) dan (3) mengadakan dua kelas syer, iaitu syer biasa dan syer pengurusan. Syarikat itu dikehendaki mengeluarkan syer pengurusan itu kepada PETRONAS dengan bayaran wang tunai;

Ketiganya, untuk memperluaskan lagi kuasa membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah saya jelaskan maksud tiga pindaan yang penting ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi, PETRONAS adalah diberi oleh Akta itu hak-hak eksklusif untuk menjalankan urusan memproses atau menapis petroliam atau mengilang keluaran-keluaran kimia-petrol daripada petroliam. Urusan yang demikian adalah suatu aspek yang penting dalam perusahaan petroliam. Walau bagaimanapun, PETRONAS belum lagi diberi hak untuk menyertai dan mengawal aspek penting yang satu lagi itu mengenai aktiviti-aktiviti penggunaan (downstream activities) yakni pemasaran dan pengedaran petroliam dan keluaran-keluaran kimia-petrol. Pada masa ini penyertaan bumiputra dalam aktiviti-aktiviti ini tidak cukup. Aktiviti-aktiviti penggunaan ini (downstream activities) adalah juga perlu diperkembangkan secara teratur dengan tujuan untuk membetulkan kedudukan ekonomi yang tak seimbang di antara kawasan bandar dengan kawasan luarbandar. Aspek pekerjaan dalam sektor perniagaan ini hendaklah juga dikaji dan jika perlu disusun semula. Semuanya ini hanya boleh dicapai dengan berkesan jika PETRONAS diberi hak menjalankan urusan pemasaran dan pengedaran petroliam dan keluaran-keluaran kimia-petrol. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna yang orang-orang lain tidak boleh menjalankan urusan itu oleh kerana pindaan yang dicadangkan itu memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk memberi kebenaran kepada orang-orang lain itu dengan bersyarat. Pindaan ini adalah diperuntukkan dalam Fasal 2 (c) Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang kedua ialah mengenai pengeluaran syer-syer pengurusan kepada PETRONAS oleh Syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan memproses atau menapis petroliam atau mengilang benda-benda keluaran kimia-petrol dari petroliam atau memasar atau mengedar petroliam dan benda-benda keluaran kimia-petrol. Tujuan pindaan ini ialah juga mencapai objektif polisi yang saya sebutkan tadi iaitu, penyertaan oleh bumiputra, perkembangan yang teratur dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran dan pengimbangan pekerjaan. Saya suka menegaskan di sini bahawa syer pengurusan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat itu kepada PETRONAS adalah dengan cara

bayaran tunai (for cash) dan dengan harga yang sama dengan harga pasaran syer biasa bagi syarikat-syarikat itu sebagaimana yang diquote di Pasar Saham (Stock Exchange) pada tarikh syer pengurusan itu dikeluarkan. Jika syer-syer biasa syarikat itu tidak diquote di Pasar Saham, maka harga syer pengurusan itu adalah mengikut kadar yang berpatutan. Saya suka juga menegaskan bahawa syer pengurusan dan syer biasa adalah sama tarafnya mengenai pembayaran dividen, mengenai pengeluaran bonus dan right issue mengenai hak pengembalian modal dan mengenai hak memperoleh aset-aset yang berlebihan bila syarikat itu digolong (liquidation). Perbezaannya di antara syer pengurusan dan syer biasa ialah pemegang syer pengurusan mempunyai hak 500 suara. Di bawah pindaan ini, Perdana Menteri diberi kuasa mengecualikan mana-mana syarikat atau mana-mana kelas syarikat daripada peruntukan ini; ini bermakna bahawa jika sesuatu syarikat itu dikecualikan maka tidaklah ia dikehendaki mengadakan dan mengeluarkan syer pengurusan kepada PETRONAS. Pindaan ini diperuntukan dalam Clause 3 Bill itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang ketiga ialah mengenai kuasa membuat peraturan-peraturan. Kuasa ini akan diperluaskan untuk membuat peraturan-peraturan mengenai aktiviti-aktiviti pengeluaran (downstream activities), pemasaran dan pengedaran petroliam dan benda-benda keluaran dari petroliam, selain daripada aktiviti-aktiviti upstream. Kuasa baharu ini termasuk kuasa mengadakan penalti-penalti kerana melanggar peraturan-peraturan dan kuasa mengadakan rampasan. Pindaan ini diperuntukan dalam Clause 4 Bill itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain ialah mengenai peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu, menurunkan kuasa-kuasa yang tertentu di bawah Akta itu, tanggungjawab jenayah oleh orang-orang gaji dan ejen syarikat dan bidang kuasa mahkamah membicarakan kes-kes. Saya fikir tidaklah perlu lagi saya menerangkan pindaan-pindaan itu kerana pindaan-pindaan itu telahpun diterangkan dalam Huraian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.03 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk melibatkan diri ikut di dalam perbincangan suatu Akta bagi meminda Rang Undang-undang Kema-juan Petroliam, 1974 dan saya berdiri di sini menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, satu daripada conflict politics di negara kita ini adalah disebabkan oleh adanya suatu golongan di Malaysia kita ini yang masih lagi belum menikmati kekayaan negara dan secara kebetulan golongan yang belum lagi merasai nikmat kekayaan ini adalah terdiri daripada orang-orang luar bandar dan secara kebetulan mereka yang kebanyakannya duduk di luar bandar adalah orang-orang bumiputra. Maka dengan yang demikian, bagi mengatasi masalah conflict politics yang telah dicituskan oleh perasaan kurang puas hati dari segi equitable distribution of wealth ini, maka Kerajaan telah menimbulkan suatu Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan, dalam tempoh 20 tahun sekurang-kurangnya 30% daripada kekayaan negara ini hendaklah dimiliki oleh bumiputra. Usaha untuk menuju ke arah mencapai matlamat itu agaknya amat susah sedikit, tetapi nasib baik baru-baru ini negara kita ini telahpun terjumpa suatu bahan mentah iaitu petroliam. Petroliam ini pada pendapat saya, boleh menjadikan suatu punca atau dijadikan suatu bahan yang mana boleh digunakan ke arah bagi melaksanakan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang saya telah sentuh tadi. Dengan itu, saya berasa bangga sekali bahawa ada beberapa pindaan dalam Akta ini yang telahpun diturunkan menuju ke arah itu.

Saya berasa dukacita sedikit iaitu dalam Akta yang asal peruntukan-peruntukan seperti itu tidak ada, tetapi alhamdulillah dengan adanya Rang Undang-undang yang baru ini banyak kelonggaran, apa yang agaknya tidak ada dalam Akta yang asal nampaknya telah ada diberikan kuasa di bawah peruntukan Rang Undang-undang yang meminta Akta yang asal. Namun demikian, saya masih berasa kurang seronok, oleh kerana ada suatu perkara yang saya harapkan ada di pindaan ini, nampaknya

tidak ada, iaitu dari segi PETRONAS di dalam keadaan yang ada sekarang merupakan suatu company biasa, tetapi tidak ada penglibatan bumiputra secara terus-menerus.

Apa yang saya harap-harapkan ialah ada suatu pindaan di dalam Akta pindaan ini yang mana berusaha untuk menjadikan PETRONAS sebagai suatu yunit saham, yakni PETRONAS ini seharusnya dijadikan unit trust dan dikeluarkan kepada bumiputra. Saya syorkan mereka yang berpendapatan kurang daripada \$500. Siapa juga bumiputra yang berpendapatan kurang daripada \$500 seharusnya diberi saham ataupun unit trust daripada PETRONAS ini. Dengan cara itu, mungkin PETRONAS ini akan dimiliki oleh bumiputra yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan. Ini suatu perkara yang saya harap-harapkan ada dalam Akta pindaan ini, tetapi nampaknya tingkatan itu tidak sampai di situ, dan saya berharap benar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menuju ke arah supaya menjadikan PETRONAS ini sebagai suatu agency yang dimiliki oleh bumiputra yang benar-benar kurang berada.

Di sini boleh kita mendapat contoh seperti daya-usaha yang telah dijalankan di negeri Sabah yang mana kegiatan perhutanan mereka dijadikan suatu perusahaan bumiputra yang kurang berada, diberi unit trust supaya bumiputra yang kurang berada di Sabah itu dapat melibatkan diri, merasai dan menikmati kekayaan negara itu sejajar dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Apa yang saya harapkan ialah jalan seperti itu atau cara seperti itu yang telahpun dijalankan atau dilaksanakan dengan penuh kejayaan oleh Kerajaan Negeri Sabah dibawa fikiran itu untuk dilaksanakan dan dijadikan PETRONAS sebagai syarikat seperti itu.

Kalau PETRONAS ini sahamnya kelak dijualkan kepada bumiputra, mungkin agaknya bumiputra yang lain yang akan dapat membeli saham-sahamnya, kerana maklumlah sebahagian bumiputra yang kurang berada sudah tentu tidak akan dapat dan mampu untuk membeli saham-saham PETRONAS ini sekiranya dijual apabila sampai masanya kelak. Kerana itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengeluarkan pendapat saya di sini bahawa contoh yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah dari segi perusahaan perakyuan dibawa fikiran itu di dalam PETRONAS ini supaya PETRONAS ini menjadi badan untuk tujuan

itu. Soal detailnya saya tidak sentuh di sini, itu terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang berkenaan untuk mengkaji, untuk menggubal, untuk merancang sekim, tetapi tujuannya nyata iaitu supaya PETRONAS ini dimiliki keseluruhannya oleh bumiputra yang kurang berada. Maka dengan cara itu, saya percaya dan saya yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru kita yang bertujuan untuk mendatangkan kemilikan kekayaan negara kita sekurang-kurangnya sebanyak 30% kepada bumiputra akan tercapai, dan bukan sahaja tercapai, tetapi bumiputra yang betul-betul miskin, yang betul-betul kurang berada akan dapat merasai kekayaan itu sedikit-sebanyak. Dan dengan cara ini masalah conflict politics yang saya sentuh pada permulaan ucapan saya tadi dan perasaan kurang kepuasan yang pada hari ini wujud di kalangan mereka yang kurang berpuas hati dan menganggapkan politik sebagai krisis akan dapat diatasi. Saya percaya dengan cara itu mereka yang kurang berpuas hati pada hari ini akan dapat ditenteramkan perasaan mereka dan mereka akan berfikir bahawa usaha telahpun ada yang mendatangkan distribusi kekayaan yang lebih adil, mereka telah merasai sedikit-sebanyak dan menikmati kekayaan negara ini, maka dengan cara itu saya percaya usaha untuk mengintegrasikan masyarakat dan usaha untuk mengamanakan dan mengadakan suatu politik yang stabil di negara kita akan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan lebih sempurna.

Pendekata, Tuan Yang di-Pertua, petroliaam pada pendapat saya adalah suatu rahmat Allah subhanahu wataala yang diperturunkan mungkin oleh sebab ramai agaknya bumiputra yang susah berdoa kepada Allah untuk mendapatkan kekayaan; merasai sedikit-sebanyak kesenangan di negara kita ini dan nampaknya doa rakyat yang marhin dan miskin di negara ini telahpun dikabulkan dengan perjumpaan kekayaan yang sebegini besar iaitu petroliaam. Inilah satu peluang keemasan yang mesti tidak boleh dilepaskan di dalam usaha kita untuk memperseimbangkan keadaan kekayaan di negara kita ini. Saya rasa peluang yang terbesar dan terakhir dan kalau peluang ini kita tertinggal dan tidak digunakan untuk mendatangkan perseimbangan kekayaan daripada mereka yang kurang berada dengan yang berada, mungkin tidak ada lagi peluang yang lebih baik dan cemerlang daripada bahan-bahan mentah yang telahpun dijumpai iaitu

petroliam. Saya sungguh-sungguh berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada syor-syor saya tadi dan saya sungguh-sungguh berharap suatu pindaan dapat dibuat di dalam masa yang pendek dan segera sepertimana yang telah saya syorkan iaitu menjadikan PETRONAS ini sebagai suatu syarikat unit trust ataupun saham baginya dan untuk dimiliki oleh mereka yang kurang berada. Detailnya saya tidak sentuh, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya juga amat berasa bangga bila mendengar pererangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi bahawa PETRONAS telah diberi kuasa untuk memasuki di dalam perkara-perkara yang mana bumiputra belum lagi melibatkan diri mereka umpamanya filling station. Kita telah sedar pada hari ini bahawa penglibatan bumiputra dalam kedai-kedai minyak iaitu petrol station amat berkurangan. Saya sungguh-sungguh berharap dengan kuasa yang ada ini, kuasa ini akan dapat digunakan dengan sepuh kebijaksanaan untuk menambah lagi penglibatan bumiputra di dalam mengendalikan petrol station, tempat-tempat mengisi minyak dan sebagainya dalam usahanya dan tidak pula mengganggu dan mengambil hak-hak mereka yang lain. Itu terserah dan terpulang kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam melaksanakan undang-undang ini dengan penuh kejayaan bagi tujuan Dasar Ekonomi Baru tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang pindaan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini amat bijak sekali dan saya berharap mendapat sokongan yang penuh daripada Dewan yang mulia ini, tetapi setelah mendapat kuasa itu, saya sungguh-sungguh berharap pula kuasa yang telah diberi itu akan digunakan, dilaksanakan dan jangan sekadar undang-undang sahaja dibuat, kemudian undang-undang ini kurang dilaksanakan ataupun dilaksanakan dengan secara yang tidak dinamis, dengan secara kurang conviction. Saya sungguh-sungguh berharap bila Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah mendapat kuasa yang diminta oleh beliau, akan dengan jujur, ikhlas dan berani menjalankan dengan sepenuhnya

kuasa-kuasa yang diminta itu dan saya mendoakan kepada beliau supaya segala-galanya akan sempurna demi terlaksananya Dasar Ekonomi Baru yang menjadi cita-cita dan tujuan kita semua.

4.16 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kemajuan Petroliam, 1974. Dalam perbahasan ini, saya ingin berucap dalam Bahasa Malaysia dan saya minta izin juga berucap dalam bahasa Inggeris.

Saya dalam Dewan ini bagi pihak parti saya menegaskan dan menyeru bahawa perkara petroliam ialah suatu perkara yang sangat maha penting dalam ekonomi kita dan mesti dikuasai dalam tangan warganegara kita dan tidak boleh seperti sekarang di mana perkara petroliam ini dikuasai dan dikontrol oleh puak-puak ekonomi orang asing yang menggunakan petroliam; bukan sahaja di peringkat memperoses, mengilang, menapis, memasak atau membahagi-bahagikan petroliam atau keluaran-keluaran kimia-petrol bukan untuk keuntungan rakyat jelata di Malaysia, tetapi untuk keuntungan (profit) mereka sahaja. Saya berdiri hari ini untuk menyokong dengan sepenuh hati terhadap Rang Undang-undang ini, tetapi selepas membaca isi-isi kandungan Rang Undang-undang ini, saya terpaksa membentangkan beberapa buah fikiran dan kritik-kritik mengenai Rang Undang-undang ini.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, petroleum is a very sensitive matter, for it concerns and governs every aspect of our daily life, ranging from household to large industries and a country's economy. It is essential and vital therefore that petroleum and all aspects of the petroleum industry should be fully in the hands of Malaysians and not, as of now, to be controlled and dominated by foreign economic interests which do not have as a priority consideration the interest of the country but of their profit maximisation. I will be giving some examples to illustrate this.

The amendments before us today propose to grant exclusive rights in the business of marketing and distribution of petro-chemical products to the PETRONAS, except where

permission is granted by the Prime Minister. It will appear that instead of what the D.A.P. and myself will call in this House an outright nationalisation of the foreign oil companies, which have such a crippling influence on our economy, what we have before us today is a proposal which will insert another level of intervention, which may turn out to be more onerous on the consumers in the long run.

Although the Bill provides for the business of marketing and distribution to be granted exclusively to PETRONAS, there is a provision for permission to be granted by the Honourable Prime Minister, as provided under Clause 2 of the amending Bill. Clause 2 (c) states:

“xx xx xx xx xx xx
 xx xx xx xx xx xx

(3) Subsection (1) shall apply to any business of marketing or distributing of petroleum or petro-chemical products; and any person who on the commencement of this subsection is carrying on any such business may continue to do so but shall, not later than six months from the date of commencement of this subsection, apply in writing to the Prime Minister for this permission referred to in subsection (1).

(4) Where the Prime Minister grants his permission under this section he may, at his discretion, impose such terms and conditions as he may deem fit.”

First of all, with regard to the phraseology of the proposed Clause, I seem to detect a tendency in the Government of late to confer untrammelled powers upon itself, with regard to the control of any particular subject. It was only on Friday, with regard to the Industrial Co-ordination Bill, that I had occasion to comment that in that Bill the House was asked to grant powers to the Honourable Minister to issue a licence for the manufacturing industry on conditions that he deems fit as expedient in the national interest, and what is the “national interest” can be open to argument. But at least in that particular Bill the untrammelled power of the Minister concerned is qualified by the Clause that it should be exercised in accordance with what the Minister considers as expedient in the national

interest; and the Minister replied that if there is an argument or challenge as to whether there has been an abuse of power, it can be taken to court as to what “national interest” is. But here, in this particular Bill, there is no qualification whatsoever. It is here stated:

“Where the Prime Minister grants his permission under this section he may, at his discretion, impose such terms and conditions as he may deem fit.”

Deem fit for what? There is no qualifying or governing Clause or guideline as to how such discretion can be exercised. I think that as a fundamental point of the Constitution and Parliamentary democracy, such legislation—not only this one but all such types of legislation—is highly obnoxious because it defeats the very principle of accountability of Government actions to the people and to Parliament, because it is impossible to control it because the Statute does not provide for it. I am here not attributing that the Honourable Prime Minister or any Minister concerned, with regard to any Bill, will abuse his power but as legislators we must not confer power where there is room and possibility for the abuse of power. In this connection, although PETRONAS is directly under the Honourable Prime Minister, we know that the Honourable Prime Minister is such a busy man, with such a multitude of portfolios, that it is clearly impossible for him to be able to take direct responsibility of the subject and, in the nature of things, it will be delegated, as today it is delegated to the Honourable Deputy Minister in introducing this Bill, because the Honourable Prime Minister has his manifold duties. So the question of such omnibus untrammelled provisions running wild is very real, and I would hope the Honourable Deputy Minister can give us a satisfactory answer, and I do hope that the Parliamentary Draftsman or whoever responsible for drafting future Bills will take note of this and I hope there will be no more such untrammelled powers being conferred.

As I said just now, because of the fact that the Honourable Prime Minister is so busy that although PETRONAS is under his direction, under his direct responsibility, the various powers that are conferred, which are technically on the Honourable Prime Minister alone, will be delegated. I say that

this is a very unsatisfactory arrangement, in view of the fact that petroleum is going to become probably even more important than any other subject in our economy, the principles of direct accountability to and control by Parliament must be strictly imposed. Only last week we saw an example how under the present arrangement it is not possible because we cannot question the PETRONAS Chairman, although he is an Honourable Member of this House, because as Chairman of PETRONAS he is not a Member of the Cabinet and is not directly responsible to Parliament. Honourable Members will recall that during Question Time on the subject of petroleum, I raised the question that in Malacca and in other areas there have been of late a deliberate and steady reduction of supply of diesel to the petrol kiosks. In February, for instance, there was one petrol pump station which was given 8,000 gallons; in March it was given 4,000 gallons; and in this month of April, it was given 3,200 gallons. Of course, the oil companies may deny it publicly. The dealers also know the reason because oil companies claim that they are not making profits out of it and the dealers are not very vexed about it because they claim they have been so squeezed by the oil companies, that their commissions have been so drastically reduced that it does not really matter whether they sell diesel or any particular product at all. But who suffers in the long run? It is the consumers; it is the public.

So here is a case which, firstly, not only illustrates the point I made earlier, that oil companies are not aware or are in cognizance of the fact that by virtue of the overall and comprehensive importance of petrol, they are dealing not with any ordinary subject but, as a matter of fact, like electricity or water supply, they are dealing with an essential supply and they must not, therefore, fool around with the economy, the lives and the pay-packets of the consumers just for profit purposes; and secondly, this illustrates the point that the Government cannot keep a direct track under the present system under PETRONAS, because the Honourable Prime Minister admitted that he was not aware of this occurrence in Malacca. I do not know whether the Honourable Deputy Minister after a lapse of more than a week would be able to give us a fully satisfactory reply on the matter; if not, it shows very clearly that

under the present arrangement, it is not very satisfactory to protect and safeguard the interest of the consumers. I would, therefore, in this connection, call for the serious consideration by the Honourable Prime Minister that a system must be devised whereby there can be a direct accountability and strict control over the subject of petroleum by Parliament whereby the person who is directly involved with petroleum can answer and explain to this House, which means in effect that probably the Chairman of PETRONAS should be made a Minister and a member of the Cabinet so that he can directly find out what is happening. In view of the fact that petroleum is going to become increasingly, with the passing months, a very important subject—the question of exploration, processing, manufacture, distribution, marketing—although of late after the discovery of the various rockets there has been a lot of talk about Parliamentary democracy; otherwise in this matter the question of Parliamentary democracy, of strict accountability cannot

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Order, order! Which clause are you referring to?

Tuan Lim Kit Siang: PETRONAS.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Where is there about this question of rockets?

Tuan Lim Kit Siang: “Rockets” is used as an illustration.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I rule you out of order!

Tuan Lim Kit Siang: I therefore, come back to what I was saying earlier, that it would have been better had there been outright nationalisation of the oil companies instead of an insertion of a new level of intervention. I would like to know how it will work out because if it works out whereby the dealers and the consumers will have to pay an additional levy, just like, for instance, in the case of PERNAS, where there was a $\frac{1}{2}\%$ levy on the China trade, if there is a similar working out in the case of PETRONAS, then I think that it will all end up in the oil companies getting away scot-free while the consumers have to pay more, consumers whether they be Bumiputras or non-Bumiputras. That is to bolster the case that if it

was an outright nationalisation, of a take-over of the oil companies, then let PETRONAS run all aspects of the petroleum business, whether they be in marketing or distribution in the country.

Mr Speaker, Sir, the other point which has recently hit the headlines was with regard to the question of the raw deal which the oil companies have given to the dealers and we have all read in the Press of how the Mobil dealers have wanted to go on boycott because their commissions have been so drastically reduced by the parent oil companies to be viable in the dealership business. This is a matter where PETRONAS should have stepped in right from the very beginning or when it became such a public matter, but again it illustrates the very, very lax and very inadequate control of PETRONAS over the foreign oil companies, to allow foreigners with powerful economic interests abroad to cripple and to dominate Malaysians.

Since the formation of PETRONAS, as mentioned by the Honourable the Deputy Minister when introducing the Bill, PETRONAS has entered into various negotiations with the nine oil companies and even with the various States of the Federation of Malaysia, with regard to oil and other rights. But what I would like to know is why all these negotiations were conducted in such secrecy, although I may appreciate, when the actual process of negotiations takes place, that certain privacy is required; but the whole subject is couched in such great secrecy as if the subject of petroleum is solely the prerogative and solely the interest for the knowledge of PETRONAS and the parties concerned whereas, in fact, petroleum is not the sole prerogative or the sole subject of PETRONAS but it is of public interest and PETRONAS has a duty to the people of Malaysia to inform them before, during and even after negotiations as to what is taking place with regard to the very, very rich natural resources in our land.

When the Bill for PETRONAS was debated, my colleagues and I had emphasised the importance of PETRONAS and that the oil resources in the country should be used to benefit the people as a whole, to ensure that they all can get cheap power supply to ensure that the industries can achieve power supply as a result of which goods can be sold at a lower price. But there has been no

indication up to date that this is in the mind of PETRONAS. I do hope that the Honourable the Deputy Minister can give a clarification in this regard.

Just now, I mentioned the point of the proposal with regard to the granting of exclusive rights in marketing and distribution to PETRONAS subject to the conditions given by the Honourable Prime Minister. This one should be considered at two levels—one, from the point of view of the oil companies and the local distributors and two, from the point of view of the dealers. From the point of view of the oil companies, I made the point that it would have been better for an outright nationalisation. With regard to the angle of the dealers, I would like an assurance from the Honourable Deputy Minister that the implementation of this Amending Bill will not in any way jeopardise, damage or undermine the present business of the existing dealers and that, as I have said just now, no additional economic or financial burden should be imposed on them which in the long run will be passed on to the consumers. In other words, PETRONAS should not act as the new middleman between the oil companies and the consumers or between the oil companies and the dealers. That is why I have asked for an outright nationalisation.

Finally, I call on the Honourable Deputy Minister to use his good offices to see to it that, if in fact the oil companies are not facing outright nationalisation, the interests of the consumers are protected with regard to their oil needs, that there is no arbitrary cut-down of diesel supplies, petroleum supplies and the cut-down of commission to dealers so that they can have profit maximisation. I do hope that next time there is an amendment on petroleum again, it will be an outright nationalisation, so that we can see to it that the oil industry is fully, completely, in Malaysian hands.

4.36 *ptg.*

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan bahawa Rang Undang-undang ini dikemukakan oleh beliau oleh sebab pada pendapat saya kita ada PETRONAS dan PETRONAS ada seorang Pengerusi dan Pengerusi itu ialah seorang yang bertaraf Menteri juga dan pada pendapat saya perlu dan sesuai bagi pengerusi PETRONAS mengemukakan Rang Undang-undang ini dan menjawab segala hujjah-hujjah yang timbul dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, di tanahair kita ada beberapa cartel minyak, umpamanya Esso, Shell, BP, Mobil, Caltex dan sebagainya. Apabila kita membahaskan Rang Undang-undang PETRONAS, kami ada menyuruh Kerajaan supaya nationalise minyak petrol ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melawat ke negeri-negeri Timur Tengah, iaitu ke Saudi Arabia, Kuwait dan sebagainya dan pegawai-pegawai kita juga ada melawat ke Timur Tengah. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar bahawa semua Kerajaan di Timur Tengah ada nationalise atau membeli semua syarikat minyak di sana? Kalau negeri yang disebutkan oleh saya tadi seumpamanya Saudi Arabia, Kuwait, Dubai dan sebagainya ada mengambil langkah untuk membeli syarikat minyak di sana, mengapakah kita tidak berbuat demikian di tanahair kita?

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the time has now come when we should not just bring in piecemeal amendments to the PETRONAS Bill but to think of making of radical changes in PETRONAS and take radical measures to see that oil which is such an important commodity in these days of science and technology should not be in the control of foreigners. The five big cartels that I have referred to just now literally control the oil industry in this country; and while ostensibly they may conform to Government policies, yet we all know that when the crunch comes, when there is a crisis, their loyalties are not with us but their loyalties are with the parent companies that are mainly in America and in the West. Besides, I maintain that they do not have the same sympathy as locally controlled companies or as those companies which are

controlled by local people. For example, although we know that the profit motive is very important with such cartels, if it were controlled by our nationals, then we can ask the cartels to think of the interest of the people of this country and, in particular, the interest of the poor people in this country. For example, the poor people in this country use kerosene for lighting in the rural areas. So, the time has now come for the Government or PETRONAS to think in terms of nationalising the big oil cartels if not immediately but at least in stages so that over a period of five or ten years, we will completely control the oil cartels. One side effect of control of the oil industry by the cartels is that millions of dollars are now being sent out of this country to the detriment of our balance of payments.

The other thing, of course, that I want to bring to the attention of the Honourable Deputy Minister is the question of management of these oil cartels. The Bill talks about management shares and ordinary shares. I do hope that the Honourable Deputy Minister, the top officials of PETRONAS and indeed those who are in control of the industry in this country will read very carefully what has arisen or what is now made public as a result of the Pinder trial in Singapore. There one has seen how the expatriates have hidden funds for the benefit of expatriates; how the expatriates vote themselves all sorts of shares and then take these shares out of the country; and how the expatriates blatantly remit large sums of money out of this country for their own benefit. I say, Mr Speaker, Sir, that this is intolerable in this country or in any country that has achieved independence. I gather, for example, that in lots of big businesses in this country, there are two scales of salaries: one for the expatriates, another for the local people. Then the fringe benefits are also different: the expatriate executive, although he may be new and junior and not so well qualified and experienced, gets far better fringe benefits than the more experienced and better qualified local citizen. This is an intolerable set of circumstances, and I hope that the Honourable Deputy Minister will see that this does not happen with the oil cartels that I have referred to.

Mr Speaker, Sir, the other thing that I wish to refer to is with regard to the oil dealers, the people who sell oil at the petrol pumps. We have, I believe, in the Prime Minister's

Department a Bahagian Petroliam. I also believe that the Bahagian Petroliam has received a memorandum or a letter from the lawyers of the oil dealers in this country. Basically in a nut shell, this is what the trouble is. The oil dealers in this country and, in particular, the oil dealers in Mobil, they feel that they have been given a raw deal. They say that the profit margin that has been given to them is not enough whereas in Singapore, which is not so far away from Malaysia, they are given a bigger margin of, I believe, 8 cents per gallon while the dealers in Malaysia get 5 cents per gallon—the figures may not be correct, but there is a fairly big difference. They have now formed an association and registered it in order to safeguard their interests. They have asked the oil companies to recognise their Association and to negotiate with them over some of the details of the margin of profit that must be allowed to them. I gather that the oil cartels are so very powerful that they have rejected outright the request of the Association of Oil Dealers to come to the negotiating table to settle whatever differences they may have amicably. This is so in particular with the Mobil which, instead of trying to meet the oil dealers at the negotiating table, has, in fact, tried to victimise one of the principal officers of this Association of Oil Dealers, so much so that the oil dealers in Selangor and, I believe, elsewhere, have threatened to boycott or to stop selling Mobil oil at the petrol pumps. This has brought Mobil to their senses and they have renewed the licence of an oil dealer in Kuala Lumpur. I do hope, Mr Speaker, Sir, that the Bahagian Petroliam in the Prime Minister's Department and indeed the Deputy Minister himself will render his good services to see that this Association of Oil Dealers is recognised by the oil cartels in this country and that these two parties are brought to the negotiating table in order to settle whatever differences that they may have amicably.

Mr Speaker, Sir, I fully support the Honourable Deputy Minister when he talks of giving the benefits of the new oil that we are going to process in order to help the bumiputras to have a stake in the oil industry. But I will want to add a word of warning to the Deputy Minister concerned and this is that one must be very careful to see that one does not over-invest or over-extend. Recently we have read in the papers of how

PETAMINA, which is much bigger presumably than PETRONAS, is now in the red; and it must have made billions of dollars but because it has over-extended itself, it is now in the red. We do not want such an occurrence to happen in this country with PETRONAS. The officials of PETRONAS must realise that PETRONAS, although a quasi-Government Department, is financed out of the taxpayer's money and the assets and funds of PETRONAS must be jealously safeguarded by the officials of PETRONAS.

Finally, Mr Speaker, Sir, I call once again and I make no apology for reiterating it in this house, that PETRONAS, should try to overcome the shortage of local people with the know-how and the know-how is not acquired overnight. Take the simple matter of negotiations for drawing up of contracts. In the oil cartels in New York, they have lawyers who are paid perhaps five times or ten times what our Prime Minister receives and they are all experts. They have years of experience in negotiating with all sorts of people all over the world and when they draw up any agreement there is some small print, and we have people who read only the big print. So, of course, we are in trouble. Therefore, we should quickly send some of our promising lawyers, if necessary, to New York or if necessary to Saudi Arabia, Kuwait and the like to learn the know-how and we must be prepared to pay to learn this know-how. I have made a few enquiries and I think I am right in saying that not a single lawyer has been sent out of this country to learn the know-how about drawing up contracts with foreign oil firms. This is most regrettable because PETRONAS has been set up quite some time ago, and I myself in this house have warned the Government to train local people as quickly as possible in getting the know-how that is so vitally necessary if we want PETRONAS to be a viable project. Hence, Mr Speaker, Sir, I call on the Deputy Minister in the Prime Minister's Department to look at this matter very seriously and to send as quickly as possible as many of our young technocrats as possible to go and learn the know-how in whichever part of the world where they can learn such know-how.

4.04 ptg

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk membahaskan Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan), 1975 dan saya ingin memberikan sedikit ulasan berkenaan dengan Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa pindaan yang dikemukakan ada satu pindaan yang bertujuan meluaskan scope operasi PETRONAS untuk mengadakan pemasaran dan pembahagian petroleum atau keluaran petro-kimia. Kami telah mengesyorkan bahawa apa yang kami perlukan di Malaysia hari ini ialah bukan satu polisi petroleum yang sectoral mengenai penyelidikan dan eksploitasi petroleum, tetapi apa yang diperlukan ialah satu dasar petroleum yang integrated, yang bertujuan untuk membekalkan minyak dan kuasa yang murah untuk rakyat Malaysia. Dengan sebab ini, kami telah mengesyorkan bahawa satu dasar petroleum yang bernasionalis yang akan menguntungkan rakyat Malaysia dan bukan orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana PETRONAS akan diberi kuasa untuk menjalankan pemasaran dan pembahagian petroleum atau keluaran petro-kimia, saya ingin menyeru Kerajaan untuk mengambil langkah yang sesuai untuk menentukan bekalan diesel yang cukup di seluruh Malaysia. Pada bulan-bulan yang lepas dan hingga sekarang petrol kiosks di seluruh Kuala Lumpur telah mengadu bahawa mereka tidak boleh mendapat bekalan diesel yang cukup untuk kegunaan pengguna-pengguna Malaysia. Adalah difahamkan bahawa syarikat-syarikat minyak telah mengenakan quota atas bekalan diesel dan juga tidak menggalakkan petrol kiosks untuk menjual melebihi quota yang dikenakan. Oleh kerana perkara yang tersebut di atas saya merayu kepada Kerajaan untuk menyiasat perkara ini atas kepentingan pengguna-pengguna Malaysia dan mengambil langkah-langkah yang positif untuk menentukan bekalan diesel yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, as I said earlier, I wish to take this opportunity to call on PETRONAS to act immediately after the passage of this Bill, in the interest of Malaysian consumers, to ensure that there will be adequate diesel supply at all times. Under no circumstances must a situation arise whereby owing to an artificial shortage

of diesel our public transport system will be disrupted resulting in the paralysing of taxis, buses and other forms of transport which require diesel.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal bahawa dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini tidak ada apa-apa yang disebutkan mengenai menetapkan harga minyak. Hal menetapkan harga minyak ialah satu perkara yang mesti diambil berat oleh Kerajaan. Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna Malaysia tidak akan dieksploitkan oleh syarikat-syarikat minyak mengenai harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua, so far the international oil companies have been able to exploit Malaysian consumers and dealers because of their monopoly in importing, refining and marketing. The Government must immediately rectify this monopoly of economic power by compelling these oil companies to be more responsible to Malaysian needs and requirements. In this connection, I am disappointed that nothing is being mentioned about oil pricing in this Amendment Bill. The silence on the part of the Government can only fan the expectation of further oil price increases in the foreseeable future. I would like to stress here that any further upward revision of oil prices will only trigger off a further chain reaction of new price movements in the country.

To avoid such a possibility I would like to call for an Oil Pricing Commission to be set-up entrusted with the task of ensuring fair pricing of oil at all levels in our country.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, I wish to stress here that what Malaysia needs today is greater local expertise, technological know-how and specialised knowledge about the complexities of oil economics and technology if PETRONAS is to fully exploit our oil resources for the interest of the nation and of the Malaysian consumers. I feel that the time has come for the setting-up of a Petroleum Institute with the assistance from the oil producing countries in the Middle-East to train Malaysians in all fields of oil economics and technology, so that Malaysians can be fully masters of our oil resources.

4.59 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Akta Kemajuan Petroleum

(Pindaan), 1975 ini memandangkan kepentingannya kepada bumiputra, oleh kerana setakat ini kuasa yang ada pada PETRONAS ialah cuma kuasa carigali. Pindaan kepada Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam ini amatlah perlu supaya PETRONAS dapat meluaskan lagi aktiviti-aktiviti dalam lapangan perusahaan petroliaam ini. Oleh kerana lapangan minyak petroliaam ini adalah lapangan baharu dan di sinilah Dasar Ekonomi Baru negara kita dapat dilaksanakan dengan tidak mengganggu pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga yang utamanya dalam perniagaan ini hendaklah diberikan kepada bumiputra sepenuhnya. Walaupun kita tahu bahawa perusahaan petroliaam ini memerlukan modal yang banyak dan mungkin bumiputra secara perseorangan tidak mampu melibatkan dirinya di dalam perniagaan ini. Tetapi seperti mana juga dalam perusahaan-perusahaan, PETRONAS bolehlah mengusahakan bagi pihak bumiputra. Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, PETRONAS akan dapat melibatkan dirinya dengan giatnya di dalam usaha-usaha perniagaan lain, yang bersangkutan-paut dengan minyak. Misalnya, pengangkutan dan usaha-usaha petro-chemical. Yang lain seperti membuat baja, plastik dan bekalan gas. Usaha-usaha ini memang akan melibatkan beribu-ribu, pekerja, dan saya yakin dari segi pekerjaan pun bumiputra boleh mendapat keuntungan. Di sini saya suka lah mengesyorkan supaya usaha-usaha petro-chemical ini dijalankan di Pantai Timur, kerana dengan adanya usaha seperti ini, dengan sendirinya negeri-negeri di Pantai Timur akan dapat dimajukan.

Seperkara lagi yang patut ditentukan oleh Kerajaan ialah kerjasama dari syarikat-syarikat minyak asing yang telah sekian lama menjalankan perniagaanya di negara kita ini, dan kita tahu memang telah lama mendapat untung yang berlebih-lebihan, dan keuntungan itu dibawa keluar.

Tuan Yang di-Pertua, sampailah masanya sekarang, syarikat-syarikat asing ini bekerjasama dengan mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan kita hari ini, dan dengan ini, saya menyokong penuh atas pindaan Rang Undang-undang ini.

5.03 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh atas Akta bagi meminda Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 yang dibentangkan di hadapan kita sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah sangat sesuai dizaman negara ini mengorak langkah kearah pembangunan yang lebih berkesan lagi. Kami rakyat Malaysia di negeri Sarawak baharu-baharu ini telah menerima baik seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak yang baharu lalu. Dan begitu juga di atas satu perjanjian yang telah dibuat di antara Kerajaan Sarawak dengan PETRONAS bagi kemajuan petroliaam serta syarat-syarat yang telah diatur oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat. Adalah kami yakin dapat memberi faedah kepada negara dan rakyat jelata.

Negeri Sarawak semenjak pemerintahan Brooke sehingga penjajah Inggeris adalah terkenal sebagai sebuah negeri yang mengeluarkan minyak mentah (petroliaam). Walaupun demikian negeri itu dan rakyatnya tidak begitu mendapat faedah yang sepatutnya disebabkan tidak ada undang-undang dibentuk untuk mengawal pemasaran atau pembahagian petroliaam dan hasil lombong di negeri itu dengan sebab tekanan penjajah dan kapitalis sebelum Sarawak merdeka di dalam Malaysia. Ini sudah barang tentu menjadi ingatan kepada rakyat jelata. Walaupun ianya tidak berulang lagi, apatah lagi dengan adanya undang-undang yang di hadapan kita sekarang setelah di lulus serta dikuatkuasakan, maka perkara yang buruk merugikan negara serta rakyat tidak timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, segala hasil dari tanah lombong dan hutan pada keseluruhannya adalah yang menjadi sumber kekayaan negeri ini seperti rakyat banggakan. Saya berpendapat dan mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan segala sumber galian seperti petroliaam, batu arang dan sebagainya dikenakan bayaran cess mengikut kadar yang patut. Sekarang di Negeri Sarawak, balak hasil pengeluaran hutan bukit dikenakan bayaran cess sebanyak \$1 pada satu tan balak yang dikerjakan. Begitu juga dengan getah yang dikenakan bayaran cess yang tertentu. Dengan adanya wang daripada

hasil bayaran cess, saya rasa pihak Kerajaan dapat menambahkan lebih banyak lagi wang bantuan kepada rakyat seperti dibidang pelajaran, pertanian dan lain-lain lagi. Bagi kepentingan rakyat serta dapat memajukan lagi usaha meninggikan taraf kehidupan rakyat yang tidak bernasib baik lebih-lebih lagi seperti kaum bumiputra di luar-luar bandar di Negeri Sarawak.

Rakyat di kawasan saya apabila melihat syarikat yang mencari minyak sedang berusaha sekarang di kawasan pantai laut sejauh lebih kurang 8 batu daripada Kuala Mukah dan juga di antara kawasan Belingan dan Ulu Mukah, maka rakyat di sana sudah mempunyai keyakinan semoga kawasan-kawasan ini dapat menghasilkan pengeluaran minyak. Oleh sebab sebelum Jepun menduduki Negeri Sarawak pada tahun 1941 di Daerah Mukah sudah jelas kelihatan minyak telah terbukti ada di mana syarikat-syarikat minyak sedang mencari di waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai stesyen menjualkan minyak petrol dan sebagainya di Negeri Sarawak pada hari ini boleh dikatakan hampir 100% yang menjadi wakil-wakilnya atau ejen-ejen menjual minyak itu adalah ditangan rakyat bukan bumiputra. Dengan ini, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya memberi peluang sebagai wakil menjual minyak kepada rakyat bumiputra walaupun dengan cara yang agak kecil di kawasan luar bandar bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru seperti yang kita harapkan.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada PETRONAS dan Kerajaan Pusat atas terbentuknya Rang Undang-undang ini dan berharap semoga negara ini dapat mengeluarkan dan menghasilkan minyak sebagai salah satu alat yang berkesan dan memberi jaminan sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi.

5.00 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong dengan sepenuhnya pindaan-pindaan undang-undang mengenai Petroliaam dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan tentang kesedarannya untuk menguasai perusahaan ini supaya tidak terlepas ke tangan kuasa-kuasa asing

yang sentiasa menunggu-nunggu untuk merebut peluang yang keemasan ini. Sudah lama kuasa-kuasa asing ini mencengkam ekonomi kita melalui minyak. Oleh yang demikian, dengan lulusnya undang-undang ini akan terlepas cengkaman-cengkaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada petroliaam selama ini hasil bumi yang kaya yang didapati di negara ini ialah bijih timah. Bijih timah ini hanya dimonopoli oleh segolongan kecil orang-orang di dalam negeri ini. Mereka menjadi kaya-raya membelanjakan wang mengikut sesuka hati masing-masing. Ini menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati rakyat miskin yang hidupnya kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Tuan Yang di-Pertua, hasil minyak petrol menjadi keperluan hidup kita sehari-hari, selain daripada beras, gula dan sebagainya. Minyak kita gunakan untuk kuasa letrik, bahan api dan untuk kuasa bagi kilang-kilang. Dengan naiknya harga minyak akan memberi kesan yang teruk kepada pengguna-pengguna dan amnya kepada rakyat negeri ini. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan di sini supaya apabila lulusnya Undang-undang ini, saya berharap apabila Kerajaan hendak mengeluarkan lesen-lesen yang berkaitan dengan perniagaan minyak ini hendaklah diutamakan kepada rakyat bumiputra. Selama ini kalau kita lihat boleh dikatakan 90% peniaga-peniaga yang menjalankan perusahaan minyak ini adalah dimonopoli oleh satu kaum sahaja. Kalau dalam pembahagian lesen-lesen teksi, lesen-lesen lori dapat kita jalankan satu dasar memberi keutamaan kepada rakyat bumiputra, lesen-lesen baru yang hendak kita keluarkan itu, sehingga kedudukan bumiputra ini sama seimbang dengan pihak-pihak yang bukan bumiputra. Saya harap dasar ini akan dijalankan juga dalam pemberian lesen-lesen yang mengenai perniagaan minyak petrol ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu apabila pengeluaran minyak petrol sudah meningkat pada khidmat yang begitu lumayan, saya harap keuntungan yang didapati dari hasil minyak petrol ini akan diuntukkan untuk subsidi kepada harga minyak diesel dan harga minyak tanah. Dengan cara ini akan meringankan beban rakyat negara ini terutama mereka yang berpendapatan kecil.

Sekian sahaja, sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.12 *ptg.*

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu):

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada sedikit perkara sahaja yang hendak disyorkan di sini kerana banyak perkara yang saya sediakan ini tadi telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah. Saya dan Ahli Yang Berhormat tadi datang dari Sarawak iaitu negeri yang mengeluarkan minyak, yang mana perkara yang terpaksa saya syorkan ialah very close related ataupun mempunyai sedikit persamaan.

Pertamanya, Tuan yang di-Pertua, saya bersetuju dengan seksyen 4 (c) yang memberi kuasa kepada PETRONAS akan mengambil pemasaran dan membahagikan petroliaam. Dan daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan ada juga kedengaran bahawa penyertaan bumiputra dalam bidang ini akan digalakkan bersama dengan pengurusan yang provision dalam seksyen 4 (c). Penyertaan bumiputra mesti digalakkan di semua bidang dan lebih-lebih lagi di bidang petroliaam ini. Di Sarawak di masa yang lepas S.E.D.C. telah mengambil hak-hak bumiputra dan telah memberi kemudahan pemasaran minyak di kawasan-kawasan tertentu di bawah nama bumiputra. Tetapi mana yang sudah diikuti, mana yang sudah diberi kemudahan oleh S.E.D.C. ataupun Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan bumiputra itu tidaklah sesuai untuk mendapatkan hasil yang memuaskan. Ada juga kalanya tempat-tempat yang banyak di dalamnya yang telah diberi kepada bumiputra supaya menjual dan membekalkan minyak ke kawasan-kawasan tertentu. Ini di tempat mana yang berkurangan kereta dan engin yang menggunakan petrol tidak dapat bumiputra yang ingin berniaga mendapat keuntungan daripada perusahaannya.

Saya membuat seruan kepada Yang Berhormat Menteri supaya menggalakkan PETRONAS membuat atau memberi kemudahan yang berpatutan dengan kehendak-kehendak bumiputra mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Satu perkara yang penting kepada kita apabila membincangkan PETRONAS iaitu Sarawak baru-baru ini telah menandatangani satu perjanjian antara Sarawak dengan

PETRONAS dan saya belum lagi membaca apakah syarat-syarat perjanjian itu, tetapi satu perkara yang saya tahu yang belum ada dibuat ialah representation dari Sarawak dalam perbadanan-perbadanan tersebut.

Saya menyeru pada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya give full representation in the Board kepada orang dari Sarawak supaya rakyat di sana berpuas hati. Satu perkara lagi dengan adanya PETRONAS sekarang akan dapat menyelaraskan kegiatan-kegiatan petroliaam. Dan saya harap tidak ada timbulnya perkara seperti yang sudah bahawa Sarawak ada mengeluarkan minyak, tetapi minyak telah diexport dahulu, selepas itu baharulah di-import. Ini mengakibatkan loss of foreign exchange. Betul juga Kerajaan telah menjelaskan bahawa petroliaam di Sarawak adalah tinggi sulphur atau kurang sulphur, saya kurang faham. But the reason behind this move is that the petroleum found in Sarawak is worth more than the import. So, there is a difference in foreign exchange which is going to the State's revenue but I wonder whether or not the crux of the matter is due to an early agreement of supply by Shell with another consuming country or consumer that this agreement of supply cannot be revoked today and therefore it has to be followed. I would like an explanation on this count from the Minister concerned.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Negeri Sarawak ialah negeri yang mengeluarkan minyak dan saya berharap nanti akan banyak lagi penuntut-penuntut daripada Sarawak yang diberi peluang untuk mengambil matapelajaran mengenai minyak dan petroliaam supaya bila mereka pulang nanti dapat mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan petroliaam.

5.18 *ptg.*

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang yang kita bincangkan pada hari ini. Nampaknya, tidak seorang pun yang membangkang dan saya ucapkan ribuan terima kasih termasuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Semua cadangan dan pandangan yang baik akan diambil perhatian bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita dan juga untuk memenuhi keperluan negara.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sukacita mengatakan di sini bahawa setakat ini, bukanlah menjadi polisi Kerajaan untuk memiliknegerakan apa-apa bidang perindustrian yang ada dalam negara kita ini.

Dengan izin, saya suka menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) I would like to thank him very much for his support to the amendment and also for his support on the participation of Bumiputras in the oil and petrol industry. PETRONAS, being a company registered under the Companies Act, as mentioned in its Memorandum and Articles of Association, is authorised to purchase shares or to buy over any company. PETRONAS was only born seven months ago and it is not expected that PETRONAS should launch its activities in this respect within a short time. The amendments introduced by Clause 3, i.e. the provision of management shares is the first step for PETRONAS to control the management of oil companies in this country.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berkenaan dengan perkara memorandum yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Bahagian Petroliaam di Jabatan Perdana Menteri belum lagi menerimanya. Apa yang diterima ialah satu surat yang bertarikh 14hb Februari, 1975, yang menyatakan bahawa suatu memorandum akan dihantar kepada pihak yang berkenaan. Jadi saya mintalah Ahli Yang Berhormat menyuruh mereka itu menghantarkan memorandum itu dengan secepat yang boleh.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang kerana sokongannya kepada Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, cadangan mengeluarkan saham kepada bumiputra pada masa ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk berbuat demikian, tetapi PETRONAS dengan kuasa-kuasa yang dicadangkan oleh pindaan dalam Bil ini akan menggalakkan bumiputra mengambil bahagian yang active dalam perusahaan yang berkaitan dengan petroliaam, umpamanya, perniagaan memberi perkhidmatan (services) kepada syarikat-syarikat petroliaam. PETRONAS akan membuat syarat kelulusan

kepada sesiapa yang hendak menjalankan perniagaan berkaitan dengan petroliaam supaya bumiputra dapat mengambil bahagian yang sama (equity participation) PETRONAS akan melaksanakan peruntukan Rang Undang-undang ini sebagaimana yang dimintanya supaya dasar ekonomi kita berjalan dengan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bercakap berkenaan dengan kekurangan volume diesel dalam negara ini. Yang sebenarnya, kekurangan volume diesel ini adalah mungkin disebabkan penjualan diesel melalui contract atau bulk purchase dan kurang melalui pam. Oleh itu, pam yang berkenaan dibekalkan dengan volume yang kurang; tidak ada apa-apa lapuran mengenai kekurangan yang telah diterima oleh Bahagian Petroliaam di Jabatan Perdana Menteri.

Clause 2 (c) yang dicadangkan itu terutamanya ialah untuk meliputi syarikat-syarikat yang ada sekarang yang sedang menjalankan perniagaan pemasaran atau pengedaran petroliaam. Peruntukan ini adalah mustahak untuk menentukan perbekalan petroliaam terus dijalankan sementara PETRONAS dapat menjalankan perniagaan ini. Oleh itu, adalah perlu bagi Perdana Menteri diberikan kuasa mengenakan syarat-syarat itu.

Bagi menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkaitan dengan menetapkan harga petrol, kita telahpun ada Control of Supplies and Price Control Act untuk Menteri Perdagangan dan Perindustrian menetapkan harga.

Bekalan diesel adalah mencukupi di dalam negeri ini. Belum ada lagi apa-apa lapuran kekurangan mengenai bahan ini. Jika ada sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkata sudah tentulah tidak kedapatan kenderaan-kenderaan yang begitu sebok di Kuala Lumpur pada hari ini.

Suruhanjaya Harga (Price Commission) difikirkan tidak perlu dibentuk oleh kerana suatu Jawatankuasa telahpun ada dan menjalankan kerjanya dengan sangat memuaskan. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil dari Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan dan Jawatankuasa ini akan bersidang, jika ada apa-apa permohonan dari Kompeni-kompeni minyak untuk menaikkan harga minyak.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu Sarawak telahpun diwakili dalam Majlis Penasihat Petroliaam Negara. Ini berdasarkan kepada Fasal 5 (i) dalam Akta Kemajuan Petroliaam, 1974.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan, sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaan-pindaannya adalah seperti di bawah ini:

PINDAAN

Fasal 1 ... Gantikan angka dan tanda kurungan "(2)" yang terdapat di baris 2 fasal-kecil (2) dengan angka "2".

Fasal 3 ... (a) Masukkan perkataan "yang" antara perkataan-perkataan "berkenaan itu" dan "mana adalah semasa" yang terdapat dalam baris 4 seksyen pindaan 6A (5) (a).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 1 hingga 3 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan, sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaan itu adalah seperti di bawah ini:

AMENDMENT

Clause 5 ... Insert the words "under this Act" immediately after the words "performance of any of his duties" appearing in line 5 of the amending section 7A.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 5 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6 dan 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958, Akta Instituit Penyelidikan Getah Malaya, 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 dan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Memandangkan keempat-empat Undang-undang bagi Badan-badan Berkanun tersebut mempunyai pindaan-pindaan yang serupa tujuannya maka pindaan-pindaan bagi keempat-empat Undang-undang yang berkaitan adalah disatukan di bawah satu pindaan yang dinamakan Akta Badan Berkanun Getah, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kembali kepada session Parlimen dalam bulan Ogos/September, 1972 yang terdahulu yang telah meluluskan Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan juga pindaan-pindaan kepada Ordinan Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958 dan Akta Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu, 1966. Dengan adanya kelulusan Akta-akta dan pindaan-pindaan tersebut maka Akta/Ordinan yang berkaitan telahpun dilanjutkan ke Sabah dan Sarawak dan dengan itu tambahan ahli Lembaga masing-masing bagi kedua-dua

buah negeri tersebut diperuntukan. Oleh hal yang demikian, Kementerian Perusahaan Utama telah mengambil tindakan bagi melantik ahli-ahli Lembaga yang berkaitan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya juga telah menghantar satu rombongan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1972 berhubung dengan perlanjutan Akta/Ordinan tersebut ke negeri-negeri itu. Perbincangan-perbincangan telah diadakan dengan pihak-pihak berkenaan di Sabah dan Sarawak bagi menerangkan kepada pegawai-pegawai di sana mengenai tugas-tugas dan tujuan Akta/Ordinan yang berkaitan terutama mengenai kuatkuasanya ke Sabah dan Sarawak berserta dengan implikasi kewangan. Namun demikian sehingga sekarang, berbagai masaalah masih lagi timbul dan dengan itu perlantikan ahli-ahli bagi Sabah dan Sarawak bagi keempat-empat Badan yang berkaitan masih tidak dapat dibuat, dan boleh jadi tidak mungkin dapat dibuat dalam beberapa lama lagi. Dengan tiadanya perlantikan-perlantikan tersebut maka Badan-badan tersebut tidak dengan sah ditubuhkan.

Tujuan pindaan-pindaan ini adalah untuk membolehkan Badan-badan yang berkaitan ditubuhkan dengan sahnya memandangkan masaalah-masaalah yang dihadapi berkaitan dengan perlantikan ahli-ahli Lembaga dari negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen-seksyen yang berkenaan Akta/Ordinan tersebut.

Memandangkan jenis tugas-tugas dan kuasanya yang mempunyai kewajipan-kewajipan yang penting dan perlu dijalankan dengan segera, maka Badan-badan ini terpaksa disahkan semenjak berkuatkuasanya undang-undang yang mengujud atau menyusun semula mereka itu. Oleh hal yang demikian, maka tujuan Rang Undang-undang ini adalah supaya badan-badan tersebut ditubuhkan dengan sahnya sejak dari masa ianya diwujudkan atau disusun semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.40 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh

Kementerian yang berkenaan dan saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang yang dipinda ini akan menjadikan pekebun-pekebun kecil nasibnya lebih baik daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya mengesyorkan beberapa perkara dalam Jawatankuasa yang akan ditubuhkan ataupun yang dipinda untuk menjadi panduan. Pada pendapat saya, kedudukan getah bagi pekebun kecil akan lebih baik daripada yang ada sekarang. Sebelum daripada itu, izinkan saya mencontohi satu daripada bahan yang ada di dalam Malaysia iaitu padi. Pada tahun 1963 telah berlaku kemerosotan harga padi sehingga tidak ada tempat hendak menjual padi kerana pasaran padi masa itu tidak laku tetapi dengan kerana daya usaha daripada Kerajaan khasnya Jabatan Perdana Menteri menubuhkan satu Jabatan yang dinamakan L.P.N. (Lembaga Padi dan Beras Negara), dengan daya usaha L.P.N. maka kedudukan harga padi boleh dikatakan baik sampai hari ini. Maka dengan sebab itu, saya berharap patutlah Jawatankuasa ini mengambil satu daya usaha yang utama supaya menetapkan harga getah pekebun kecil, yang pada pendapat saya janganlah kurang daripada \$50 sepikul ataupun 50 sen sekati.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya getah adalah bahan yang menjadi pasaran utama dunia kerana itu tentulah amat rumit kepada pihak Kerajaan untuk menentukan bagaimana meletakkan harga padi, tetapi walau bagaimanapun kita sama-sama maklum Kerajaan telah memberikan keutamaan kepada pekebun-pekebun kecil dengan memberi bantuan cara tanam semula. Ini maknanya diambil daripada wang harga getah tadi. Saya berpendapat lebih baik cara bagi subsidi kepada pekebun kecil dengan menetapkan harga tidak kurang daripada 50 sen sekati ataupun cara tak langsung diberi subsidi kerana kalau dibagi cara begini yang mendapat keuntungan ialah kepada kedua lapisan. Satu, kepada pekebun kecil sendiri, dan yang kedua, kepada penoreh-penoreh getah. Jadi kalau kita beri seperti yang dibuat oleh Kerajaan hari ini, cara bantuan pekebun-pekebun kecil semata-mata itu dikhaskan kepada pekebun kecil yang bergeran, sedangkan penoreh tidak mendapat apa-apa. Walau bagaimanapun, saya tidaklah membangkang terus rancangan Kerajaan ini, tetapi kalau boleh diutamakan

sebagaimana yang saya kata tadi secara subsidi jangan kurang daripada 50 sen sekati atau kalau lebih daripada itu, memandangkan kepada kedudukan harga pasaran dunia.

Juga sesudah harga getah kita turun, saya tahu Menteri Perusahaan Utama dengan daya usahanya berikhtiar seribu satu macam, dan atas usahanya itu kita ucapkan tahniah kerana usahanya ke sana ke mari yang kita sama-sama maklum, tetapi walau bagaimanapun harga getah daripada pekebun kecil amatlah rendah. Sesudah itu, saya misalkan harga getah \$60 sepikul tetapi bagi pekebun kecil dia jadi \$40 sepikul atau 40 sen sekati dengan sebab nilai getah pekebun kecil kalau dinilai seperti estet yang besar Nombor 1, tetapi kalau pekebun kecil tak pernah lebih daripada No. 4 ataupun No. 5. Begitulah nasib pekebun kecil. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya berikhtiar sebagaimana syarikat kerjasama dalam Jabatan Pertanian menubuhkan syarikat-syarikat kilang kecil, maka saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan mengadakan kilang-kilang getah walaupun kecil dan seboleh-bolehnya membenarkan lesen seberapa yang banyak yang boleh asalkan difikirkan berpatutan. Saya kata begitu kerana kita sama-sama ketahui kalaulah kedai itu banyak di satu-satu tempat, maka dengan sendirinya harga barang itu menjadi murah dan kalau banyak orang hendak membeli, harga barang itu akan naik dengan sendirinya. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan dengan membanyakkan kilang-kilang kecil umpamanya di Perlis dan Menteri yang berkenaan akan menjawab bahawa tak cukup quota dan sebagainya. Saya selalu berharap dan meminta, tetapi sebagai wakil rakyat, kalau saya pergi ke tempat pekebun kecil, itu juga yang diminta, dan itu juga yang disoalkan, maka saya terpaksa berulang kali walaupun Menteri kata sudah minta berulang kali, selagi hajat tak berjaya, selama itulah saya cuba mendapatkan supaya mendapat kejayaan.

Dan selain daripada itu juga, saya berharap dengan daya usaha Kementerian yang berkenaan, akan menubuhkan syarikat sebagaimana yang saya katakan tadi kalaulah tak boleh mengadakan syarikat kilang getah sekalipun mengadakan syarikat rumah asap dan sebagainya, kerana sebagai seorang petani, walaupun saya tidak ada kebun

getah, tetapi saya amat ketahui dengan sejelas-jelasnya akan nasib pekebun kecil. Jadi dengan adanya rumah asap itu, ianya boleh menaikkan harga getah lebih tinggi sedikit.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita akan menubuhkan Jawatankuasa, kalau tak silap saya dengan menambah ahli dan sebagainya. Saya berharap dalam Jawatankuasa yang berkenaan, biarlah ahli-ahli yang pakar sekali, kalau macam saya tentu saya kata saya tak tahu sama sekali, tetapi biarlah pakar dalam dua perkara. Pertama, dia pakar berkenaan pasaran getah luar (pasaran getah dunia) dan yang kedua, dia juga pakar berkenaan dengan kedudukan getah pekebun kecil. Dengan sebab itu dia boleh buat penilaian, kalau dia hendak bermesyuarat, dapat menimbang dari segenap segi baik di luar ataupun di dalam.

5.45 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958, Akta Instituit Penyelidikan Getah Malaya, 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 dan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 seperti yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan.

Memandangkan kepada tugas-tugas dan kewajipan yang telah diletakkan di bawah Akta-akta tersebut, terutama sekali di bawah Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972, Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, maka saya sifatkan bahawa pindaan ini mustahak dan penting sekali. Walau bagaimanapun, saya ingin hendak menyentuh sedikit bersabit dengan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 yang akan dipinda oleh Rang Undang-undang ini. Saya mendapat fahaman bahawa di bawah Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 ini maka ditubuhkan RISDA dan saya juga mendapat faham bahawa ahli-ahli yang dilantik oleh Kementerian Perusahaan Utama dalam perbadanan RISDA di antara lain ialah ahli termasuklah seorang wakil daripada Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar, seorang wakil daripada Kementerian Pertanian dan Perikanan dan lain-lain pihak lagi, yang jumlah semuanya kalau tak salah saya ialah seramai 14 orang.

Bersabit dengan wakil daripada Kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi seperti mana yang dimaklumi bahawa kedudukan di antara Kementerian Pertanian dan Perikanan sekarang ini telahpun disatukan menjadi satu Kementerian sahaja, tidak berasingan seperti yang telah sudah. Dengan sebab itu, saya berharap wakil daripada Kementerian di dalam perbadanan RISDA dapat mempertimbangkan wakil daripada Kementerian-kementerian yang lain terutama sekali Kementerian yang ada hubungannya dengan perusahaan getah seperti wakil daripada Kementerian Kemajuan Tanah umpamanya. Sebagaimana yang kita tahu bahawa Kementerian Kemajuan Tanah mempunyai hubungan yang penting dengan perusahaan getah, kerana ladang-ladang getah di bawah Rancangan FELDA dan FELCRA di seluruh negara kita adalah luas sekali. Saya menaruh harapan bahawa jika wakil daripada Kementerian tanah dilantik di dalam perbadanan RISDA maka beberapa masalah yang bersabit dengan perusahaan getah ini akan dapat dibincangkan bersama dan mungkin juga memberi kesan yang berfaedah kepada perusahaan getah di negara kita terutama sekali kepada golongan pekebun kecil termasuk seperti Rancangan FELDA dan FELCRA yang menanam getah.

Perkara yang kedua, yang hendak saya bangkitkan sedikit bersabit dengan Akta Pihakberkuasa Pekebun kecil Perusahaan Getah Tahun 1972 juga ialah berhubung dengan koordinasi pihak RISDA dengan pihak-pihak yang lain. Sejauh manakah koordinasi yang telah dibuat oleh pihak RISDA dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang lain dan sejauh manakah kerjasama yang telah didapati oleh pihak RISDA daripada agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang tersebut adalah di luar pengetahuan saya.

Apa yang hendak saya tekankan dalam perkara ini ialah supaya koordinasi itu lebih diperkuatkan dan lebih dirapatkan lagi, terutama sekali dengan badan-badan yang berkuasa dalam bidang-bidang penyelidikan, dalam bidang-bidang perkembangan, dalam

bidang-bidang pemasaran dan lain-lain bidang yang ada hubungannya dengan perusahaan getah itu sendiri. Saya menaruh yakin bahawa dengan kerjasama daripada agensi-agensi dan badan-badan yang saya sebutkan tadi bahawa matlamat bagi meninggikan perusahaan getah dalam negara kita dan matlamat hendak meninggikan taraf sosio-ekonomi golongan pekebun-pekebun kecil akan tercapai dengan lebih cepat lagi.

Satu perkara lagi yang hendak saya sentuh berkenaan dengan pindaan ini ialah mengenai Persatuan Pekebun-pekebun kecil. Saya mendapat faham bahawa masih ramai lagi bilangan Pekebun-pekebun kecil di seluruh negara kita yang masih belum lagi menjadi ahli kepada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil dan kedudukan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil itu sendiri pula kalau tak salah saya telah ada lebih daripada satu buah, dengan sebab-sebab itu sukarlah bagi pekebun-pekebun kecil sendiri hendak menyalurkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat mereka dan sukar pula bagi Kerajaan juga hendak mengetahui akan hasrat dan kemahuan mereka.

Dengan sebab-sebab yang saya sebutkan tadi saya harap pihak Kerajaan akan mengambil langkah menganjurkan sebuah Persatuan Pekebun-pekebun Kecil dalam negeri kita dan langkah-langkah menarik minat pekebun-pekebun Kecil menjadi ahli kepada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil untuk menolong bagi mencapai maksud meninggikan taraf hidup sosio-ekonomi golongan pekebun-pekebun kecil dalam negeri kita ini.

5.53 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit dalam dua tiga perkara dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Speaker, Sir, I would like to bring up a few points under this Ministry of Primary Industries. The first is that this Bill to amend the Malaysian Rubber Fund Ordinance, the Rubber Research Institute of Malaya Act, the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board Act and the Rubber Industry Smallholders Development Authority Act is necessary largely because of the fact that the Ministry has been unable to nominate sufficient members to the Boards of these respective bodies. I would like to bring to the notice of the Ministry concerned that this is

a position, i.e. shortage of qualified people, which is not only true in the case of the Boards concerned but also at the lower levels of administration.

I have received many complaints from smallholders and even from small rubber dealers in Negri Sembilan and Malacca that they find great difficulty to renew their licences or to obtain the licences for dealing in rubber. For example, in Malacca the smallholders and the small rubber dealers complained that they have to travel great distances because there is only one office in Malacca and that is the office of the RISDA which has taken over part of the functions of the Licensing Board to issue licences to rubber dealers. They say it is a great inconvenience to them when before it was quite convenient to obtain it at a nearby place, but now they have to travel long distances. Moreover at this same office at RISDA in Malacca there are insufficient officials to help them to obtain the licences. In fact, there are only two such persons in charge of the RISDA office in Malacca; as a result, there are long queues daily of people who want to register or apply for licences. This situation, Tuan Speaker, Sir, is quite unnecessary and I hope the Ministry concerned will take steps to rectify the anomaly so as not to cause too much hardship to the smallholders and the small rubber dealers.

The other matter I would like to bring up is the question of the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board. Some two years ago in this House there was a great hue and cry among Members here saying that we must develop our marketing expertise and that we must make Kuala Lumpur the international marketing centre for rubber. Today, I am afraid that, much as we would like this to happen, unfortunately, probably because of the shortage of expert personnel, this has not come about really so much and we are still very much under the control of other international marketing centres like London and New York. To help to correct this, probably one way out would be for the Asean countries, which produce 85% of the natural rubber in the world, to get together and probably form a common licensing or marketing board or authority so as to present a counterpart to the other international marketing centres like New York and London. If

we pool our resources together in the Asean countries, probably we can help to control the market better and more efficiently.

The last point, Tuan Speaker, Sir, I would like to bring up is this question of setting-up of factories for S.M.R. rubber. Probably because of the shortage again of personnel, some of the factories for producing S.M.R. have been located in the most unfortunate positions. Although the very nature of the product is quite offensive to the residents around there, some factories have been located in areas which are residential causing a lot of nuisance to hundreds of people around the factory. I would like to quote the instance of the factory particularly in Bahau, Kuala Pilah Road area, and in fact the residents of that area have written time and again to the Ministry concerned to help to rectify the situation so that the offensive effluence and offensive smell emanating from that factory can be corrected or abolished, and also another factory in the Rantau area which is also causing a lot of nuisance to the residents around that area.

I hope the Ministry concerned will take note of these three points which I have just brought up and that something would be done about it.

5.58 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mendapat sokongan di atas Rang Undang-undang ini. Di sini saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Prior to the 28th November, 1974, the rubber price was very depressed. Because of the socio-economic well-being of our smallholders, the Government had on the 28th November 1974 launched a national crash programme so as to stabilise rubber prices.

The rubber price then increased from 97 cents per kilo up to 130-odd cents and is now fluctuating between 125 to 140 cents per kilo. This was done solely on our part by our own effort. We would like to seek the co-operation from the Asean natural rubber producing countries. We had a meeting of rubber experts in Kuala Lumpur trying to find out ways and means of working out a stabilisation plan. This is still in progress and we

hope that with the sincere support and close co-operation from the natural rubber producing countries, we can finalise the international stabilisation plan for rubber.

If we are in a position to work out this plan, we will then be in a position to stabilise rubber prices, and we hope we can get a higher price for our natural rubber. If all the natural rubber producing countries co-operate with one another and if we can mop up the excess rubber in the market, my Ministry reckons that we can stabilise rubber prices and also we will be in a position to give a better price to our smallholders rubber.

In reply to the Honourable Member for Padang Terap, we will try our best to get hold of our rubber experts to serve in the statutory bodies connected with rubber. As a matter of fact, we have got a representative from the Ministry of National and Rural Development to serve in the Risda Board. We also have a representative from the Ministry of Agriculture to serve in the Risda Board. In addition to this, we have got the Director of the Malaysian Agriculture Research and Development Institute, the Director of the Rubber Research Institute of Malaysia and five representatives of the small-holders sector of the rubber industry and two representatives of the estate sector of the rubber industry, on the nomination of the Rubber Producers Council, to serve on the Risda Board.

In reply to the Honourable Member for Seremban, my Ministry is doing its best to expedite the renewal of the licences for the rubber dealers. We are in a transition period, because we have just taken over the issuing of licences to the rubber dealers from various State Governments.

This year onwards, the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board is responsible for the renewal of licences to the rubber dealers. We hope that in time to come we will be in a better position to smoothen out this transitional problem.

We are trying our very best to make Kuala Lumpur the international rubber marketing centre, but there are a few technical problems to be sorted out. It is not easy to remove from one established rubber marketing centre to another within a short time because the communication facilities, the telephone facilities, the technical experts in dealing with

the transaction of rubber and a few other problems have to be ironed out. But with the establishment of the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board, especially with the new Chairman, we hope that we would be in a better position to iron out all these problems in time to come. But to be frank on this score, it will take us a bit of time to make Kuala Lumpur the established international marketing centre. I can assure the Honourable Member for Seremban that we will do our best to make Kuala Lumpur the established international marketing centre.

With regard to the establishment of S.M.R. factories, it is up to the private sector and the public sector to select the sites because the factories have to be located within the vicinity of rubber smallholders and estates. We hope to use various ways and means to neutralise the effluent discharge, especially the acetic acid, and, if necessary, we will ask the factories to dig out ponds so that the effluent discharge can be channelled into the ponds before being allowed to flow into the rivers. That is all I have to say, Tuan Yang di-Pertua.

In conclusion, the purpose of this Act, as I have said before, is to make the rubber statutory bodies, which have important and urgent duties to perform, properly and duly constituted as from the time the laws creating or reconstituting them came into force.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk satu Akta untuk meminda Ordinan Pendaftaran Ahli-ahli Farmasi, 1951.

Pindaan yang dicadangkan terhadap seksyen 6 dan seksyen 22 adalah bagi memberi hak pendaftaran kepada siswazah-siswazah Farmasi dari Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dan bagi mentakrifkan dengan lebih jelas lagi kuasa-kuasa budibicara Lembaga Farmasi berhubung dengan syarat-syarat perantisan dan pendaftaran ahli-ahli farmasi.

Kumpulan pertama Siswazah-siswazah Farmasi dari Sekolah Farmasi Sains, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang yang ditubuhkan dalam tahun 1972, akan tamat pengajiannya pada bulan Jun tahun ini. Di bawah Ordinan Pendaftaran Ahli-ahli Farmasi sekarang, Lembaga Farmasi adalah satu badan yang diberi tanggungjawab bagi mendaftarkan ahli-ahli Farmasi dalam negara ini. Oleh itu, Lembaga Farmasi telah mempertimbangkan satu memorandum yang dikemukakan oleh Sekolah Sains Farmasi, mengenai kursus-kursus yang perlu diikuti oleh penuntut-penuntut yang berkenaan. Lembaga Farmasi telah membuat keputusan bahawa siswazah-siswazah itu boleh didaftarkan selepas mereka mengikuti latihan "housemanship" selama setahun di Hospital-hospital dan di Institusi-institusi yang diper-setujui. Oleh yang demikian, seksyen 6 adalah dipinda untuk membolehkan kelayakan Farmasi dari Universiti Sains Malaysia dimasukkan ke dalam Ordinan Pendaftaran Ahli-ahli Farmasi sebagai satu daripada kelayakan-kelayakan yang membolehkan Lembaga mendaftarkan siswazah-siswazah kita sendiri.

Mengenai peperiksaan yang dikelolakan oleh Lembaga Farmasi, ada didapati rakyat Malaysia yang telah kembali dari negara-negara luar dengan kelayakan Farmasi yang tidak diiktiraf oleh Lembaga pada waktu ini, yang mana Lembaga berpendapat perlulah dinilai dengan mengadakan peperiksaan

ke atas calon-calon itu. Pindaan terhadap seksyen 22 yang dicadangkan ini, akan membolehkan Lembaga Farmasi menentukan atau mengadakan peperiksaan-peperiksaan yang difikirkan perlu untuk menilai kesesuaian rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan Farmasi luar negeri itu bagi tujuan pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Akta Pendaftaran Ahli-ahli Farmasi (Pindaan), 1975 bagi meminda seksyen 6 dan seksyen 22 dalam Ordinan Pendaftaran Ahli-ahli Farmasi 1951 dibaca bagi kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, koram tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih dari 26 orang Ahli hadir.*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

mengemukakan Rang Undang-undang Perbadanan iaitu satu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966 dibaca bagi kali yang kedua.

Di dalam Akta MARA, 1966 ada didapati seksyen-seksyen yang memberikan peruntukan yang terhad, tetapi sebaliknya ada pula yang kuasanya berluasan. Oleh itu, adalah difikirkan perlu dipinda seksyen-seksyen yang berkaitan di dalam Akta tersebut untuk membolehkan Menteri yang berkenaan menggunakan budi-bicara di mana perlu dan mengawasi tugas-tugas MARA di bidang yang tertentu. Perkara utama di dalam Rang Undang-undang pindaan ini ialah untuk memberi kepada Menteri yang bertanggungjawab kuasa yang luas di dalam perlantikan Ahli-ahli Majlis. Di samping itu pindaan tersebut membolehkan juga Menteri melantik Ahli-ahli silih ganti di mana Ahli-ahli Majlis tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai awam. Pada masa sekarang Majlis adalah bebas untuk menubuhkan sesuatu perbadanan dengan sendirinya. Adalah difikirkan kuasa seperti ini sangatlah luas dan tidak berapa sesuai. Untuk mengelakkan penubuhan perbadanan yang mungkin akan mendatangkan penentangan dan persaingan dengan perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh MARA sendiri ataupun perbadanan-perbadanan awam yang lain, maka pindaan Rang Undang-undang ini menghendaki Majlis supaya mendapatkan kelulusan Menteri terlebih dahulu sebelum menubuhkan sesuatu perbadanan. Begitu juga pindaan ini memansuhkan peruntukan Jemaah Penasihat bagi Majlis. Langkah ini diambil ialah kerana dengan tertubuhnya Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam yang bertanggungjawab di atas perbadanan-perbadanan awam termasuk juga MARA, maka didapati tugas-tugas Kementerian ini dari segi mengawasi dan menyelaras perjalanan MARA adalah sama juga dengan tugas-tugas Jemaah Penasihat itu.

Lain-lain pindaan yang didapati di dalam pindaan Rang Undang-undang tersebut adalah semata-mata berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan diluluskan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.20 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini. Apabila pindaan-pindaan mula berjalan kuatkuasanya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan lebih senang memilih dan melantik ahli-ahli yang difikirkannya lebih sesuai dan lebih sejajar pengalamannya untuk memandu dan memimpin majlis ini dalam menyempurnakan dan menjalankan tugas-tugasnya demi kepentingan negara dan bangsa. Sungguhpun kita ada mendengar dari satu masa ke satu masa kritikan-kritik dan sungutan-sungutan berkenaan dengan projek-projek yang telah dikendalikan oleh MARA, tetapi dalam daya-usaha membangunkan negara semenjak merdeka, MARA telah dapat memberi sumbangan-sumbangan yang terpenting dan berharga. Lebih-lebih lagi dalam projek-projek yang berfaedah kepada orang-orang kita dan kepada kawasan-kawasan di luar bandar. Oleh itu, demi kepentingan kita mustahak benar bahawa orang-orang yang dipilih memandu dan memimpin MARA adalah orang-orang bukan sahaja berkelulusan tinggi tetapi juga masak dan faham berkenaan dengan pergolakan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan peraturan-peraturan yang dibuat mustahak adanya untuk menjaga keselamatan dan perjalanan projek-projek yang dibantu dan didokong oleh MARA supaya wang yang berjuta-juta ringgit yang dibiayai dan didahulukan oleh Kerajaan digunakan dengan cermat dan berkesan. Tetapi mustahak juga ialah viability sesuatu projek itu, pengalaman dan kebolehan orang-orang yang akan berusaha, mengendali dan memajukan projek-projek tersebut. Adakah mereka cukup berpengalaman. Adakah mereka orang yang sedia bertekun dan bekerja kuat, sabar dan tidak mudah berputus asa bila menempuh kesusahan dan kesulitan yang biasa dialami pada masa-masa permulaannya. Tidak cukup dengan mengadakan tanah untuk cagar dan gadaian sahaja, sebaliknya walaupun kurang cukup tanah atau harta untuk dijadikan cagar, tetapi bila dari segi pengalaman, kebolehan dan kezaman ada bukti projek yang dirancang itu boleh maju tidak menjadi salah pula jika orang-orang yang demikian dibantu, diberi

galakan dan pimpinan. MARA, saya percaya sekarang ada pegawai-pegawai yang terlatih dan terpelajar untuk menimbang hal-hal ini dan memberi nasihat yang constructive dan progressive, tidak cuma hendak ukur-ukuran dari segi peraturan-peraturan tetap yang tertulis di kertas sahaja. Saya percaya dan berharap bahawa pegawai-pegawai MARA sungguhpun berpanduan kepada peraturan-peraturan yang dibuat akan menggunakan cukup pengalaman dan kemahiran yang mereka telah dapati dalam perhubungan mereka dengan pihak swasta dalam lapangan perindustrian dan perdagangan dalam beberapa tahun yang lalu semenjak merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kemajuan dan perkembangan ekonomi negara kita, MARA telah memainkan dan sedang memainkan peranan yang penting, khasnya berkenaan dengan perkembangan ekonomi bumiputra di kawasan-kawasan di luar bandar. Dalam persidangan majlis yang mulia ini yang baharu lepas di antara perkara-perkara yang diberi keutamaan ialah perkembangan projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan di luar bandar. Dalam soal ini saya anggapkan MARA sebagai salah satu pertubuhan yang boleh memberi sumbangan yang istimewa. MARA boleh mengeluarkan modal dan mengadakan kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja dari orang-orang kita yang boleh membantu, terlatih dan mengambil bahagian di dalam projek-projek yang berkenaan. Oleh sebab lapangan-lapangan ini kebanyakannya terbaharu kepada pihak bumiputra, tidak salah sebaliknya jikalau diadakan joint-venture dengan firma-firma yang difikirkan sedia bekerjasama dengan kita serta sedia patuh kepada segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa di dalam negeri ini di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dalam operasi yang begini mustahaknya bukan sahaja keluaran yang elok dan banyak daripada kilang-kilang, projek-projek yang hendak dijaga dan diatur ialah juga kelolaan yang rapi, pasaran yang cukup dan dapat diperbesarkan dari satu masa ke satu masa dan perhubungan dengan luar negeri untuk eksport dan juga membeli jentera-jentera dan sebagainya yang diperlukan. Dengan jalan joint-venture dengan syarikat-syarikat yang memelihara kepentingan rakyat dan negara, kita dapat peluang menapak ke

dalam lapangan-lapangan yang masih baharu ini yang tidak boleh dicapai, dipupuk dan dibesarkan dalam masa 4-5 tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tumpukan hanya kepada pindaan ini. Kita tidak membincangkan Akta asal.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya patuh. Oleh sebab itu, saya berharap dengan memulakan kuasa-kuasa yang lebih senang ini apabila Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab melantik ahli-ahli ke dalam Majlis MARA dari segi swasta, Yang Berhormat Menteri akan memilih orang-orang yang bukan sahaja cukup pengalaman dalam lapangan perindustrian dan perdagangan, tetapi hendaklah mereka itu penuh bersemangat Malaysia membangun, serta sedar akan pentingnya kawasan-kawasan luar bandar diberi segala keutamaan supaya tidak lama lagi jadi seimbang pada ekonominya dengan kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.27 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966.

Nampaknya Rang Undang-undang ini tidak begitu banyak hanya dalam bidang perlantikan ahli, tetapi oleh kerana ahli ini merupakan asas untuk kemajuan bagi satu Majlis, ia merupakan tapak bagi memajukan Majlis ini, maka saya fikir amat perlu dibahaskan sedikit-sebanyak bagi ahli-ahli mengeluarkan fikirannya untuk kebaikan MARA. Tuan Yang di-Pertua, apakala kita bercakap fasal MARA, maka percakapan ini sebenarnya bukan kritik benci, tetapi kerana sayang kepada MARA di mana MARA ini adalah satu badan yang selama ini ditubuhkan semenjak dari RIDA lagi bagi menolong bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Ini bolehlah dikatakan kejayaan bumiputra dalam lapangan perniagaan di masa yang lalu boleh disebutkan adalah hasil dari bantuan dan pertolongan dari MARA, samada pertolongan wang ringgit mahupun tunjuk-ajar yang diberi oleh pihak

pegawai-pegawai MARA dari peringkat pusat, negeri dan daerah. Ini saya rasa tidak siapa dapat menafikan. Apa yang ingin kita sebutkan di sini ialah Akta yang dibentangkan di sini bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik ahli-ahli dengan lebih luas lagi. Ini saya rasa tentulah dengan niat dan tujuan untuk memperbaiki lagi badan ini, setelah kita melihat apa yang telah dijalankan pada masa yang lalu ataupun pengajaran yang kita dapati masa yang lalu. Jadi saya rasa ini yang hendak dijalankan setelah pindaan Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa ahli-ahli Majlis Amanah Rakyat ini adalah merupakan tiang bagi memajukan MARA maka saya minta kepada Menteri yang berkenaan agar perlantikan ahli-ahli pada masa yang akan datang adalah benar-benar terdiri daripada mereka yang berkelayakan. Maksud saya yang berkelayakan ini bukanlah terdiri daripada mereka yang berkelulusan tinggi sahaja, tetapi mereka juga ahli dalam lapangan perniagaan dan lapangan ekonomi dan juga lapangan-lapangan yang lain, kerana kadang-kadang kalau kita melantik seseorang itu orang yang berkebolehan dalam pelajaran, tetapi mereka tidak tahu. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjangkah lagi hendak bercakap?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sambung esok.

PENANGGUHAN

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

Pengundi-pengundi Didaftarkan Sepanjang Tahun.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lain kali Ucapan Tangguhan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Cho Hock: Saya cuba lain kali. (*Dengan izin*) Mr Speaker, it is a wellknown fact that a great percentage of our eligible citizens are not registered as voters yet. In order to make democracy in this country meaningful and purposeful, all our eligible citizens should be registered as voters. But, regrettably, over the last few years instead of finding ways and means to register more voters, the Election Commission has been launching a campaign to deregister voters. As a result of this campaign, hundreds of thousands of voters have lost their right to vote. The Honourable Minister of Lands and Mines, for instance, has been a victim of this campaign and I myself am also a victim. If the Government really believes in the democratic system, they should see to it that all eligible citizens should be registered as voters.

One of the means is to have automatic registration of voters. When a person reaches the age of 21 his name should automatically be included in the Register of Voters, i.e. the Electoral Rolls. This method, of course, requires the close co-operation of the Registrar of Births and Deaths. There should be a record in the Registration Department of Births and Deaths of persons reaching the age age of 21. These particulars can easily be obtained by the Election Commission from this Department. I am not suggesting that this should be an exclusive method; it should be used as a supplementary or complementary means in addition to other methods.

Secondly, the present system of having only one month in a year to register voters is grossly inadequate. The registration of voters should be opened all year round. If the present system is changed to registration throughout the year, I believe it does not involve much more work because the compilation of the Electoral Rolls can be done, say, after a certain date. All the applications for registration as voters can be piled up or put aside until that date

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 8hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.36 petang.